



AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN

**SUCCESS**

S t o r y 2 0 1 7



# KATA-KATA ALUAN **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI**



**Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam  
Negaraku Malaysia.**

**Terima kasih kepada semua warga AADK yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan Buku Success Story Agensi Antidadah Kebangsaan 2017. Seperti yang kita sedia maklum, halatuju AADK terarah kepada visi Malaysia Bebas Dadah ditunjangi dengan Dasar Dadah Negara yang telahpun dilancarkan oleh YAB Menteri Dalam Negeri.**

Pemikiran 'out of the box' dan pendekatan Strategi Lautan Biru yang mencabar pemikiran tradisional semakin dilaksanakan secara meluas. Dengan itu, sebagai warga AADK kita seharusnya sentiasa memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan bagi menghadapi cabaran masa kini. Kegagalan warga AADK untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan permintaan sekeliling akan menyebabkan kita ketinggalan dan tidak lagi relevan kepada perkhidmatan awam.

Memetik ucapan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, penyampaian perkhidmatan dan kecekapan tadbir urus yang baik (good governance) serta mengutamakan budaya kerja cemerlang merupakan ekspektasi yang perlu diberi perhatian selaras dengan dasar kerajaan yang mendahulukan kepentingan rakyat dan mengutamakan pencapaian. Kecemerlangan individu sahaja tidak cukup bagi menjamin kejayaan sebuah organisasi. Kecemerlangan itu seharusnya diterapkan dalam budaya kerjasama sepasukan(teamwork) dan selari dengan nilai-nilai 'Cepat, Tepat dan Integriti' (CTI) dan prinsip 'Produktiviti, Kreatif dan Inovasi' (PCI) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2012. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang selama ini bertungkus lumus menjayakan program-program pencegahan dadah, rawatan perubatan, operasi-operasi bersepadu dan menjadi agensi peneraju kepada permasalahan dadah di negara ini. Tidak lupa juga kepada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Bahagian Farmasi, KKM, Jabatan Patalogi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, seluruh agensi dan kementerian yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu di sini serta semua NGO yang telah banyak menggerakkan usaha-usaha memerangi musuh nombor satu negara.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Y. Bhg Dato' Dr. Ketua Pengarah AADK serta semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menerbitkan Buku Success Story Agensi Antidadah Kebangsaan 2017. Penerbitan Buku ini diharapkan bukan hanya dijadikan sebagai tatapan umum pada masa kini malahan ia akan menjadi sumber rujukan kepada generasi akan datang.

**DATO' SERI ALWI BIN HJ IBRAHIM**  
Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

## **Assalamualaikum WBT. dan Salam Sejahtera**

Saya terlebih dahulu ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat izin, limpahan kurnia dan makbul-Nya kita dapat menikmati keamanan dan kemakmuran Negara ini. Alhamdulillah dan terima kasih juga ingin saya zahirkan terutama kepada seluruh warga kerja AADK di seluruh negara kerana telah berjaya merialisasikan segala perancangan yang telah dirangka dalam tahun 2017 bagi melaksanakan segala amanah yang telah diberikan sebagai agensi utama dalam membanteras dadah di negara ini. Terima kasih juga kepada sidang editor yang saya dimaklumkan dari seluruh negara yang telah memberi input untuk penerbitan Buku *Success Story AADK 2017*.



Penerbitan *Success Story AADK 2017* ini merupakan antara usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh AADK seperti yang terkandung dalam Pelan Komunikasi di bawah Dasar Dadah Negara (DDN) terbaharu yang merupakan pengemaskinian dan penambahbaikan kepada DDN 1983. Melalui ini, masyarakat dapat melihat dan mengetahui lebih lanjut mengenai pelbagai usaha dan pendekatan yang telah dilaksanakan oleh AADK di seluruh negara menyantuni pelbagai lapisan masyarakat bagi melahirkan gelombang Perangi Dadah Habis-Habisan 2.0 (PDH 2.0) yang telah digerakkan semenjak 2016.

Pendekatan *Pemeriksaan Komuniti (Community Empowerment)* adalah antara strategi yang dirancang bagi menggerakkan penglibatan pemimpin dan ahli komuniti sebagai perancang, pelaksana dan pemantau bagi setiap program terutama program pencegahan antidadah di kawasan masing-masing. Usaha ini sedang giat dilakukan dan semakin mendapat kerjasama yang baik dari seluruh ahli masyarakat bagi bersama-sama dengan kerajaan dalam menangani isu penyalahgunaan dadah.

Diharapkan dengan penerbitan buku ini, dapat dikongsi antara kejayaan dan penglibatan dan kerjasama yang telah dilaksanakan diseluruh Negara. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam melaksanakan program sepanjang 2017 dan semoga usaha kita ini diberkati oleh yang Maha Esa.

**DATO' DR. ABD. HALIM BIN MOHD HUSSIN**

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan

AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

# SUCCESS

S t o r y 2 0 1 7



# KONVENSYEN PERANGI DADAH KEBANGSAAN “PEMBANTERASAN DADAH SECARA HOLISTIK BERASASKAN PEMBUKTIAN”

**Dirasmikan oleh:**  
**YB Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed**  
Timbalan Menteri Dalam Negeri

**Pada:**  
**13-14 November 2017**  
Dewan Tunku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia

---

Dalam melaksanakan tugas membanteras dadah secara holistik, kerajaan perlu menyediakan kayu ukur (benchmark) bagi menyediakan perkhidmatan yang digunapakai oleh semua pihak. Menyedari keperluan ini, peranan universiti dan penyelidik yang berkaliber amatlah penting sebagai nilai tambah dan meneroka amalan yang berasaskan evidence based. Melihat kepentingan itu, telah dilaksanakan Konvensyen Perangi Dadah Kebangsaan “Pembanterasan Dadah Secara Holistik Berasaskan Pembuktian” pada 13 hingga 14 November 2017 bertempat di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Islam Malaysia yang telah disempurnakan perasmiannya oleh Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Konvensyen yang berlangsung selama 2 hari ini telah dihadiri seramai 1,500 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Rawatan dan Pemulihan Dadah Peringkat Daerah (JKPD), Ahli Jawatankuasa Caring Community House (CCH), Ahli Lembaga Pelawat (ALP), wakil-wakil Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP), Badan-badan bukan Kerajaan, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai dari Kementerian Dalam Negeri, cendekiawan akademik, pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta Pembimbing Rakan Sebaya (PRS).

Konvensyen ini menyediakan platform kepada pelbagai pihak untuk membenteng dan menyebarkan hasil kajian berkaitan dadah terutama kajian penyelidikan yang menggunakan Geran Penyelidikan Ilmiah khususnya yang memberi fokus kepada program membanteras dadah di Malaysia. Sebagai salah satu mekanisma dalam Dasar Dadah Negara, konvensyen ini turut memberi ruang perkongsian idea dan medan perbincangan intelektual berkenaan isu membanteras dadah serta memantapkan jalinan kerjasama antara ahli akademik, kumpulan penyelidik, pemimpin komuniti serta agensi kerajaan lain yang turut terlibat dalam bidang dadah.

Sepanjang berlangsungnya konvensyen ini, sebanyak 27 kertas kerja telah dibentangkan dan dalam majlis yang sama pembentukan Pro-temp Committee Kebangsaan telah berjaya ditubuhkan bagi menjalankan aktiviti pencegahan dan rawatan yang akan digerakkan oleh komuniti.

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Antara VIP yang hadir



Simbolik Perasmian Konvesyen



YB TMDN bersama penerima cenderahati dan PLAK



YB TMDN dan VIP bersama peserta konvensyen



Pembentangan Kertas Dapatan Hasil Kajian Berkaitan Dengan Dadah



Jawatakuasa JKPD & CCH Peringkat Kebangsaan

Penyerahan Resolusi Konvensyen Kepada YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah AADK



## MAJLIS **JALINAN MESRA AADK**

Dalam menerapkan budaya kerjasama yang erat dan muhibah serta memperkuatkan ukhwh dikalangan warga kerja AADK, Majlis Jalinan Mesra AADK telah diadakan pada 17 Januari 2017 pada jam 8.00 malam di Blok C, Ibu Pejabat AADK bagi meraikan kakitangan dan warga kerja AADK. Majlis yang diadakan dengan pendekatan yang santai dan mesra dapat memberi peluang dan ruang kepada warga kerja yang hadir bagi mendekati dan mengenali Pengurusan Tertinggi AADK dengan lebih rapat lagi. Majlis turut diserikan dengan iringan kumpulan muzik dari Klien Klinik C&C 1Malaysia Sungai Besi mencetuskan lagi suasana aman dan nyaman sepanjang majlis jalinan mesra berlangsung. YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah turut menyumbangkan 3 ekor kambing dan beberapa menu makanan memperlihatkan sifat mesra dari kepimpinan No 1 AADK dalam memimpin AADK.



Gambar Sekitar Majlis Jalinan Mesra AADK 2017

# PELANCARAN **DASAR DADAH NEGARA(DDN)**

Majlis pelancaran Dasar Dadah Negara (DDN) telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Sri Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri dalam Perhimpunan Bulanan KDN pada 29 November 2017. Majlis yang turut dihadiri oleh YB Timbalan Menteri KDN I, YB Timbalan Menteri II dan juga semua ketua jabatan dibawah agensi KDN telah menunjukkan betapa komitednya seluruh warga kerja terutama agensi dibawah KDN untuk melaksanakan DDN ini. DDN yang telah diluluskan oleh Kabinet pada Mac 2017 ini, merupakan pengemaskinian dan penambahbaikan kepada DDN 1983 dan sejajar dengan Arahan No.1 Perdana Menteri 2004. Ianya merupakan satu kerangka kerja yang komprehensif dan terselaras dalam usaha mencegah, merawat dan memulih, menguatkuasakan undang-undang dan mengurangkan kemudaratan masalah penagihan dadah. Semua agensi penguatkuasaan dadah dan agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk badan-badan bukan kerajaan akan menjadikan dasar ini sebagai rujukan dan panduan dalam usaha menangani masalah dalam negara.



Gimik pelancaran DDN disempurnakan oleh YAB Dato' Sri TPM



Gimik pelancaran DDN disempurnakan oleh YAB Dato' Sri TPM

Gambar kenangan YAB Dato' Sri TPM, YB TMDN I dan II, YBhg. Dato' Sri KSU, YBhg. Dato' Dr. KP AADK dan YBhg. Tan Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM sewaktu pelancaran DDN



# BENGGKEL **PERANCANGAN STRATEGIK AADK 2018**

**Pada:**  
**13 – 15 Disember 2017**  
**Dewan Sri Akasia. Ibu Pejabat AADK**

Bagi melaksanakan gerak kerja berpasukan yang mantap dan jitu, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan telah menganjurkan Bengkel Perancangan Strategik AADK 2018 yang turut mengumpulkan warga kerja yang bertugas di lapangan bagi merangka perancangan strategik yang komprehensif bagi mencapai KPI sepanjang tahun 2018. Bengkel yang diadakan di Dewan Sri Akasia, Ibu Pejabat AADK pada 13 hingga 15 Disember 2017 telah disempurnakan perasmian penutupnya oleh YBhg. Dato' Dr. Abd Halim bin Mohd Hussin, Ketua Pengarah AADK. Sepanjang bengkel, peserta telah dibahagikan kepada 5 kumpulan utama iaitu pencegahan, rawatan, penguatkuasaan, pengurusan dan sektor Ketua Pengarah dengan hasrat untuk memurnikan perancangan yang perlu dicapai oleh AADK bagi tahun 2018.



Peserta Bengkel Perancangan Strategik AADK 2018

Barisan Kepimpinan Tertinggi AADK turut hadir memberi tumpuan sepanjang bengkel

Sesi soal jawab turut diadakan




# LAPORAN PENYERTAAN AADK DALAM IENA (INTERNATIONAL TRADE FAIR IDEAS-INVENTIONS- NEW PRODUCTS) NUREMBERG, JERMAN


Buat julung kalinya, AADK telah membuat penyertaan Pertandingan Inovasi iENA (International Trade Fair Ideas-Inventions- New Products) di Nuremberg, Jerman pada 1-5 November 2017. Pertandingan ini menghimpunkan inovasi-inovasi berkaitan pelbagai bidang dari seluruh dunia termasuk Jerman, Austria, Kanada, Poland, China dan Korea. Penyertaan dalam pertandingan sebegini merupakan aspirasi AADK untuk mengetengahkan inovasi penyelidikan baru sains sosial berkaitan dengan bidang rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah.

AADK yang diwakili oleh Dr. Mohd Rafidi bin Jusoh dengan projek di bawah seliaan YBhg. Dato' Ketua Pengarah AADK telah mengetengahkan 2 projek inovasi sosial bertajuk Terapi Kelompok Psikopendidikan dan Certified Psychoeducation Practitioner (CPP) atau Perakuan Amalan Psikopendidikan Bertauliah. Psikopendidikan merupakan salah satu teknik atau pendekatan motivasi (motivational approach) yang dilaksanakan secara didaktif bagi memberi dan menyediakan maklumat kepada klien berkaitan masalah yang dihadapinya khususnya berkaitan penyalahgunaan bahan. Manakala kelompok psikopendidikan pula adalah satu kelompok yang dibentuk untuk mendidik klien mengenai masalahnya dalam konteks rawatan dan pemulihan, ia mendidik klien mengenai penyalahgunaan bahan dan tingkahlaku yang berkaitan dan kesan-kesannya.


AADK telah berjaya memenangi 2 Gold Medal dalam pertandingan tersebut yang melibatkan 3 pusingan penilaian yang mana panel penilai terdiri daripada Pengurus Projek iENA, Presiden Indian Innovators Association dan pakar-pakar Inovasi dalam dari Negara Eropah. Pencapaian tersebut membuktikan bahawa AADK mampu menerajui kecemerlangan dalam bidang sains sosial melalui inovasi yang dilakukan dari semasa ke semasa. Ini juga sebagai bukti bahawa masih banyak potensi yang boleh digilap dan diketengahkan oleh warga AADK dalam memberi sumbangan kepada negara selaras dengan hasrat Transformasi Perkhidmatan Awam. Kejayaan julung kali ini telah menyuntik semangat kepada semua warga AADK, memberi kebanggaan kepada inisiatif perkhidmatan pemulihan dadah serta mengharumkan nama KDN dan Malaysia di mata dunia.



Sesi pembentangan dan penilaian – pusingan pertama



Sesi pembentangan dan penilaian – pusingan kedua






Antara maklumat pameran yang disediakan oleh AADK di iENA, Jerman 2017



Majlis Pengumuman Pemenang Anugerah iENA dan Penyampaian Anugerah kepada Dr. Mohd Rafidi Bin Jusoh

Sijil dan Medial Anugerah emas di iENA yang diperolehi oleh AADK





Bersama Duta Malaysia Ke Jerman TYT Sarah dan Penyelaras Program Malaysia Prof. Dr. Ratnasamy

Liputan Berita kejayaan AADK di iENA Jerman dan pemakluman kejayaan melalui laman web AADK



## PENGURUSAN **ASET DAN STOR**

Unit Pengurusan Aset Ibu Pejabat AADK telah menubuhkan pasukan naziran bagi membuat pengauditan terhadap pelaksanaan pengurusan aset dan stor di PTJ yang terpilih. Pengauditan dilaksanakan dengan membuat semakan terhadap fail, rekod, dokumen, pemeriksaan fizikal dan penganalisan data yang berkaitan.

Sepanjang tahun 2017, 20 naziran pengurusan aset dan stor telah dijalankan termasuk AADK Daerah.

Hasil daripada naziran tersebut, prestasi pengurusan stor telah meningkat di mana kadar pusingan stok tahunan AADK pada sukuan ketiga tahun 2017 telah meningkat kepada 4.17 dan merupakan yang ke-2 terbaik selepas Jabatan Imigresen.

Item / Suku Tahun	2016	1/2017	2/2017	3/2017
Kadar Pusingan Stok (min > 2.00)	3.14	1.19	2.93	4.17

## SEWAAN **KENDERAAN UNTUK AADK**

Berjaya mendapatkan 36 buah kenderaan tambahan untuk kegunaan AADK melalui kaedah penyewaan. Sebanyak 12 kenderaan jenis Saloon, 12 kenderaan jenis MPV, 6 kenderaan jenis SUV dan 6 kenderaan jenis Van telah berjaya diperolehi. Kontrak sewaan 12 kenderaan jenis saloon bermula Julai 2017 manakala baki 24 buah kenderaan bermula Januari 2018.



## PENGURUSAN **FASILITI IBU PEJABAT**

AADK telah berjaya mendapatkan perkhidmatan mengecat bangunan Blok A dan B bagi tahun 2017. Pengindahan kawasan sekeliling diteruskan dengan usahasama bersama CCVC Sepang bagi kerja mengecat bahu jalan dan pembersihan perimeter luar AADK.



# MALAYSIA-SINGAPORE JOINT-TRAINING ON **ADDICTION PSYCHOLOGY AND COUNSELING**

Pelaksanaan Malaysia-Singapore Joint-Training on Addiction Psychology and Counseling telah diadakan pada 14 hingga 17 Ogos 2017 bertempat di Agensi Antidadah Kebangsaan WPKL, Kuala Lumpur. Latihan kerjasama ini telah melibatkan 28 orang pegawai di mana peserta Malaysia telah diwakili seramai 19 orang pegawai iaitu 23 orang pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan lima (5) orang pegawai dari Jabatan Penjara Malaysia. Manakala sembilan (9) peserta Singapura pula adalah terdiri daripada dua (2) orang pegawai dari Central Narcotics Bureau (CNB) dan tujuh (7) orang pegawai Singapore Prison Services (SPS).

Sebanyak lapan (8) kertas pembentangan telah dibentangkan iaitu lima (5) oleh pembentang Malaysia dan tiga (3) daripada Singapura. Peserta juga telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Caring Community House (CCH) Kg. Malaysia Raya dan Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi.

Joint-Training ini memberi impak positif ke atas profesionalisme Pegawai Pemulihan AADK seperti berikut:

- Wujud proses pertukaran pengetahuan dan pengalaman berkaitan pendekatan rawatan dan pemulihan berasaskan pembuktian dan amalan terbaik di antara kedua buah negara.
- Kejayaan Malaysia dalam memperkenalkan program dan amalan terbaik dalam bidang rawatan dan pemulihan di peringkat antarabangsa.
- Pengiktirafan terhadap pakar dalam negara menerusi perkongsian amalan terbaik yang disampaikan di dalam latihan kerjasama tersebut.
- Pembinaan personaliti dan karektor serta daya saing dalam kalangan pegawai junior melalui pendedahan latihan di peringkat antarabangsa.
- Kemampuan Malaysia, AADK khususnya sebagai penganjur latihan di dalam bidang penagihan di peringkat antarabangsa.
- Bidang pengurusan penagihan dadah berpotensi dijadikan produk pelancongan yang membolehkan negara-negara luar datang ke Malaysia bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang penagihan dadah.

Latihan kerjasama ini juga dirancang untuk diperluaskan pelaksanaannya ke negara ASEAN yang lain seperti yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat ke-38 ASEAN Senior Officials on Drug Matters (ASOD) di Vietnam pada 24 hingga 27 Julai 2017.



# PELAKSANAAN PILOT PROJECT PENGGUNAAN **ADDICTION SEVERITY INDEX EDISI KE- 5 VERSI BAHASA MELAYU (ASI-5-BM)**

ASI yang telah dibangunkan oleh A. Thomas McLellan dan rakan-rakannya dari Universiti Pennsylvania, USA pada 1980 dengan beberapa edisi penambahbaikan ke atasnya sejak 35 tahun lalu adalah evidence-based assessment tool yang telah digunakan oleh pengamal/ perawat penagihan dadah di seluruh dunia.

Melalui pemberian Geran Penyelidikan Ilmiah AADK 2016, satu kajian validasi Addiction Severity Index yang telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu telah diketuai oleh YBrs. Prof. Dato' Dr Mahmood bin Nazar Mohamed (Profesor Psikologi, Cyberjaya University College Of Medical Sciences (CUCMS). Penterjemahan ASI tersebut dikenali sebagai Addiction Severity Index Edisi Ke-5 Versi Bahasa Melayu (ASI-5-BM).

Garis Panduan Pelaksanaan Addiction Severity Index Edisi Ke-5 Versi Bahasa Melayu (ASI-5-BM) telah dibangunkan dan dimuktamadkan penggunaannya oleh YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah AADK pada 17 April 2017.

Sebanyak lima belas (15) buah PTJ telah terlibat dan menjayakan pilot project ini. Penyeliaan ke atas PTJ yang terlibat telah diadakan sebanyak dua (2) kali yang melibatkan latihan pentadbiran ASI-5-BM, semakan dokumentasi dan coaching / in-house-training dalam menyediakan Pelan Rawatan Pemulihan Klien (PRPK) serta mendapatkan maklumbalas dan refleksi daripada pentadbir ASI-5-BM.

Penggunaan penilaian ASI-5-BM memberi manfaat bagi mengenalpasti keperluan atau masalah klien dan memberi petunjuk kepada penyampaian perkhidmatan yang diperlukan oleh klien melalui penyediaan Pelan Rawatan Pemulihan Klien (PRPK) secara kolaborasi antara Pegawai Pemulihan dan klien.

Peluasan penggunaan ASI-5-BM dalam institusi akan dilaksanakan di bawah Perancangan Strategik AADK Tahun 2018 yang akan melibatkan sebelas (11) buah CCRC dan satu (1) buah Klinik C&C 1Malaysia.

BIL.	ZON	C&C / CCRC	PENYELIA
1	UTARA	CCRC BUKIT MERTAJAM CCRC KARANGAN CCRC BATU KURAU	1. En. Hamizan bin Haidzir 2. En. A.Syawal Nurhaizad bin Mohd Parman 3. En. Roslan bin Hussien 4. En. K. Selvaratnam a/l Kathiravelu
2	TENGAH / SELATAN	C&C SUNGAI BESI CCRC SERENDAH CCRC JELEBU CCRC KOTA TINGGI C&C TAMPOI	1. Pn. Zirwatul Ahlam binti Zamzam 2. Pn. Norasiken binti Ahmad 3. Cik Nurul Haiza binti Sidek 4. En. Rusmizal bin Ibrahim 5. En. Mohamed Fahmi bin Mohamed Raimi
3	TIMUR	CCRC KARAK C&C JERANTUT CCRC GAMBANG CCRC BACHOK C&C KOTA BHARU	1. En. Mohd Rizal bin Tawil 2. Pn. Zuraidah binti Ayob 3. Cik Siti Hasnah binti Hussein 4. Pn. Nurfazieyana binti Zulkifli 5. En. Mohd Asraf bin Ahmad
4	BORNEO	C&C / CCRC PAPAR C&C / CCRC KUCHING	1. Pn. Roswati binti Apin 2. En. Albert Tian 3. En. Iskandar bin Turkee 4. En. Devan Anak Arup



# NBOS3 AADK @ HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN **PERINGKAT KEBANGSAAN (HPPNK) 2017**

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (HPPNK) telah diadakan pada 28 September hingga 1 Oktober 2017 bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor.

Program ini dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 September 2017.

AADK turut dijemput untuk menyertai pameran kolaborasi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bersama Kementerian / Jabatan / Agensi bawah Pavilion Agro NBOS yang diterajui oleh Unit Agropreneur Muda (UAM) dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) MOA. 6 buah PTJ yang terlibat dengan inisiatif NBOS3 AADK terlibat dalam pameran HPPNK adalah CCRC Karangan, CCRC Kg. Selamat, CCRC Dengkil, CCRC Jelevu, CCRC Muar dan CCRC Gambang.

Slot pencegahan dadah AADK Hulu Langat dan Buskers daripada Kumpulan Arjuna CCRC Jelevu turut memeriahkan aktiviti pameran tersebut.



Figure 1 : VIP yang sudi meluangkan masa di Agro NBOS & sempat ke Booth NBOS3 AADK



Figure 2 : Antara pengunjung yang singgah santai



Figure 4 & 5 : Artis yang hadir.. Mat Dan & Elizabeth Tan



Figure 6 : Persembahan mantap dari Arjuna Buskers CCRC Jelevu



Figure 7 : Slot Pencegahan Dadah dari AADK Hulu Langat

# FIESTA NBOS **SAYANG MALAYSIA**

Program Fiesta NBOS Sayang Malaysia telah diadakan pada 19 November bertempat di SMK Hutan Melintang, Bagan Datuk, Perak yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Pelbagai aktiviti promosi diadakan bertujuan untuk memperkenalkan idea-idea NBOS yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan terus kepada rakyat setempat. Rakyat juga diberi peluang untuk melibatkan diri secara langsung di dalam program-program NBOS disamping memberi ruang kepada rakyat untuk mendekati pemimpin.



## PENGEKALAN **KEPULIHAN KLIEN AADK**

Cure and Care Recovery Index (CCRI) diperkenalkan pada tahun 2015 bagi memastikan ianya seiring dengan Perancangan Strategik AADK berkaitan dengan kepulihan klien dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh stakeholder.

Penilaian kepulihan (CCRI) ini menggunakan enam (6) indikator kepulihan berdasarkan definisi Principles Of Recovery Substance Abuse and Mental Health Services Administration (SAMSHA) iaitu:-

1. Penggunaan dadah dan bahan;
2. Sokongan Kepulihan;
3. Pekerjaan;
4. Kefungsian Sosial;
5. Kesediaan Untuk Berubah; dan
6. Kesihatan Psikologikal dan Mental.

Pada tahun 2017 (sehingga bulan November), pencapaian peratusan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang berjaya mengekalkan kepulihan dalam tempoh dua (2) tahun adalah sebanyak 55% berbanding KPI yang ditetapkan iaitu 30%.

Bagi menghargai usaha klien dan keupayaan mengekalkan kepulihan dan kembali berfungsi dalam masyarakat, Pengiktirafan Pengekalan Kepulihan akan diberikan kepada mereka yang berjaya. Pengiktirafan ini mampu untuk meningkatkan keyakinan masyarakat bahawa bekas penagih dadah mampu mengekalkan kepulihan dan berfungsi seperti individu produktif yang lain. Anugerah Pengekalan Kepulihan akan dilaksanakan pada tahun 2018.

Statistik klien OKP yang berjaya mengekalkan kepulihan dalam tempoh dua (2) tahun bagi Tahun 2017

TEMPOH	JUMLAH OKP YANG DINILAI	KEKAL PULIH DALAM TEMPOH DUA (2) TAHUN (TAHUN 2017)			
		KATEGORI		JUMLAH OKP MEMENUHI KRITERIA	%
		BAIK	CEMERLANG		
JANUARI	1,116	433	165	598	54
FEBRUARI	916	349	122	471	51
MAC	992	401	144	545	55
APRIL	1,047	425	164	589	56
MEI	1,103	461	143	604	55
JUN	1,144	486	186	672	59
JULAI	1,007	391	169	560	56
OGOS	1,110	437	170	607	55
SEPTEMBER	1,228	431	194	625	51
OKTOBER	1,210	464	186	650	54
NOVEMBER	1,303	513	202	715	55
JUMLAH	12,176	4,791	1,845	6,636	55

# MAJLIS MENANDATANGANI NOTA **KERJASAMA** **PENEMPATAN PEKERJAAN KLIEN DENGAN SYARIKAT**

Pada 12 Disember 2017, Majlis Menandatangani Nota Kerjasama antara AADK & 9 buah syarikat telah dilaksanakan bagi mengukuhkan kerjasama dalam penempatan pekerjaan klien. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Abd. Halim Bin Mohd Hussin, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan.

YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah AADK memuji inisiatif 9 syarikat ini yang disifatkan sebagai mengambil langkah berani menolak stigma yang diberikan kepada recovering person dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka. Pembelaan ke atas maruah dan darjat kepada mereka yang pernah tersilap langkah ini adalah satu bentuk contoh pendidikan kepada syarikat-syarikat yang lain dalam memberikan peluang kedua kepada golongan recovering person ini. Mempunyai pekerjaan untuk menyara hidup adalah antara faktor penting yang mempengaruhi kualiti hidup golongan recovering person dan mereka perlu diberi sokongan supaya kekal pulih.

Senarai syarikat yang menandatangani Nota Kerjasama:

BIL	NAMA MAJIKAN	BIDANG PEKERJAAN
1	Mahasiswa Turun Parlimen (MANTAP)	Perladangan
2	Grand Teknik Bina Sdn. Bhd.	Elektrik
3	Mutiara Kayamas Sdn. Bhd.	Perkhidmatan (Maskargo)
4	ZMN Family Services Sdn. Bhd.	Automotif (Honda)
5	RMR Metalwork	Kimpalan
6	RM Tailor	Jahitan
7	Lestari Sales & Services	Dobi & Jahitan
8	D'Larist Boutique	Jahitan
9	Fasa Elektrik Sdn. Bhd.	Penyelenggaraan



# MAJLIS PELANCARAN KERJASAMA **LATIHAN** **VOKASIONAL KBS BERSAMA AADK DAN MAJLIS** **TAMAT LATIHAN DI KLINIK CURE & CARE (C&C)** **1MALAYSIA KARANGAN**

Pada 15 November 2017, telah berlangsung Majlis Pelancaran Kerjasama Latihan Vokasional KBS-AADK dan Majlis Tamat Latihan bertempat di Klinik C&C Karangan. Majlis tersebut telah disempurnakan dengan kehadiran YBrs Puan Haslina Binti Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan YBhg. Dato' Dr. Abd. Halim Bin Mohd Hussin, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan.

YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah AADK memaklumkan bahawa Program Kerjasama Latihan Kemahiran Vokasional Kementerian Belia dan Sukan bersama Agensi Antidadah Kebangsaan merupakan satu kerjasama yang strategik bagi membantu recovering person supaya kembali berfungsi kepada masyarakat. Secara tidak langsung kerjasama ini adalah selaras dengan hasrat untuk mewujudkan negara bebas dadah dan seterusnya membantu recovering person untuk mengekalkan kepulihan melalui kualiti hidup yang lebih baik.

Selain itu, majlis turut meraikan 109 orang pelatih dan 4 orang tenaga Pegajar Klinik Cure & Care 1 Malaysia Karangan yang telah berjaya menamatkan kursus latihan kemahiran vokasional yang merangkumi 4 bidang iaitu Kursus Teknologi Motosikal Anjuran Giat Mara, Kursus Kimpalan (Grill), Kursus Pemasangan Dan Penyelenggaraan Penghawa Dingin – Split Unit Serta Kursus Penyelenggaraan Air-Cond Kenderaan anjuran IKTBN, Bukit Mertajam.



## PROGRAM PENEMPATAN KLIEN AADK DI **TANAH** **RANCANGAN FELDA**

Program Oil Palm For Life (OPAL) adalah merupakan satu program penempatan pekerjaan klien di tanah rancangan FELDA dan FGV. Program ini adalah kerjasama di antara Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, Mahasiswa Turun Parlimen (MANTAP), FELDA dan juga FGV.

Program ini telah bermula pada 1 Ogos 2016 dan melibatkan 2 buah penempatan iaitu di FELDA Serting Hilir Jempol, Negeri Sembilan dan di FELDA Tembangau, Bera, Pahang. Seramai 26 orang masih lagi bekerja di 2 buah penempatan tersebut dan seramai 10 orang klien telah bekerja lebih dari satu (1) tahun.

Program penempatan pekerjaan ini telah berjaya memberi sinar baru kepada klien di dalam proses kepulihan di samping memberi pendapatan dan seterusnya menyumbang tenaga kepada pembangunan negara serta membantu mengurangkan pergantungan terhadap pekerja warga asing.



# PROGRAM EUSAHAWAN KERJASAMA ANTARA **AADK DAN MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC)**

Sepanjang Tahun 2017, AADK dengan Kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah melaksanakan kursus eUsahawan. Kursus ini dilaksanakan bagi membantu klien AADK yang berpotensi dalam bidang perniagaan serta dapat memberi impak besar kepada perjalanan kepulihan klien AADK dan seterusnya dapat kembali berfungsi semula kepada masyarakat serta mengekalkan kepulihan mereka melalui bidang perniagaan.

Seramai 299 Orang telah menghadiri Kursus eUsahawan, terdiri daripada 99 orang klien Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC), Klinik Cure & Care 1 Malaysia dan Orang Kena Pengawasan (OKP) serta 195 orang pegawai dan kakitangan AADK. Pelaksanaan Boot Camp eUsahawan (seminar) sebanyak dua siri dengan penglibatan seramai 702 orang terdiri dari pegawai dan kakitangan CCRC, klien CCRC, pegawai AADK dari AADK Negeri dan AADK Daerah dan Ahli Lembaga Pelawat CCRC.



# CERTIFIED **PSYCHOEDUCATION PRACTITIONER (CPP)**

Program persijilan Perakuan Amalan Terapi Psikopendidikan atau Certified Psychoeducation Practitioner (CPP) merupakan projek rintis yang telah dilaksanakan mulai 2 April 2017 melibatkan seramai 30 orang pegawai AADK dan Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan perkembangan yang baik dalam menyediakan pegawai pemulihan kepada penyampaian yang lebih kompeten dan berkualiti kepada klien-klien yang mengalami masalah penagihan dadah selain berpotensi untuk dikembangkan sebagai latihan profesional kepada pengamal-pengamal perkhidmatan menolong dalam pelbagai bidang termasuk bimbingan dan kaunseling. Projek rintis ini telah berjaya melahirkan 11 orang Master Trainers dan 5 orang Training of Trainers (TOT) bagi mengembangkan lagi program latihan ini.

Bagi mendapatkan pengiktirafan dan penarafan nasional dan antarabangsa, program CPP telah menyertai pelbagai peringkat pertandingan inovasi dan kreativiti bermula pada tahun 2017. Di peringkat nasional, Program CPP telah dicalonkan oleh AADK ke Pertandingan Inovasi Kaunseling PERKAMA yang diadakan sempena Konvensyen Kaunseling Kebangsaan kali ke-20, anjuran PERKAMA International pada 23 – 24 Mei 2017 di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bandar Baru Bangi, Selangor. Pada pertandingan ini, Program CPP berjaya mendapat anugerah Gold Medal bagi kategori Modul dengan tajuk Terapi Kelompok Psikopendidikan.

Manakala di peringkat antarabangsa, AADK menyertai program inovasi – idea, ciptaan dan produk baru iENA 2017 kali ke-69 di Nuremberg, Germany pada 2 – 5 November 2017 yang melibatkan penyertaan inovasi daripada 31 buah negara. AADK memenangi DUA (2) pingat emas bagi kategori bebas (freelance inventors) bagi program utama berikut:

- Psychoeducation practitioner for substance abuse treatment and rehabilitation training manual (Certified Psychoeducation Practitioner, CPP) oleh YBhg. Dato' Dr. Abd. Halim bin Mohd Hussin; dan
- Psychoeducation group therapy for substance abuse treatment (Psychoeducation Group Therapy, PGT) oleh Dr. Mohd Rafidi bin Jusoh

Penyertaan dan kejayaan Agensi Antidadah Kebangsaan dalam pertandingan inovasi iENA 2017 memberi impak positif kepada usaha dan inisiatif agensi dalam membangunkan produk khususnya modul-modul latihan dan rawatan dan pemulihan dadah yang inovatif, berasaskan pembuktian dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.



**PESERTA KURSUS MASTER TRAINER CPP SIRI 4/2017 DI PLAK, SG. PETANI**



**GOLD MEDAL - PERTANDINGAN INOVASI ANJURAN PERKAMA SEMPENA KONVENSYEN KAUNSELING KEBANGSAAN KALI KE-20 PADA 23 – 24 MEI 2017 DI ILKAP, BANDAR BARU BANGI**

**2 GOLD MEDAL - PERTANDINGAN INOVASI – IDEA, CIPTAAN DAN PRODUK BARU IENA 2017 KALI KE-69 PADA 2 – 5 NOVEMBER 2017 DI NUREMBERG, GERMANY**



## LAWATAN TPM KE **SUNGAI RUAN**

Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah mengadakan lawatan rasmi ke Cure & Care Rehabilitation Centre Sungai Ruan, Pahang pada 24 Februari 2017. Dalam lawatan tersebut, beliau berkata Modul Islamic Spiritual Rehabilitation Approach (ISRA) yang menggunakan pendekatan agama dalam rawatan dan pemulihan dan diperkenalkan di CCRC Sungai Ruan akan diperluaskan ke sebahagian besar pusat pemulihan di seluruh negara dalam usaha menangani masalah dadah di negara ini. Kaedah ISRA boleh dijadikan sebagai alternatif kerana program rawatan menggunakan pendekatan kerohanian mampu memulihkan masalah ketagihan bahan terlarang ini.

Beliau juga menyatakan bahawa kaedah ini boleh digabungkan dengan pendekatan secara konvensional atau saintifik bagi meningkatkan tahap keberkesanan pemulihan. "Dalam soal pemulihan, selain kaedah saintifik maka kita guna pendekatan keagamaan. Langkah ini penting kerana pendekatan ini boleh melakukan pemulihan jangka masa panjang apabila melibatkan penguasaan roh dan minda," katanya.

Rentetan daripada itu, perluasan ISRA telah dilaksanakan di dua (2) pusat lagi iaitu Cure & Care Rehabilitation Centre Perlop, Perak dan Cure & Care Rehabilitation Centre Tiang Dua, Melaka. Integrasi psikososial dan psikospiritual dalam kaedah ISRA ini memberi impak yang sangat positif kepada klien semasa menerima rawatan dalam institusi AADK. Minat dan permintaan daripada klien dan keluarga untuk mengikuti program ini telah memberi capaian melebihi 100% daripada jumlah 600 orang untuk tahun 2017.

BIL	PTJ	KPI (JUM. KLIEN)	PENCAPAIAN (JUM. KLIEN)
1.	CCRC SG.RUAN, PAHANG	200	271
2.	CCRC PERLOP, PERAK	200	296
3.	CCRC TIANG DUA, MELAKA	200	296
<b>JUMLAH</b>		<b>600</b>	<b>863</b>

YAB TPM bersama klien CCRC Sg. Ruan yang mengikuti Program ISRA 2017



# PELAKSANAAN **KEM SHIELD PERDANA**

Kem SHIELDS Perdana merupakan program yang memfokuskan kumpulan pelajar sekolah menengah yang telah terlibat dan berisiko dalam penyalahgunaan dadah. Pelaksanaan kem ini adalah kesinambungan daripada pelaksanaan program SHIELDS yang dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri meliputi 12 buah negeri di semenanjung Malaysia dan dilaksanakan selama 4 hari 3 malam.

Bilangan keseluruhan peserta adalah seramai 1500 peserta yang terdiri daripada 30 orang pelajar yang dikenalpasti positif dan berisiko dalam penggunaan dadah dari setiap negeri dan turut melibatkan guru-guru kaunselor daripada sekolah yang terlibat.

Tujuan kem ini diadakan adalah untuk mengenalpasti pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Selain itu, ia juga bertujuan bagi memperkasakan keupayaan dan komitmen sekolah serta keluarga dalam membimbing pelajar mereka mengatasi masalah berkaitan dadah.



Pendaftaran peserta kem SHIELD Perdana

Taklimat ringkas oleh fasilitator sebelum memulakan sesi latihan dalam kumpulan.



Sesi rumusan program bersama Kem Komandan



# INTERNATIONAL EMPOWERING YOUTH FOR **DRUG-FREE COMMUNITY WORKSHOP (I-EYDFC).**

Program International Empowering Youth for Drug-Free Community Workshop

(I-EYDFC) 2017 ini telah dilaksanakan pada 4 hingga 8 Februari 2017 bertempat di Pusat Latihan Agensi Antidadah Kebangsaan, Sungai Petani, Kedah. Program ini merupakan hasil kerjasama AADK dan USIM yang bertujuan bagi memberi pendedahan kepada belia tentang situasi dan jenis dadah terkini selain daripada menambah ilmu pengetahuan tentang bahaya dadah serta pendekatan menyampaikan mesej dadah kepada rakan lain. Program ini telah melibatkan pelajar dari IPTA dan juga pelajar dari sekolah menengah di negeri-negeri di utara Malaysia.



Pendedahan kepada peserta tentang situasi dan jenis dadah terkini

Bengkel berkenaan 40 Assets



# PELANCARAN TEMPAT KERJA BEBAS DADAH (TEKAD) JABATAN-JABATAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

Program ini telah dilancarkan pada 13 Februari 2017 di Dewan Gemilang Kementerian Dalam Negeri dan telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KDN iaitu YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj.Ibrahim.

Objektif program ini dianjurkan adalah bagi memastikan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) dilaksanakan oleh semua Ketua Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri(KDN) mengikut garis panduan dan modul yang telah ditetapkan oleh AADK.

Program ini telah dihadiri oleh 300 orang kakitangan jabatan-jabatan di bawah KDN iaitu dari PDRM, RELA,JPN,Jabatan Penjara, Imigresen,AADK, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dan KDN. Program setengah hari ini diisi dengan program seperti forum dan sesi dialog, pameran dan tayangan video antidadah. Majlis diakhiri dengan perasmian pelancaran oleh KSU dan majlis penyerahan bunting TEKAD "Tempat Kerja Selamat, Produktiviti Meningkatkan kepada semua Ketua Jabatan KDN yang hadir.



Ucapan Perasmian Pelancaran Program Tempat Kerja Bebas Dadah Jabatan-Jabatan di Bawah KDN oleh YBhg.Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha KDN.



Majlis penyampaian bunting TEKAD dan Buku Modul Pencegahan kepada Jabatan-Jabatan di bawah KDN.

Nyanyian Lagu Negaraku sebagai permulaan acara



# PROGRAM KERJASAMA STRATEGIK KEMENTERIAN DAN JABATAN DALAM **MEWUJUDKAN KESEJAHTERAAN DI TEMPAT KERJA**

Pada 11 April 2017 bertempat di Dewan Sri Akasia, Blok C Ibu Pejabat AADK, telah berlangsung satu Program Kerjasama Strategik Kementerian Dan Jabatan Dalam Mewujudkan Kesejahteraan Di Tempat Kerja. Ia melibatkan perjumpaan semua PRO dan ketua –ketua jabatan untuk taklimat dan pelancaran program TEKAD di 10 Kementerian 15 Agensi dan Jabatan Kerajaan.

Tujuan program ini dianjurkan adalah bagi memastikan pelaksanaan Dasar Dadah Negara melalui Teras Pendidikan Pencegahan dibuat secara NBOS dan melibatkan semua Kementerian dan Jabatan yang berkaitan.



Sesi bergambar bersama YB Dato' Nur Jazlan b. Tan Sri Mohamed, Timbalan Menteri Dalam Negeri setelah setelah selesai taklimat program tersebut.

# PESANAN KHIDMAT AWAM (PSA) DAN SLOT AIRTIME KEMPEN ANTIDADAH **DI MEDIA PENYIARAN (TELEVISYEN)**

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan dan Publisiti Bilangan 2/2016 yang telah diadakan pada November 2016 telah bersetuju agar Pesanan Khidmat Awam Antidadah ditayangkan di seluruh pawagam di seluruh negara. Ini adalah sebagai sokongan terhadap gerakan kempen Perangi Dadah Habis-Habisan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

Sehubungan itu, satu majlis Pelancaran Tayangan Pesanan Khidmat Awam Antidadah di pawagam telah diadakan di Golden Screen Cinema (GSC), Pavillion Kuala Lumpur pada 25hb Julai 2017 yang dirasmikan oleh YB Dato' Nur Jazlan b. Tan Sri Mohamed, Timbalan Menteri dalam Negeri. Pelaksanaan program ini diadakan secara NBOS dengan FINAS, Persatuan Pengusaha Panggung Wayang (MAFE), Golden Screen Cinema, PEMADAM dan Persatuan SENIMAN.

Terdapat 3 jenis iklan antidadah berdurasi 1 minit setiap satu yang memaparkan mengenai kesan dan bahaya penyalahgunaan dadah. PSA tersebut telah ditayangkan di semua pawagam di bawah naungan GSC bermula Ogos 2017.



Ucapan penghargaan oleh YBhg. Dato' Dr. Abd Halim bin Mohd Hussin, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

## Gimik Pelancaran Tayangan Pesanan Khidmat Awam Antidadah



# SAMBUTAN HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2017 SECARA NBOS

Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan 2017 telah diadakan pada 18 Mac 2017 bertempat di Penjara Simpang Renggam Johor. Program ini adalah hasil kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan dan Jabatan Penjara secara NBOS dalam melaksanakan Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan 2017 dan Hari Penjara 227.

Kombinasi strategik dua agensi ini membuktikan bahawa pihak kerajaan amat serius dalam melaksanakan agenda pemulihan dan pencegahan samada perlakuan jenayah mahupun penyalahgunaan dadah. Usaha pembanterasan dadah juga telah diangkat sebagai agenda nasional yang perlu digembleng oleh semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan. Perangi dadah habis-habisan telah menjadi prioriti pihak kerajaan bagi tahun 2017 apatah lagi dadah adalah sebagai musuh utama negara.

Tujuan sambutan ini diadakan adalah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah. Selain itu, ia juga bagi menggerakkan komuniti dan sukarelawan dalam aktiviti pendidikan dan pencegahan dadah. Program ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid b. Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri yang turut dihadiri oleh tetamu seramai 3,000 orang terdiri daripada penduduk setempat, pegawai kerajaan persekutuan dan negeri, pelajar sekolah dan universiti, syarikat kerajaan dan swasta serta NGO.



Pelancaran Certified Psycho- Education Practitioner (CPP) oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid b. Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri dalam Negeri.

Persembahan Tempur Tanpa Senjata daripada AADK Kegeri Kedah



# KEMPEN **PERANGI DADAH HABIS-HABISAN (PDH 2.0)**

PDH 1.0 secara rasmi telah dilaksanakan pada 2 Mei 2016 melibatkan 14 kawasan berisiko tinggi di seluruh Negara. PDH 2.0 adalah kesinambungan daripada PDH 1.0 dengan perluasan kepada 50 kawasan di 53 buah daerah yang menjadikan keseluruhan PDH 2.0 kepada 64 kawasan di seluruh Malaysia. PDH 2.0 menetapkan pelaksanaan 6+1 buah program dengan 27 aktiviti utama iaitu Omnipresence, Operasi Cegah dan Outreach, Operasi Bersepadu, Kempen Media, Ikon Antidadah dan Community Empowerment (CE). Melalui PDH 2.0, sebanyak 2639 aktiviti atau 171% KPI telah dicapai melalui penglibatan aktif komuniti dalam program Community Empowerment di kawasan-kawasan PDH ini. Melalui pendekatan dan strategi dalam program PDH 2.0 ini, bilangan penagih baru yang dikesan juga telah menunjukkan penurunan.

## PDH 2.0: Program Community Empowerment



Community Empowerment Bersama JKKK Kawasan PDH



Masyarakat bangkit memerangi dadah melalui program community empowerment

## PDH 2.0: Program Omnipresence



Walk about



Walking Message




Ops Cegah



Outreach

## PDH 2.0: Program Ikon Antidadah

### Penghargaan Terhadap Komitmen Ikon PDH



### Perkongsian Oleh Ikon Antidadah



## PDH 2.0: Program Kempen Melalui Media

MELAKA MAJU FASA II | MELAKA 755 TAHUN | BERKAT, TEPAT, CEPAT

PROGRAM SEPETANG BERSAMA  
YAB DATUK SERI UTAMA Dr. HJ. IDRIS BIN HJ. HARON  
KUALA MENTERI MELAKA  
#MELAKAMAJUFASAIID  
**PDH!**  
11 MAC 2017 | SABTU

**Melaka Tengah Memerangi Dadah with Nor Azmi and 7 others.**  
Jun 21 at 15:44

#perangidadahhabishabisan  
#ambilkisahambiltindakan  
#sayangirimu  
#communityempowerment  
#ikonantidadahpdhmiktgh

**Lailiana Laily added 5 new photos.**  
Jun 21 at 09:53 • Melaka

Mohon pertimbangan dan kelulusan YB. Datuk Wira Dr **Abu Bakar Mohamad Diah**....Terbaik!!!  
Terima kasih datuk  
**Melaka Tengah Memerangi Dadah**  
#ikonantidadahpdhmiktgh

MICHTH [www.melaka.gov.my](http://www.melaka.gov.my) | idris.haron | @idris\_haron | CMO

YAB DATUK SERI UTAMA Dr. HJ. IDRIS BIN HJ. HARON  
**IDRIS HARON**  
KETUA MENTERI MELAKA

# KUNJUNG HORMAT YBHG. DATO' DR KP AADK KEPADA **PENGARAH JSJN PDRM BUKIT AMAN**

27 Disember 2017 jam 9.30 pagi | Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia Bukit Aman,

Satu Kunjung Hormat oleh YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah AADK kepada Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman bagi mengeratkan lagi jaringan kerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia.

Juga membincangkan berkaitan cara menangani permasalahan dadah semasa bagi mengurangkan permintaan dan bekalan dadah dalam negara. Kunjung hormat ini turut dihadiri oleh Pengarah Penguatkuasaan dan Keselamatan, Penasihat Undang-Undang AADK dan beberapa orang pegawai lagi.



## KURSUS PENGENALAN **SENJATA API AADK**

25 hingga 28 JULAI 2017 | Akademi Pengangkutan Jalan, Ayer Molek, Melaka

AADK telah memperolehi 12 pucuk pistol untuk kegunaan penguatkuasaan dan satu kursus pengenalan senjata api AADK dengan kerjasama JPJ telah dilaksanakan bertempat di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia, Ayer Molek Melaka.

Kursus yang berlansung selama 4 hari tersebut telah memberi pendedahan awal mengenai komponen-komponen senjata dan latihan di lapang sasaran bagi memantapkan penggunaan senjata kepada pegawai AADK dalam melaksanakan tugas seharian dan aspek keselamatan.



# PELAKSANAAN **KURSUS PENGURUSAN CAP JARI** **ORANG KENA TAHAN AADK**

Sebanyak 2 siri latihan telah berjaya dilaksanakan melibatkan 80 orang Pegawai Agensi dari Ibu pejabat, AADK Negeri dan AADK Daerah telah diberi latihan dalam mengendalikan prosedur pengurusan cap jari OKT pada 15 hingga 17 Mei bertempat di Pusat Latihan AADK Sg. Petani (PLAK), Kedah dan pada 05 hingga 06 September 2017 bertempat di Ibu Pejabat AADK.



# OPERASI SEAPORT INTERDICTION TASK FORCE (SITF), **PULAU PINANG**

Satu Operasi Khas yang melibatkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM, Jabatan Farmasi, Jabatan Laut Pulau Pinang, dan pelabuhan Pulau Pinang telah dilaksanakan pada 16 – 25 Oktober 2017.

SITF merupakan hasil daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penguatkuasaan Undang – Undang yang dipengerusikan oleh YAB Dato’ Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri. Operasi ini bertujuan bagi membasmi masalah penagihan dadah dan menyekat kemasukan dadah dan “precursor” ke pelabuhan Pulau Pinang yang dikatakan sebagai kawasan paling banyak kemasukan bahan terlarang dan “precursor” tersebut.

Pasukan Special Tactical Response & Investigation Key Enforcers (STRIKE) telah dikerahkan selama tempoh dua minggu bagi menyertai operasi tersebut bersama – sama pasukan dari AADK Daerah Seberang Perai Utara, AADK Daerah Seberang Perai Tengah dan AADK Daerah Seberang Perai Selatan.

Hasil daripada operasi tersebut pasukan AADK berjaya membuat tangkapan seramai 115 individu. Turut bersama adalah meliputi rampasan dadah jenis Heroin dengan anggaran berat sebanyak 3.8 gram, dadah jenis Syabu anggaran berat 4.7 gram dan dadah jenis Ganja anggaran berat 23 gram. Kesemua individu tersebut ditahan dan disiasat dibawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983, Seksyen 39A(1), Seksyen 12(2) dan Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952.

Operasi dianggap sebagai berjaya kerana pasukan AADK telah membuat tangkapan yang tertinggi dan sentiasa memberi komitmen yang baik dalam melaksanakan setiap tugas dalam operasi tersebut.



## OPS KHAS DI **PERAK TENGAH**

8 November 2017, Felcra Changkat Lada : Sepasukan Special Tactical Response & Investigation Key Enforcers (STRIKE) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah dikerahkan ke Daerah Perak Tengah bagi menjalankan satu Operasi Khas yang melibatkan penagih dadah agresif dan pengedar dadah kecil – kecilan dengan kekuatan seramai 10 pegawai dan anggota pasukan STRIKE bersama pasukan dari AADK Perak Tengah.

Maklumat awal yang diterima adalah berkenaan sekumpulan penagih dadah agresif yang juga merupakan pengedar dadah berleluasa menjalankan perniagaan menjual dadah serta menggalakkan golongan belia bagi menyertai aktiviti yang tidak sihat ini. Kumpulan tersebut bergerak bagaikan satu organisasi sindiket yang menguasai pasaran penjualan dadah jenis heroin dan dadah jenis Syabu diantara kawasan Kampar sehingga Setiawan.

Hasil daripada siasatan pasukan AADK berjaya menahan seramai 20 individu yang disyaki sebagai penagih dadah. Hasil daripada siasatan lanjutan pasukan AADK juga turut berjaya menahan 2 individu yang merupakan 'orang kanan' bagi sindiket tersebut dan terdapat bersama dadah jenis heroin anggaran berat 20 gram dan dadah jenis syabu anggaran berat 27 gram, turut dirampas adalah selaras senapang buatan sendiri bersama 28 biji bebola keluli yang digunakan untuk mempertahankan diri jika diserbu oleh pihak berkuasa.

Kesemua individu yang ditahan disiasat dibawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983, Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, Seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 8 Akta Senjata Api 1960.




# LAMAN WEB AADK **VERSI 2.0**

Laman web merupakan medium rasmi Agensi Antidadah dalam menyampaikan maklumat kepada orang awam dalam usaha kerajaan untuk memerangi dadah habis-habisan.

Laman web rasmi Agensi Antidadah Kebangsaan versi 2.0 telah digunapakai secara rasminya pada bulan Ogos 2017 bagi menggantikan laman web versi lama. Ia dibangunkan secara in-house menggunakan teknologi pembangunan laman web terkini yang lebih mesra pengguna dengan paparan antara muka yang ringkas dan moden.

Laman web baru ini menyokong paparkan responsif bagi pengguna telefon pintar dan komputer tablet. Selain mudah ditadbir, ia juga dilengkapi dengan enkripsi keselamatan bagi mengelakkan ancaman dari pihak yang tidak bertanggungjawab.



Antaramuka Laman Web AADK 2.0



Menyokong paparan responsive untuk pengguna telefon pintar & tablet.



Paparan privasi warga AADK & enkripsi keselamatan



Majlis pelancaran laman web AADK 2.0 disempurnakan oleh YBhg Dato' Ketua Pengarah AADK

# SISTEM eDrugsNews

Sistem eDrugsNews mula digunakan sepenuhnya pada Oktober 2017. Sistem ini merupakan pusat repositori atau himpunan artikel dan berita daripada pelbagai akhbar di seluruh negara berkaitan dadah. Sistem ini boleh diakses oleh sesiapa sahaja, di mana dan pada bila-bila masa. Sistem ini dibangunkan bagi membolehkan semua artikel dan berita dadah dikongsi dan dimanfaatkan bersama oleh semua pihak di AADK dan orang awam.



Muka Utama berita-berita dadah terkini



Carian berita-berita dadah



Paparan bacaan akhbar



Statistik capaian dalam antarmuka Pentadbir

# PROGRAM UNIT **INTEGRITI**

## **SEMINAR BIJAK WANG AADK**

Pengurusan kewangan yang berkesan dapat mengelakkan daripada terlibat dalam masalah keterhutangan yang serius seterusnya mengurangkan risiko terlibat dalam amalan rasuah. Bagi menerapkan kemahiran ini, Unit Integriti AADK telah menganjurkan Program Bijak Wang AADK 2017 pada 11 April 2017 (Selasa) bertempat di Auditorium Al-Safii, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Bertemakan 'Mata Hatiku Celik Wang', program ini telah dihadiri oleh seramai 92 pegawai dan kakitangan AADK. Program ini merupakan program berkala yang juga telah dijalankan pada tahun lepas.

Antara pengisian program adalah penyampaian ceramah daripada penceramah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan tajuk POWER-Pengurusan Wang Ringgit Anda dan Klinik Hatiku Celik Wang. Ceramah kedua pula adalah daripada Jabatan Insolvensi Malaysia dengan tajuk Bankrapsi-Kebebasan Yang Hilang. Barisan penceramah telah menarik perhatian peserta yang hadir dengan menyampaikan maklumat yang penting berkaitan pengurusan kewangan dan kesan apabila diisytiharkan bankrap ke atas kakitangan awam dan cara-cara untuk mengatasinya. Pengarah Unit Integriti AADK iaitu En. Mohd Nor bin Ali juga mengambil kesempatan untuk sesi Sepetang Bersama Unit Integriti untuk menjawab persoalan yang diajukan oleh para peserta program berkaitan integriti.

YBhg. Datu Jabidah bt Monseri, Mantan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) memberikan ucapan perasmian di majlis ini.



## **WACANA INTEGRITI AADK**

Sempena meraikan Hari Integriti Peringkat Kebangsaan yang diraikan pada 5 November setiap tahun, Unit Integriti AADK telah menganjurkan Wacana Integriti AADK 2017 pada 24 Oktober 2017 (Selasa) bertempat di Auditorium, Ibu Pejabat AADK. Wacana ini diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan nilai-nilai integriti dalam kalangan pegawai dan kakitangan AADK. Bertemakan 'Integriti Di Hati Ku', wacana ini telah dihadiri oleh seramai 202 pegawai dan kakitangan AADK serta jemputan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Pelbagai informasi penting telah dapat disalurkan sepanjang program ini oleh 2 orang penceramah tersohor. Penceramah pertama adalah YBhg. Dato' Sri Hj Zakaria bin Haji Jaffar, Pengerusi Yayasan Anti-Rasuah Malaysia dengan tajuk 'Say No To Rasuah-Jom Mantapkan Maruah'. Penceramah kedua adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Nor bin Mamat, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM. Barisan penceramah telah menarik perhatian peserta yang hadir dengan memberi pengertian yang luas berkaitan integriti daripada pelbagai sudut. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Yayasan Anti-Rasuah telah sudi membuka kaunter penerangan pada hari tersebut. YBhg. Dato' Dr Abd. Halim bin Mohd. Hussin, Ketua Pengarah AADK memberikan ucapan aluan seterusnya merasmikan wacana ini.



## IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) AADK

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri, YBhg. Tan Sri Dzulkifli Ahmad. IBR ini memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Sebagai tanda sokongan untuk bersama-sama membanteras rasuah, pada 12 Oktober 2017 semua pegawai dan kakitangan AADK Ibu Pejabat telah melaksanakan ikrar tersebut yang diketuai oleh YBhg. Dato' Dr Abd Halim bin Mohd Hussin, Ketua Pengarah AADK dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Wan Ali bin Besar, TKSU (Pengurusan ) dan YBhg. Dato' Abdul Samat bin Kasah, Pengarah Pendidikan Pencegahan, SPRM.



## PROGRAM BIJAK INTEGRITI AADK

Penjawat awam perlu mendukung prinsip integriti dalam melaksanakan tugas dan amanah masing-masing untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Nilai-nilai integriti ini perlu diamalkan dan diperkukuhkan secara berterusan. Selaras dengan kehendak tersebut Unit Integriti AADK telah menganjurkan Program Bijak Integriti AADK 2017 'Integriti : Ke Mana Hala Tujuku..' pada 1-3 Ogos 2017 (Selasa-Khamis) bertempat di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia, Ayer Molek, Melaka. Bertemakan 'Integriti Di Hati Ku', program ini telah dihadiri oleh seramai 43 pegawai dan kakitangan AADK dari seluruh negara.

Pelbagai informasi penting telah dapat disalurkan sepanjang program ini. Antaranya adalah penyampaian ceramah daripada 4 orang penceramah yang telah dijemput iaitu dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Bahagian Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Bahagian Keselamatan AADK dan Unit Integriti AADK. Barisan penceramah telah menarik perhatian peserta yang hadir dengan memberi pengertian yang luas berkaitan integriti daripada pelbagai sudut.



## KURSUS KEPIMPINAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN TATATERTIB AADK 2017

Unit Integriti, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah berjaya menganjurkan "Kursus Kepimpinan Integriti dan Pengurusan Tatatertib AADK 2017" yang telah disertai seramai 45 orang pegawai AADK pada 31 Oktober hingga 03 November 2017 di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT), Bukit Tinggi, Pahang. Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai di peringkat pengurusan AADK Ibu Pejabat, AADK Negeri/ Institusi/ Daerah dalam mengenal prinsip-prinsip asas pelanggaran integriti dan prosedur tindakan tatatertib agar pengurusan tatatertib lebih cekap dan mapan, selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Pendekatan modul program adalah berbentuk pre-assessment test, case study, pembentangan/ persembahan secara berkumpulan, kerja lapangan dan ceramah. Kursus ini juga telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Izhar bin Abu Talib, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), AADK Ibu Pejabat yang telah hadir bersama untuk upacara majlis penutup serta penyampaian Sijil Penyertaan kepada peserta-peserta kursus.



### LENSA INTEGRITI AADK

Lensa integriti merupakan hebahen informasi Integriti secara mingguan melalui emel warga Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di seluruh Malaysia. Lensa ini juga dipaparkan di laman web rasmi AADK. Antara kandungan lensa adalah merangkumi peraturan dan pekeliling, nilai-nilai murni, pengurusan kewangan berhemah, pengurusan kredit, cetusan motivasi dan lain-lain tajuk yang mendorong kepada peningkatan nilai integriti pegawai dan kakitangan.

**MENYARA HIDUP MELEBIHI PENDAPATAN RASMI?**  
Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993.  
Warga AADK, tidak boleh pada bila-bila masa memperlihatkan gaya-hidup melebihi pendapatan rasminya. Ketua Jabatan boleh meminta penjelasan secara berfalsafah daripada seseorang itu sekiranya timbul syak atau keraguan mengenainya.  
*Belanja Untuk Hidup, Bukan Hidup Untuk Belanja*  
- Dr Azhari Osman

**MOTIVASI ~ 3 Yang Unggul**  
The Surprising Truth About What Motivates Us  
3 faktor yang membangkitkan motivasi dan kreativiti dalam kalangan pekerja:  
**AUTONOMY**  
Membuat keputusan sendiri, bertanggungjawab, mempunyai kebebasan, mempunyai hak yang berkaitan dengan pekerjaannya.  
**MASTERY**  
Menjadi lebih mahir pada perkara yang lebih penting.  
**PURPOSE**  
Pekerja melaksanakan tugas lebih baik jika tujuannya adalah jelas.  
Motivation : The Leader's Role - David P. Cook

**SUDAH KE DAPAT KEBENARAN?**  
**MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN**  
Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.A. (A) 395]  
1 Berharga Online  
2 Pemanda Teksi/Uber/Grab  
3 MLM  
4 Berharga Fizikal, atau melalui IG  
**Pekerjaan Luar tidak boleh dilakukan melainkan dengan kebenaran bertulis daripada KETUA JABATAN dengan SYARAT:**  
1 Tidak dilakukan dalam waktu pejabat & semasa dikehendaki melaksanakan tugas rasmi  
2 Tidak dibenarkan menggunakan harta benda Kerajaan untuk tujuan tersebut  
3 Tidak menjejaskan kebergunaan sebagai pegawai awam  
4 Tidak bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan awam.  
Unit Integriti AADK  
Tel No: 03-8911 2070  
0 2000, Email: integriti@aadk.gov.my

**JALAN SUNYI PENGORBANAN 3.0 WARGA AADK**  
1 Berhenti bertanyakan keinginan untuk menerima hadiah (termasuk hamper, angpau, apa-apa benda berharga, perhiasan atau persembahan) dari mana-mana syarikat, kontraktor, pembekal atau orang awam yang ada urusan dengan agensi.  
2 Berhenti menerima hadiah (termasuk hamper, angpau, apa-apa benda berharga, perhiasan atau persembahan) dari mana-mana syarikat, kontraktor, pembekal atau orang awam yang ada urusan dengan agensi.  
3 Berhenti menerima hadiah (termasuk hamper, angpau, apa-apa benda berharga, perhiasan atau persembahan) dari mana-mana syarikat, kontraktor, pembekal atau orang awam yang ada urusan dengan agensi.  
Unit Integriti AADK  
Tel No: 03-8911 2070  
0 2000, Email: integriti@aadk.gov.my

# 6<sup>TH</sup> WORLD CONGRESS ON **ADDICTION DISORDER AND ADDICTION THERAPY**

World Congress On Addiction Disorder And Addiction Therapy merupakan satu program di mana semua penyelidik, doktor, ahli akademik, pelajar dan pakar-pakar bidang penagihan berkumpul untuk saling berkomunikasi, bertukar idea serta membincangkan hasil kajian terbaharu dalam diagnosis dan rawatan kecelaruan penagihan.

Penyertaan Malaysia dalam The 6th World Congress on Addiction Disorder & Addiction Therapy telah dihadiri oleh Ketua Pengarah AADK, YBhg. Dato' Dr Abd. Halim bin Mohd Hussin pada 29 hingga 31 Ogos 2017 di Prague, Republik Czech. YBhg. Dato' Dr. Abd. Halim bin Mohd Hussin telah dijemput untuk memberi ucapan yang bertajuk "Innovating Advanced Technologies in Preventing and Treatment of Addiction" ketika kongres berkenaan serta dilantik sebagai juri untuk persembahan poster.





**AADK NEGERI**

## PROMOSI **KEPULIHAN RECOVERING PERSON** **(BUAL BICARA DI RADIO)**

Program Promosi Kepulihan Recovering Person melalui bual bicara di Radio melalui Slot AADK Bersama Johor FM. Siaran ini ke udara pada hari Ahad di Johor FM melibatkan bekas-bekas penagih yang telah berjaya mengekalkan kepulihan.

Tetamu yang dijemput pada slot ini adalah seperti berikut:

- 26.2.2017 (En. Rahim Bin Yassin – PRS AADK Kluang)
- 23.7.2017 (Pn Rahayu Bt Rahmat – Setiausaha Pertubuhan Sinar Sofea)
- 27.8.2017 (En Azmi Bin Jaafar – PRS AADK Batu Pahat)
- 24.9.2017 (En Yusri Bin Mansur – Bekas Klien Klinik C&C Tampoi).

Program ini memberikan impak yang besar kepada masyarakat khususnya pendengar-pendengar Johor FM kerana memberikan kesedaran yang mendalam mengenai bahaya dadah dan perkongsian pengalaman penderitaan penagihan dadah yang membawa kesan yang buruk di dalam institusi kekeluargaan dan masyarakat. Selain itu, bekas-bekas penagih ini berkongsi cerita mengenai kejayaan mereka mengekalkan kepulihan dan membantu kepulihan rakan-rakan yang masih terbelenggu dengan dadah.



## PENINGKATAN KES PENDAKWAAN **LANGGAR SYARAT PENGAWASAN**

Pada Tahun 2016, Menteri Dalam Negeri iaitu YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyeru agar masyarakat turut serta di dalam "Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan" dan masih diteruskan bagi Tahun 2017. Salah satu komponen penting dalam penguatkuasaan Kempen PDH ini adalah Ops Cegah. Kejayaan aktiviti Operasi Cegah ini dapat dilihat salah satunya di kawasan Pasir Gudang, Johor Bahru.

Peningkatan dalam kekerapan pelaksanaan operasi cegah di kawasan tersebut, telah menampakkan kejayaan pencapaian penyelesaian kes aduan yang diterima dari keluarga dan masyarakat setempat. Mengikut statistik aduan dan risikan, AADK Negeri Johor telah berjaya membuat tangkapan seramai 178 orang berdasarkan 75 aduan yang diterima dan tindakan terhadap aduan meliputi kes di bawah Seksyen 6(1)(a) di institusi pemulihan dan 6(1)(b) menjalani pengawasan serta pendakwaan langgar syarat ditempatkan di Penjara Kluang. Operasi ini juga melibatkan rakan strategik dari agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM, RELA, JKKK Kampung dan komuniti setempat yang membantu dapat menyalurkan maklumat penagihan dadah.

Penahanan dan pengesanan penagih dadah secara berterusan ini dapat memberi impak yang besar, mengurangkan kegusaran dan kerisauan yang melanda masyarakat sekaligus masyarakat akan merasa lebih selamat dan tenteram



## PENINGKATAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN **KOMUNITI SETEMPAT**

JOHOR BAHRU - Dalam menangani permasalahan dadah yang kian mencabar, AADK Negeri Johor telah berjaya melaksanakan siasatan dan prosiding pendakwaan bagi kes-kes langgar syarat pengawasan. Sepanjang tahun 2017, AADK Negeri Johor telah merekodkan sebanyak 344 jumlah pendakwaan ke atas OKP yang melakukan pelbagai kesalahan langgar syarat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 176 pendakwaan dijalankan bagi kertas-kertas siasatan yang dibuka pada Tahun 2017.

Kejayaan ini merupakan salah satu usaha Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Johor untuk meningkatkan kepatuhan Orang Kena Pengawasan (OKP) untuk hadir mengikuti program-program pemulihan, mengambil tindakan ke atas kes-kes yang tidak komplain dan dapat mengurangkan risiko kes-kes pengawasan OKP ini untuk menjadi tidak komplain.

Kes pendakwaan ini merangkumi pelbagai kesalahan iaitu gagal melapor diri di Balai Polis, mengambil dan mengguna semula dadah, gagal menghadiri diri di program pemulihan, dan meninggalkan kawasan tanpa kebenaran Ketua Pengarah AADK Malaysia dan dituduh di bawah Seksyen (6)(3) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 Pindaan 1998.



# PEMBELAJARAN BERSAMA **NEWCASTLE UNIVERSITY MEDICINE MALAYSIA**

Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi telah dikenali dengan perawatan pemulihan penagihan dadah dengan permasalahan psikotik (dual diagnosis). Pada 2017, Newcastle University Medicine Malaysia (NuMED), Nusajaya telah memilih untuk menjalinkan kerjasama bersama Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi. Kerjasama ini memberi pengalaman sebenar yang mana pelajar jurusan perubatan NuMED berpeluang untuk membuat temu ramah awalan. Objektif pembelajaran adalah untuk mendalami isu-isu semasa penagihan serta merangka perawatan yang sesuai kepada klien melalui temuramah awalan diagnosis.

Sebagai timbal balas, program psikopendidikan kepada pegawai AADK turut diberikan secara bulanan di mana pembentangan berhubung dengan kajian kes klien, kertas penyelidikan dan isu semasa serta maklumat terkini berkaitan pengambilan/penagihan dadah dibentangkan. Sehingga kini, kerjasama ini masih diteruskan dan maklumbalas yang positif telah diterima daripada kedua-dua belah pihak. Kerjasama ini dilihat membantu meningkatkan lebih banyak maklumat, ilmu pengetahuan dan kualiti perkhidmatan dapat diperhebatkan lagi ke tahap yang lebih cemerlang bukan sahaja kepada AADK tetapi juga kepada para bakal doktor yang akan memberikan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia kelak.



Pelajar perubatan NuMED sedang menjalankan sesi temuramah awalan diagnosis



Pembentangan topik kajian berkaitan permasalahan dadah oleh pelajar perubatan NuMED yang turut dihadiri oleh pegawai AADK untuk pembelajaran bersama

Pensyarah dan pelajar NuMED bersama Pegawai Klinik C&C 1Malaysia Tampoi selepas sesi pembelajaran

# PROGRAM **AMAL IHTIMAM BERSAMA BANK ISLAM**

Julung-julung kalinya pada 4 September 2017, Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi, telah berjaya menjalankan ibadah qurban sebanyak 6 ekor lembu anjuran bersama Bank Islam Wilayah Selatan. Pihak C&C Tampoi menyumbangkan 3 ekor lembu dan Bank Islam turut berbesar hati menyumbangkan 3 ekor lembu untuk ibadah qurban tersebut. Anjuran ini turut melibatkan jemputan ceramah sempena Aildil Adha yang berlangsung pada malam 3 September 2017 dengan tajuk “Qurban Jalan Menuju Ketaqwaan” yang disampaikan oleh Alfadil Prof. Dr. Ismail Bin Mustari dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran daripada ahli keluarga klien, para pegawai daripada AADK Negeri Johor, Bank Islam malah rakan strategik iaitu NGOs. Majlis juga bertuah dengan kehadiran Ustaz Mohd Nazri Chik, Ketua Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad (TBC) dan Tn. Haji Sidek bin Jaafar, Pengarah AADK Negeri Johor semasa majlis penutupan di mana penyampaian hadiah turut diadakan bagi pertandingan khutbah antara klien yang telah berlangsung pada hari yang sama. Bank Islam Malaysia Berhad juga telah menyampaikan cek sumbangan bernilai RM3,000.00 dan cenderamata kepada Masjid Al-Hidayah Klinik C&C 1Malaysia Tampoi. Sumbangan ini tidak terhenti disini apabila Bank Islam turut komited untuk menyumbangkan bantuan keperluan berupa khemah, mesin pemotong rumput dan LCD projector untuk kegunaan Klinik C&C 1Malaysia Tampoi. Semoga perhubungan ini tidak terputus di sini dan lebih banyak lagi agensi kerajaan dan swasta dapat tampil untuk turut sama menjalankan program bersama klien.



Ceramah “Qurban Jalan Menuju Ketaqwaan” yang disampaikan oleh Alfadil Prof Dr Ismail Bin Mustari dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor



5 ekor lembu telah diqurbankan untuk program tersebut dengan 3 daripada adalah sumbangan daripada Bank Islam



Majlis turut disertai oleh keluarga klien, pegawai AADK Negeri Johor, Bank Islam dan NGOs.



Ustaz Mohd Nazri Chik, Ketua Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad (TBC) dan Tn. Haji Sidek bin Jaafar, Pengarah AADK Negeri Johor



Penyampaian hadiah sempena pertandingan khutbah di kalangan klien



Sumbangan sebanyak RM3,000.00 diserahkan kepada Masjid Al-Hidayah Klinik C&C 1Malaysia Tampoi

## KE ARAH PERKHIDMATAN **BARU & TERKINI**

Senario pengambilan dadah masa kini menjurus kepada dadah jenis sintatik yang mana ia boleh menyebabkan mereka yang terjebak menunjukkan simptom seperti masalah mental (psikotik) iaitu halusinasi, delusi atau paranoia. Permasalahan ini sekiranya dibiarkan berlanjutan boleh mengakibatkan pengguna dadah berisiko membahayakan diri sendiri atau persekitaran mereka. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan perubatan di pusat pemulihan penagihan dadah perlu dipertingkatkan bagi membantu perawatan simptom tersebut sebelum rawatan pemulihan dadah dapat dilaksanakan.

Satu kerjasama telahpun terjalin di antara Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi dan Hospital Permai bagi merealisasikan matlamat tersebut. Ekoran itu, kini Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi telah dikenali sebagai satu-satunya institusi yang menjalankan perkhidmatan perawatan penagihan dadah dengan permasalahan psikotik atau dikenali sebagai dual diagnosis.

Perkhidmatan yang telah terjalin hampir 4 tahun ini telah membentuk satu perkhidmatan yang jitu di mana bukan sahaja perawatan perubatan psikotik dibekalkan malah pegawai turut diberikan pendedahan berhubung pengenalan dan perawatan bagi penyakit tersebut melalui continuing medical education (CME) yang diberikan secara berkala. Hasil daripada komitmen tersebut pegawai AADK dapat menjalankan perkhidmatan dengan lebih berkualiti dan menepati keperluan perawatan klien. Pegawai perubatan Hospital Permai juga turut menjalankan program psikopendidikan kepada klien yang mana klien didedahkan dengan maklumat kesan penagihan yang menyebabkan penyakit psikotik, pengambilan ubatan dan perawatan lanjutan apabila discaj kelak.



Penilaian awal klien untuk simptom psikotik oleh doktor Hospital Permai



Doktor Hospital Permai hadir secara berkala di Klinik C&C 1Malaysia Tampoi untuk pemeriksaan kesihatan klien



Pembekalan ubatan psikotik daripada Hospital Permai untuk klien dual diagnosis



Pemberian methadone kepada klien oleh pegawai Farmasi Hospital Permai di Klinik C&C 1Malaysia Tampoi



Program psikopendidikan kepada pegawai AADK oleh Doktor Pakar Psikiatri Hospital Permai secara berkala



Psikopendidikan kesihatan kepada klien berhubung permasalahan kesihatan mental dan perubatan oleh pegawai Farmasi Hospital Permai secara berkala

# KEPULIHAN BERMULA DI SINI...

“ Alhamdulillah saya diterima masuk ke CnC Tampoi, di sana saya melalui satu proses pemulihan yg betul... saya berperang dengan diri saya sendiri dalam program Therapeutic Community... dalam tc ada kasih sayang, tanggungjawab, keprihatinan, dan kepimpinan...yg mana perkara tersebut saya tak pernah dapat di luar sebagai seorang penagih..setelah 8bulan hidup saya diprogramkan, saya pulang ke rumah ibu saya, Alhamdulillah saya masih diterima sebagai ahli keluarga..” (Anuar, 2017)

Tersebut merupakan kata-kata Anuar (bukan nama sebenar) bekas klien Klinik Cure & Care Tampoi (C&C). Anuar, berumur 34 tahun dan masih bujang merupakan anak ke-7 dari 11 orang adik-beradik. Mendapat pendidikan sehingga tingkatan 5 dan aktif bersukan dalam bola sepak. Anuar mempunyai kebergantungan pelbagai jenis dadah selama 15 tahun dan mengakibatkan dirinya tidak terurus dengan tidur di kaki lima, bawah jambatan, lorong-lorong dan penjara seperti rumah keduanya. Kehilangan ayah pada tahun 2007 ketika Anuar berada di penjara menyebabkan hilangnya anugerah yang tidak terhingga kerana Anuar satu-satunya anak yang tidak dapat menatap wajah ayah buat kali terakhir. Rasa sesal dan kesal menyelubungi Anuar menyebabkannya terus hanyut selepas keluar dari penjara.

Pada 02 November 2015, penama hadir ke Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi bersama dengan ibu untuk mengikuti program pemulihan penagihan dadah secara sukarela. Anuar menjalani program di C&C Tampoi selama 8 bulan. Pada hari tamat program, Anuar telah membulatkan tekad untuk berubah. Anuar mulai bekerja di sebuah kilang pemprosesan ikan di Woodlands, Singapura sehingga kini. Bagi mengekalkan kepulihan, Anuar masih lagi menjalinkan hubungan dengan pegawai-pegawai dan PRS di C&C Tampoi. Setiap minggu, klien menyertai Kelompok Sokong Bantu malah ada kalanya menjadi fasilitator kelompok. Selain itu, klien juga tidak terlepas untuk mengikuti Program Narcotic Anonymous (NA) JB. Sehingga kini, Anuar antara klien C&C Tampoi yang masih berjaya mengekalkan kepulihan.



Penama bersama ahli keluarga TC Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi ketika Program FA.



Penama menyampaikan 'talk' 12-Langkah dalam Prgoram KSB yang diadakan pada setiap minggu kepada klien C&C Tampoi 1Malaysia Tampoi.



Berjaya memiliki motosikal impian hasil dari menabung.

Bekerja di Kilang Pemprosesan Ikan di Woodlands, Singapura.



Bersama PRS Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi dalam mengekalkan kepulihan.



Bersama dengan kelompok NA Johor Bahru.



“Semasa berada di klinik Cure n Care Tampoi saya diberi rawatan kepulihan dan belajar tentang bahaya penggunaan dadah .. saya juga menerima rawatan therapeutic community di sini di mana saya diajar tentang perubahan sikap, tanggungjawab, keperihatinan dan kasih sayang ... Ibu dan adik beradik saya mula menerima saya dan banyak memberi dorongan dan perhatian kepada saya .. kekuatan itu saya gunakan untuk kekal pulih ... hampir 9 bulan saya menerima rawatan di C&C saya merasakan keyakinan diri semakin tinggi dan rasa hidup bermotivasi” (Scot, 2017)

Tersebut merupakan kata-kata Scot (bukan nama sebenar) bekas klien Klinik Cure & Care Tampoi (C&C). Scot, berumur 35 tahun dan berasal dari Muar Johor. Scot telah mengambil pelbagai jenis dadah selama hampir 25 tahun. Kebergantungan dadah menyebabkan Scot kehilangan pekerjaan, rejeksi keluarga dan menjadi gelandangan. Punca utama beliau terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah adalah disebabkan tekanan yang sangat tinggi akibat daripada konflik dalaman keluarga. Kesan daripada masalah keluarga menjadikan beliau tidak suka berada di rumah dan mula bergaul bebas.

Pada tahun 2014, Scot hadir ke Klinik Cure & Care Tampoi untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan dadah. Di C&C, Scot disahkan mengidapi skizofrenia dan dikehendaki mengambil ubat anti-psikotik. Melihat kepada prestasi serta komitmen tinggi dalam program dan peningkatan kesihatan mental, Scot ditawarkan berkhidmat sebagai Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di Klinik C&C 1Malaysia Tampoi Johor pada tahun 2015 sehingga kini. Perubahan kualiti hidupnya terus positif dengan mendirikan rumahtangga bersama gadis pilihannya pada Mei 2016 dan pada April 2017 telah dikurniakan seorang cahaya mata. Perkembangan dalam hidup serta sokongan padu daripada keluarga serta orang yang disayangi banyak membantu dalam kepulihan beliau. Sehingga kini, Scot antara klien C&C Tampoi yang masih berjaya mengekalkan kepulihan.



Bersama keluarga yang membantu dan menyokong dalam proses kepulihan dan kekal pulih

Sesi bimbingan yang dijalankan dalam program pemulihan di C&C



Mengikuti sesi temuramah di IKIM untuk perkongsian proses kepulihan

Terlibat secara aktif aktiviti busking di C&C dan juga jemputan majlis di dalam komuniti

# MELAKA

## PROGRAM **SEPETANG BERSAMA Y.A.B KETUA MENTERI MELAKA**

Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Melaka dengan kerjasama kerajaan Negeri Melaka telah menganjurkan program “Sepetang Bersama Ketua Menteri Melaka”. Program tersebut turut mendapat kerjasama dari Jabatan serta Agensi Kerajaan yang lain seperti PDTMT, PDTJ, MPAG, MPHTJ, PDRM, C&C Tampin, CCRC Tiang Dua dan JKR.

Program ini diadakan bagi merealisasikan hasrat YAB Datuk Seri Utama Ir Hj Idris Bin Hj Haron, Ketua Menteri Melaka yang ingin bertemu dengan Orang Kena Pengawasan (OKP) dibawah seliaan AADK Daerah-daerah di Negeri Melaka. Program yang ini berjaya menghimpunkan seramai 1164 orang OKP AADK Negeri Melaka turut dihadiri oleh peimipin setempat, JKKK serta Penghulu-penghulu, peluang kepada pemimpin setempat untuk mengenali OKP di kawasan masing-masing agar dapat membantu proses rawatan dan pemulihan mereka di dalam komuniti. Program terlebih dahulu telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Dr Abu Bakar Bin Mohamad Diah, Ahli Parlimen Tangga Batu merangkap Timbalan Menteri MOSTI selaku wakil YAB Ketua Menteri Melaka yang pada awalnya tidak dapat hadir ke program tersebut. Ketua Pengarah AADK Malaysia, YBhg Dato’ Dr Abd Halim Bin Hussin turut hadir bagi menyampaikan ucapatama dalam program ini.

Namun begitu di atas sifat keprihatinan, YAB Ketua Menteri Melaka telah tiba di Dewan Tun Ali, Bukit Katil pada jam 4.30 petang dan telah diiringi dengan sorakan serta tepukan gemuruh dari para hadirin. YAB Ketua Menteri telah memberi ucapan ringkas dan kemudiannya telah menyumbangkan sebuah lagu yang telah menambahkan lagi kemeriahan program petang itu. Sebelum beredar, YAB Ketua Menteri sempat beramah mesra dengan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang hadir dengan diiringi oleh YBhg Dato’ Dr Abd Halim Bin Hussin, Ketua Pengarah AADK Malaysia serta En Mohamad Yusof Bin Kameh, Pengarah AADK Melaka.

Program Sepetang Bersama Ketua Menteri Melaka 11.3.2017



## KISAH MEREKA YANG **BERJAYA MENGEKALKAN KEPULIHAN**



Nama saya Jamalizam bin Jamaludin. Saya berusia 44 tahun dan berasal daripada Raub, Pahang. Saya pernah menjadi seorang penagih dadah. Saya pernah ditangkap dan ditahan di beberapa balai polis. Saya juga pernah menjalani hukuman penjara di Penjara Simpang Renggam, Johor dan saya juga adalah salah seorang pelatih yang pernah menerima rawatan dan menjalani program pemulihan di Pusat Serenti Tampin dan juga di Klinik Cure& Care 1Malaysia Tampin.

Pada permulaanya sebagai klien di C&C Tampin, saya merasakan bosan dan tidak boleh menerima atau mengikuti program yang ditetapkan di institusi ini, tetapi, apabila saya cuba mengikuti, saya belajar menerimanya.

Akhirnya, saya merasakan keinginan untuk membuat perubahan diri. Insitituti ini menimbulkan kesedaran dan semangat kepada saya untuk membuat kepulihan serta perubahan diri dari masalah ketagihan dadah. Barulah saya merasakan pentingnya kehidupan yang telah saya abaikan kerana ketagihan dadah selama ini. Adakalanya saya merasakan program yang dijalankan disini agak padat tetapi apabila saya renung dan fikirkan tentangnya, ia sebenarnya baik. Melalui program yang padat ia dapat membina pembangunan peribadi saya kerana saya perlu fokus dalam program yang telah dirancang

Kini, saya telah diberi peluang dan dilantik sebagai salah seorang Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di C&C Tampin. Perkara yang saya belajar semasa di C&C Tampin adalah sentiasa berfikiran positif, merancang tindakan dan matang dalam berfikir. Disini juga saya berpeluang meningkatkan kemahiran berfikir melalui proses mendengar, berkongsi dan perbincangan. Saya juga dapat meningkatkan keyakinan diri untuk melakukan perubahan dalam konteks kepulihan.



Nama Saya Halimah Binti Othman, Saya mula terlibat dengan dadah ketika berusia 17 tahun. Semasa menunggu keputusan peperiksaan SPM, saya terus bekerja sebagai pelayan di kelab Golf Subang Petaling Jaya. Perasaan ingin mencuba dan perkenalan dengan rakan-rakan yang salah telah membuatkan saya tersilap langkah dalam menentukan halatuju kehidupan saya. Saya sentiasa terpalit dengan masalah dadah. Saya pernah menjalani rawatan dan pemulihan di CCSC Dang Wangi, Wilayah Persekutan. Saya juga pernah dimasukkan ke Pusat Pemulihan dadah sebanyak 6 kali di Bachok, Kelantan. Kali terakhir menjalani rawatan adalah di Klinik Cure& Care 1Malaysia Sungai Besi.

Perasaan Marah, kecewa dan benci timbul dalam diri hingga pernah terdetik ingin membunuh diri semuanya

kerana dadah. Perasaan malu tertekan bergantung kepada dadah menyebabkan saya menjadi seorang yang tidak dapat berfikir secara waras. Jika saya imbas itulah sejarah hidup saya tiada yang bahagia sepanjang saya menasih dadah. Saya nekad ingin berubah dan saya mula merancang hala tuju hidup saya yang lebih baik tanpa dadah dengan bantuan AADK.

Kini, saya telah diamanahkan dan dilantik sebagai Pembimbing Rakan Sebaya di Klinik Cure& Care 1Malaysia Tampin. Sebagai PRS, saya dapat membantu klien dan membimbing klien kearah kepulihan klien. Pengalaman yang saya ada telah saya gunakan sehabis baik demi membantu rakan-rakan saya. Ia sekaligus dapat meningkatkan saya tentang menjaga kepulihan saya. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada pihak AADK kerana telah banyak membantu saya dalam proses kepulihan. Dorongan, semangat, ilmu dan kemahiran banyak saya perolehi daripada pegawai dan kakitangan disini dapat membantu saya untuk saya mencegah diri saya daripada relaps semula.

## FAMILY ASSOCIATION BERSAMA **LEMBAGA PELAWAT**

Pada 13 Julai 2017 telah berlangsung program FA yang telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pelawat CCRC Tiang Dua iaitu Datuk Wira Hj As'ari bin Hj Ibrahim. Beliau juga berbesar hati bersama-sama meluangkan masa beramah-mesra dengan keluarga klien. Selain itu, beliau juga sempat memberikan kata-kata semangat dan dorongan motivasi kepada klien dalam meneruskan program rawatan dan pemulihan dalam institusi.



Lawatan oleh Pengerusi Lembaga Pelawat : Datuk Haji As'ari bin Hj Ibrahi

## SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI BERSAMA **PEMIMPIN MASYARAKAT, AHLI LEMBAGA PELAWAT & KELUARGA KLIEN CCRC TIANG DUA**

Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat CCRC Tiang Dua, Melaka telah diadakan pada 13 Julai 2017 bertempat di Dataran Kawad CCRC Tiang Dua, Melaka. Objektif sambutan bertujuan bagi memberikan peluang kepada klien untuk berjumpa keluarga dan merasai kemeriahan Aidilfitri bersama insan tercinta. Sambutan Aidilfitri CCRC Tiang Dua kali ini mendapat perhatian dari pemimpin masyarakat. Di mana YB. Datuk Latifah binti Omar ( Pengerusi Jawatankuasa Negeri Wanita, Pembangunan Keluarga, dan Hal Ehwal Kebajikan) sudi meluangkan masa merasai sendiri pengalaman sambutan Aidilfitri bersama klien dan keluarga klien.



Lawatan oleh Pengerusi Lembaga Pelawat :  
Datuk Haji As'ari bin Hj Ibrahim



Lawatan oleh YB. Datuk Latifah binti Omar  
( Pengerusi Jawatankuasa Negeri Wanita,  
Pembangunan Keluarga, dan Hal Ehwal  
Kebajikan)

# PESTA SUKAN **CCRC TIANG DUA, MELAKA**

Majlis perasmian Penutup Sukan Peringkat CCRC Tiang Dua telah diadakan pada 25 April 2017 dan dirasmikan oleh wakil lembaga pelawat iaitu Hjh Rokiah binti Jantan. Pesta sukan ini telah dijalankan dari 17 April 2017 hingga 25 April 2017 yang mana melibatkan seramai 300 orang klien dalam pelbagai acara.



## PROGRAM SEPETANG BERSAMA **KETUA MENTERI MELAKA**

Pada 11 Mac 2017 seramai 30 orang klien dan 10 orang pegawai dari CCRC Tiang Dua, Melaka berpeluang hadir ke Program Sepetang Bersama Ketua Menteri Melaka. Program bertujuan bagi memberikan suntikan semangat dan motivasi kepada bekas penagih dadah dalam meneruskan proses kepulihan sepanjang hayat.



## MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA **HARI JADI TAJAAN PENERUSI LEMBAGA PELAWAT**

Majlis Kesyukuran sempena hari jadi Penerusi Lembaga Pelawat telah diadakan pada 3 November 2017. Antara pengisian program adalah ceramah agama, solat berjemaah, zikir dan nasyid bersama Kumpulan Pertama yang diketuai oleh artis iaitu Johan As'ari dan sambutan hari jadi ALP.



Sambutan Hari jadi Penerusi Lembaga Pelawat :  
Datuk Haji As'ari bin Hj Ibrahim



Persembahan Nasyid dari Kumpulan Pertama  
yang diketuai oleh artis iaitu Johan As'ari

# NEGERI SEMBILAN

## PENYERTAAN **ANUGERAH INOVASI KDN 2017**

Antara agenda utama AADK dalam melestarikan budaya kreativiti dan inovasi adalah dengan memastikan penyertaan AADK di dalam program-program kreativiti dan inovasi di pelbagai peringkat. Bagi tahun 2017, AADK melancarkan satu lagi kejayaan peringkat KDN melalui kemenangan AADK Negeri Sembilan di tempat ketiga dalam Anugerah Inovasi KDN 2017. Mengetengahkan Projek 1 Strategic Partner Community atau 1SPC, Negeri Sembilan telah berjaya membuktikan kemampuan AADK untuk terus mencipta kejayaan melalui program-program sebegini.

1SPC merupakan satu program berasaskan komuniti sebagai penggerak utama “Community Based Programme” dan “Community Take Ownership” yang dilaksanakan dengan kerjasama diantara agensi-agensi kerajaan diketuai oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sembilan sebagai urusetia kerja dan mendapat kerjasama penuh dari Unit Strategi Nasional (NSU), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi menyediakan satu pakej program yang komprehensif kepada kawasan-kawasan kampung tradisional dan kawasan FELDA.

Berasaskan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 1 SPC ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah berkaitan penyalahgunaan dadah yang dihadapi oleh semua kampung dan kawasan tanah rancangan FELDA diseluruh Negeri Sembilan. Kaedah penyelesaian yang efektif, kos yang rendah dengan pelaksanaan pantas serta berimpak tinggi dapat mengembalikan kesejahteraan rakyat diutamakan khususnya dan negeri makmur amnya.

Ini selaras dengan strategi AADK yang berusaha mengukuhkan rantaian kerjasama strategik dalam pelaksanaan fungsinya dan mendokong aspirasi perkhidmatan.



Tempat Ketiga- AADK Negeri Sembilan dengan projek 1SPC memenangi Anugerah Inovasi KDN 2017 Pada 29 November 2017

Kumpulan Matrix, AADK Negeri Sembilan bersama YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha KDN dan YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah AADK



# PELANCARAN PRODUK **NANAS TITI GOLD**

Produk Nanas Titi Gold adalah produk hasil keluaran tanaman Nanas di CCRC Jelebu yang merupakan salah satu projek bawah inisiatif National Blue Ocean Strategy (NBOS3): Engaging Rural Labour For High Value Added Economic Activities On Unused Government Lands yang melibatkan kerjasama jabatan dan agensi bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terutama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Majlis Pelancaran Produk Nanas Titigold telah diadakan pada 24 Ogos 2017 bertempat di CCRC Jelebu, Negeri Sembilan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Halim Bin Mohd Hussin, Ketua Pengarah AADK. Turut hadir di majlis tersebut adalah YB Dato' Haji Jalaludin Bin Hj. Alias, Exco Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi ALP CCRC Jelebu.

Produk Nanas Titigold yang dilancarkan ialah biskut tart, kek, jem dan jus yang berasaskan nanas yang dihasilkan di CCRC Jelebu.



Keratan Akhbar liputan Pelancaran Produk Nanas Titigold

Suasana ketika pelancaran dan sidang media yang dijalankan

YBhg. Dato' Dr. Halim Bin Mohd Hussin melawat produk-produk yang dihasilkan



Produk Nanas Titigold iaitu Jem, jus, biskut tart dan kek berasaskan nanas yang ditanam di CCRC Jelebu.



Nanas yang ditanam di CCRC Jelebu

# SELANGOR

## PROGRAM DIALOG TN50: **PEMIMPIN MUDA BERSAMA MEMERANGI DADAH**

Buat julung kalinya, AADK Negeri Selangor dengan kerjasama erat Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam dan Pejabat Parlimen Kuala Selangor telah menganjurkan Program Dialog TN50 : Pemimpin Muda Bersama Memerangi Dadah.

bertujuan membentuk pemimpin muda, mahasiswa dan golongan belia khususnya di Institusi Pendidikan Tinggi supaya mempunyai pengetahuan, kefahaman, kesedaran & kemahiran tentang pendidikan pencegahan dadah dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak AADK dalam mendepani masalah dadah dan memenuhi aspirasi mereka menjelang tahun 2050. Sesi dialog ini melibatkan dua orang panel iaitu Y. Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, Presiden Majlis Belia Selangor dan Y. Berbahagia Dato' Dr. Abdul Halim bin Hussin, Ketua Pengarah AADK dengan penglibatan warga kampus seramai 896 orang.

Pelaksanaan program berasaskan pendidikan pencegahan dadah ini juga menjadi satu gambaran kerjasama dengan barisan pengurusan universiti terhadap pemerkasaan pelaksanaan aktiviti pencegahan dadah di IPTA khususnya di UiTM pada masa hadapan.



# PROGRAM **COMMUNITY EMPOWERMENT : PEMIMPIN MASYARAKAT PERINGKAT NEGERI SELANGOR**

Program Seminar Community Empowerment – Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) “Pemimpin Masyarakat ” anjuran AADK Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah dilaksanakan pada 12 November 2017 bertempat di Dewan MPAJ, Ampang Jaya. Seramai 140 orang telah menghadiri program ini dimana jemputan peserta terdiri daripada rakan strategik dan rakan pintar serta ketua dan pemimpin masyarakat di setiap daerah. Seminar ini memberi ruang dalam perbincangan mengenai pendekatan terbaik dalam meningkatkan kesedaran komuniti di kawasan masing-masing tentang pentingnya pencegahan dadah. Program ini disempurnakan Dr. Nor Azri bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan Pencegahan) AADK Ibu Pejabat dan kemuncak program ini adalah dengan berlangsungnya penyampaian sijil pelantikan Ikon PDH bagi daerah PDH Petaling, Ampang, Hulu Langat dan Klang. Penglibatan aktif ikon-ikon PDH ini sebagai focal person dan individu yang berpengaruh diharap dapat meningkatkan minat komuniti dan masyarakat untuk turut sama melibatkan diri dengan aktiviti/program berasaskan pencegahan dadah.



# KEMPEN PENCEGAHAN JENAYAH DAN KESELAMATAN KOMUNITI **DAERAH SABAK BERNAM SECARA NBOS**

Pada 6 Disember 2017 telah diadakan program Kempen Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti Daerah Sabak Bernam di Taman Sekinchan Jaya yang turut disertai Ahli Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Mohd. Imran Tamrin, Pegawai Khas kepada Ahli Parlimen Sungai Besar, Shamsuddin Kontang serta Ketua Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam, Asisten Superintenden Suhaili Abu Bakar. Sabak Bernam menjadi daerah pertama di negeri ini melaksanakan Kempen Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti. Kempen dilaksanakan di bawah konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu melibatkan penyertaan 10 agensi lain termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Ikatan Relawan Malaysia (Rela), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam dan JPNIN Daerah Sabak Bernam serta Komuniti Sihat Perkasa Negara (Kospen) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).



# KARNIVAL SIHAT SELANGOR (KSS) MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

Pada 13 sehingga 15 Oktober 2017 telah diadakan Karnival Sihat Selangor yang turut melibatkan pameran daripada pelbagai agensi kerajaan lain termasuklah AADK Daerah Sabak Bernam. Karnival di Sabak Bernam ini merupakan penganjuran ke-lapan KSS untuk tahun ini dan AADK Sabak Bernam telah menyediakan Bas Pameran yang telah dibuka kepada orang ramai daripada awal pagi sehingga 11.00 malam. Selama 3 hari penganjuran yang dianggarkan melebihi 4,000 orang dan dianggarkan juga seramai lebih 800 orang telah menaiki bas pameran AADK ini dan melihat sendiri bahan-bahan yang disediakan oleh pihak AADK. Karnival ini turut disertai Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi yang turut melibatkan Kempen Derma Darah, Pemeriksaan Kesihatan Percuma dan Malam Kebudayaan serta aktiviti sukan lain.



## PROGRAM **SUKAN DAN RIADAH - FUTSAL**

Pada 20 Mei 2017 telah diadakan Program Sukan dan Riadah iaitu Sukan Futsal untuk OKP dibawah AADK Daerah Sabak Bernam. Program ini juga disertai oleh Jawatankuasa Rawatan dan Pemulihan Dadah ( JKPD ) Daerah Sabak Bernam dimana program dilaksanakan di Gelanggang Futsal Parit 3, Sg Haji Dorani, Sg Besar. Program ini bertujuan untuk memberi galakan kepada OKP untuk lebih aktif dan mengamalkan gaya hidup yang sihat dalam mengekalkan kepulihan. Seramai 50 orang yang terlibat yang terdiri daripada OKP-OKP, ahli-ahli JKPD, kakitangan AADK Daerah Sabak Bernam dan belia-belia mukim Sg Besar. Program ini telah dirasmikan oleh YB Budiman bin Mohd Zohdi iaitu Ahli Parlimen Sungai Besar merangkap ADUN Sungai Panjang. Di dalam ucapan penutup, YB Budiman telah memberikan kata-kata semangat kepada OKP dalam menjalani proses kepulihan.



## NEGARAKU, **MERDEKA TANPA DADAH**

---

Pada 14 September 2017 bertempat di Balairaya West Country satu program Negaraku, Merdeka Tanpa Dadah telah dilaksanakan untuk Orang Kena Pengawasan (OKP) di dalam Daerah Hulu Langat. Program ini bertujuan memupuk semangat cintakan Negara dan menanamkan rasa bersyukur di atas keamanan yang dikecapi.

Seramai 66 orang OKP dari kawasan Kajang dan Bandar Baru Bangi telah melakukan aktiviti melakar dan mengecat jalur gemilang. Aktiviti ini telah memberi suasana keceriaan dan kemeriahan sambutan kemerdekaan. Adalah diharapkan aktiviti ini dapat menerapkan semangat kekitaan dan semangat kemerdekaan dalam diri mereka. Secara tidak langsung mereka dapat mempelajari maksud kemerdekaan sebenar dan dapat disampaikan kepada masyarakat sekeliling mereka.



## PROGRAM **JKPD AADK HULU LANGAT**

---

Pada 16 November 2017 bertempat di Ruang Legar Komplek Hentian Kajang telah diadakan aktiviti senaman WAITANKUNG bersama Orang Kena Pengawasan (OKP) dan ahli JKPD daerah Hulu Langat. Program ini bertujuan menggalakan penglibatan JKPD dalam aktiviti OKP dan secara tak langsung dapat memperkasakan fungsi JKPD.

Seramai 38 orang OKP dari kawasan Kajang telah menjalankan aktiviti senaman WAITANKUNG yang merupakan senaman pergerakan perlahan anggota badan. Senaman ini diasaskan oleh seorang guru warga China beragama islam dari Taiwan dan dibawa masuk ke Malaysia pada tahun 1973. Menurut ketua jurulatihnya Dr. Ismail Abdullah 63, berkata sukan berbentuk senaman itu terkenal di kalangan bangsawan Cina bertujuan memberi ketenangan jiwa dan minda serta memelihara tahap kecergasan fizikal.



## PROGRAM **MALAM APRESIASI IKON “HEROES IN RECOVERY”** AADK DAERAH SEPANG

Pada 21hb Januari 2017, Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Sepang dengan kerjasama pihak Pejabat ADUN Dengkil, Pejabat Daerah Sepang serta PEMADAM Daerah Sepang telah berjaya menganjurkan Program Malam Apresiasi Ikon “Heroes In Recovery” bertempat di Hotel Empress, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang. Program ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada bekas-bekas klien yang telah berjaya mengekalkan tahap kepulihan bagi tempoh-tempoh tertentu setelah tamat pengawasan serta memberikan motivasi kepada klien-klien yang masih dalam tempoh menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti. Program yang dihadiri oleh seramai 50 orang klien bersama keluarga masing-masing ini telah dirasmikan oleh Pn. Roslinah binti Md. Jani, Pegawai Daerah Sepang dan turut dimeriahkan dengan kehadiran pegawai-pegawai kanan AADK Ibu Pejabat serta AADK Selangor.



## PROGRAM **AADK MASUK KAMPUNG – INTEGRASI SOSIAL**

Program AADK Masuk Kampung ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 20hb Mei 2017 yang lalu bertempat di Kampung Hulu Chuchoh, Sg. Pelek, Sepang dan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Pejabat UMNO / MCA Bahagian Sepang. Seramai kira-kira 60 orang klien telah terlibat dengan aktiviti gotong-royong merobohkan rumah penduduk kampung yang terpilih menerima sumbangan membaik pulih kediaman daripada pihak pejabat UMNO / MCA Bahagian Sepang. Pada program tersebut juga, Datuk Ng Chok Sin, Ketua MCA Bahagian Sepang telah meluangkan masa untuk beramah mesra bersama klien-klien AADK Sepang.



# PROGRAM **HIMPUNAN KEKELUARGAAN BERSAMA KOMUNITI DENGKIL**

Program yang julung-julung kalinya ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 18hb Februari 2017 bertempat di Pekan Dengkil, Sepang. Program yang dihadiri oleh lebih kurang 1000 orang peserta ini telah dianjurkan oleh Pejabat ADUN Dengkil dan Majlis Permuafakatan Parlimen Sepang serta AADK Daerah Sepang. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Abu Hassan Omar selaku YDP Majlis Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) Selangor dan turut dihadiri oleh YB Tuan Shahrumb bin Dato' Hj. Mohd. Shariff, ADUN Kawasan Dengkil. Ceramah kemahiran kekeluargaan telah disampaikan oleh pihak AADK Daerah Sepang.



# PROGRAM SEMARAK UKHWAH BERSAMA IKON PERANGI DADAH HABIS-HABISAN (PDH) DAERAH PETALING

Program Semarak Ukhwah Bersama Ikon Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) Daerah Petaling telah dilaksanakan pada 31 Julai 2017 bertempat di Pejabat AADK Daerah Petaling. Program bermula jam 11.00 pagi dan berakhir jam 2.00 petang. Seramai 200 orang telah menghadiri program ini dimana jemputan terdiri daripada Ikon PDH iaitu Datuk Abdul Mutalif bin Abdul Rahim, Penolong Pengarah Pencegahan AADK negeri Selangor, rakan strategik dan rakan pintar AADK Daerah Petaling, Ahli MTMD, Ahli JKPD, AJK CCH, Ketua dan pemimpin masyarakat kawasan PDH serta keluarga dan Orang Kena Pengawasan (OKP) AADK Daerah Petaling.

Program dimulakan dengan pendaftaran dan ketibaan jemputan serta Ikon PDH. Seterusnya dimulakan dengan bacaan doa dan Ucapan Alu-aluan oleh Encik Shahrilnizar bin Nordin, pemangku Ketua Pegawai AADK Daerah Petaling. Seterusnya ucapan oleh Puan Norshafinaz binti Abdul Shukor, Penolong Pengarah bahagian Pencegahan AADK Negeri Selangor mewakili Pengarah AADK Negeri Selangor. Seterusnya sesi pengenalan dan ucapan IKON PDH AADK Daerah Petaling iaitu Datuk Abdul Mutalif bin Abdul Rahim selaku Penolong Koordinator Pembangunan Persekutuan N.33 Taman Medan. Pada Jam 12.00 tengahari program diteruskan dengan penyampaian sumbangan hamper barangan runcit kepada OKP AADK Daerah Petaling.



# COMMUNITY EMPOWERMENT (CE) SUKAN DAN RIADAH – **LATIHAN DALAM KUMPULAN (LDK) @ BUKIT GASING, PETALING JAYA**

Program Community Empowerment (CE) Sukan dan Riadah – Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) “Latihan Dalam Kumpulan (LDK) @ Bukit Gasing” anjuran AADK Daerah Petaling telah dilaksanakan pada 11 November 2017 (Sabtu) bertempat di Hutan Pendidikan Bukit Gasing, Petaling Jaya, Selangor. Program bermula jam 8.00 pagi dan berakhir jam 1.00 petang. Seramai 40 orang telah menghadiri program ini dimana jemputan terdiri daripada Rakan strategik dan rakan pintar AADK Daerah Petaling, Ahli Ahli JKPD, AJK CCH, Ketua dan pemimpin masyarakat kawasan PDH, SKUAD AADK Daerah Petaling, Komuniti Setempat daripada kawasan Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) Daerah Petaling.

Pengisian program ialah sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) di mana melibatkan tiga kawasan Chek Point (CP). Di CP 1: LDK bagi Teknik Asas Penghasilan Kertas Kerja. CP 2: Mengenalpasti Faktor Pelindung dan Faktor Risiko. LDK di CP 3 pula ialah Perancangan Program Dalam Komuniti. CP 3 semua peserta tiba dan berkumpul di Hutan Rimba Kerinchi.



## PROGRAM **COMMUNITY EMPOWERMENT – PERANGI DADAH HABIS-HABISAN (PDH) “ STREET TOWN HALL”**

Program Community Empowerment – Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) “ Street Town Hall” anjuran Daerah Petaling telah dilaksanakan pada 04 November 2017 bertempat di Restoran Nur Alif, PJCC Petaling Jaya. Program bermula jam 6.00 petang dan berakhir jam 12.00 malam. Seramai 100 orang telah menghadiri program ini dimana jemputan terdiri daripada rakan strategik dan rakan pintar AADK Daerah Petaling, Ahli-Ahli JKPD, AJK CCH, Ketua dan pemimpin masyarakat kawasan PDH, SKUAD AADK Daerah Petaling, Komuniti Setempat serta keluarga dan Orang Kena Pengawasan (OKP) AADK Daerah Petaling. Kehadiran tetamu dan VIP yang hadir pada program ini ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK Malaysia, Dato’ Hj.Izhar bin Abu Talib, Pengarah AADK Negeri Selangor, Tuan. Md Razif bin Wan, IKON PDH AADK Daerah Petaling iaitu Datuk Hj.Abdul Mutalif bin Hj Abdul Rahim, Penolong Pengarah Bahagian Pencegahan AADK Negeri Selangor, Pegawai dan Kakitangan AADK Daerah Petaling dan Pusat Integrasi Klien (PIK) Daerah Petaling.



## PROGRAM **SUKAN & RIADAH- JOM SIHAT..JOM FUTSAL**

Program Sukan & Riadah– Jom Sihat..Jom Futsal anjuran AADK Daerah Petaling dengan kerjasama CCH Desa Mentari, Persatuan Penduduk, KRT dan Komuniti Sungei Way Petaling Jaya telah dilaksanakan pada 26 November 2017 bertempat di Gelanggang Futsal Blok 2 Desa Mentari Petaling Jaya. Program bermula jam 8.00 pagi dan berakhir jam 6.00 petang. Seramai 7 Orang Kena Pengawasan (OKP) dan 12 orang kakitangan AADK Daerah Petaling. Program anjuran bersama ini dilaksanakan bersempena dengan perasmian gelanggang futsal Blok 2 Desa Mentari dan perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Hj. Yusuf bin HM Haniff, Koordinator DUN Seri Setia, Ketua UMNO Kelana Jaya. Turut menjayakan program adalah Penolong Pegawai AADK Petaling, En.Shahrilnizar bin Nordin selaku penceramah yang memberikan taklimat Perangi Dadah (PDH) mewakili AADK Daerah Petaling.



## MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL TAMAT LATIHAN KEMAHIRAN VOKASIONAL CCVC SEPANG

Majlis penyampaian Sijil Tamat Latihan Kemahiran Vokasional CCVC Sepang Sesi 1/2016 dan 2/2017 dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Abd. Halim bin Mohd Hussin, Ketua Pengarah AADK pada 16 Mei 2017 dan 7 Disember 2017. Pada tahun 2017, jumlah keseluruhan pelatih yang berjaya menamatkan latihan adalah seramai 198 orang.

Tujuan majlis ini diadakan untuk meraikan kejayaan pelatih-pelatih CCVC Sepang yang telah berjaya menamatkan kursus jangka panjang selama 6 bulan dalam 7 bidang iaitu pendawaian elektrik domestik, jahitan pakaian lelaki, kimpalan arka logam berperisai, juruteknik automotif, jurubina bangunan, penyediaan pastry dan atendan landskap serta maintenance.

CCVC Sepang menjalankan kerjasama dalam menyediakan latihan kemahiran kepada pelatih melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dalam memberi pertauliahian Sijil Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi bidang kimpalan arka logam berperisai, juruteknik automotif, jurubina bangunan, penyediaan pastry dan atendan landskap. Manakala dengan pihak GIATMARA dalam bidang pendawaian elektrik domestik dan jahitan pakaian lelaki.



# PENEMPATAN PEKERJAAN KEPADA **BEKAS-BEKAS PELATIH CCVC SEPANG YANG BERJAYA** MENAMATKAN KURSUS KEMAHIRAN

CCVC Sepang juga memperkenalkan program Pusat Pembangunan Kerjaya (Career Development Center - CDC) yang bermula pada 1 Mac 2016. Tujuan program ini adalah menyediakan peluang-peluang pekerjaan dalam membantu bekas-bekas pelatih CCVC Sepang yang berjaya menamatkan latihan kemahiran.

Pada 20 April 2017, program jom cari kerja juga telah dilaksanakan dengan melibatkan 15 syarikat/majikan kerjasama daripada JobsMalaysia, Kementerian Sumber Manusia. Program ini telah menawarkan sebanyak 93 peluang pekerjaan manakala pada program jom cari kerja yang kedua telah melibatkan 8 syarikat/majikan dengan menawarkan pekerjaan sebanyak 66 peluang pekerjaan.

Melalui program ini, dapat memberi peluang kedua kepada penagih yang telah pulih dan memberi bantuan dari sudut sokongan moral, emosi dan peluang-peluang pekerjaan. Sokongan dan bantuan ini akan dapat memberi semangat serta harapan untuk mereka memulakan kehidupan yang bebas daripada dadah.



# WILAYAH PERSEKUTUAN

## KEMPEN ANTIDADAH PADA **DIGITAL BILLBOARD SEKITAR KL**

Dalam usaha penjimatan kos bagi penyampaian mesej antidadah kepada warga ibu kota Kuala Lumpur, Agensi Antidadah Kebangsaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya telah berjaya mendapatkan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), apabila DBKL bersetuju untuk memberikan pengiklanan secara percuma kepada AADK WPKLP melalui papan iklan digital yang berada di sekitar Kuala Lumpur.

Dengan kerjasama yang diberikan oleh DBKL, kempen antidadah dapat dilihat di beberapa lokasi utama di Bandaraya Kuala Lumpur seperti di atas bumbung pusat membeli belah LOT 10 serta laluan masuk ke Menara Kuala Lumpur.



Papan tanda digital yang berada di laluan masuk ke Menara Kuala Lumpur yang memaparkan kempen antidadah.



Papan tanda digital yang berada di kawasan Bukit Bintang yang memaparkan kempen antidadah.

## OPERASI **BANTERAS** AKTIVITI HARAM (BAH)

Bandaraya Kuala Lumpur cukup terkenal dengan kehidupan sosial yang penuh warna warni. Hasil kerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), maka tercetuslah Ops BAH yang telah memasuki siri ke-41. Operasi yang menumpukan sasaran seperti kelab malam, pusat judi mahupun pusat hiburan yang menawarkan perkhidmatan yang dilarang dalam undang-undang Malaysia.

Ini dapat dibuktikan apabila Ops BAH ini melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan lain-lain lagi. Dalam memerangi isu penyalahgunaan dadah, AADK Wilayah Persekutuan mengambil kesempatan dalam kerjasama ini.

Hubungan erat di antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga AADK Wilayah Persekutuan telah membuahkan hasil apabila AADK WP telah menerima sumbangan sebanyak RM 30,000.00 daripada Yayasan Wilayah Persekutuan bagi kegunaan pembelian peralatan ujian saringan air kencing.



Ujian urin dibuat di sebuah pusat hiburan keluarga



Ujian urin dilaksanakan di sebuah kelab hiburan.



Taklimat Operasi yang disampaikan oleh Datuk Seri Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Wilayah



OYDS sedang mengisi borang permintaan ujian urin.

# OPERASI MENYELAMAT GELANDANGAN DI KUALA LUMPUR

Selepas 16 tahun, Malaysia sekali lagi terpilih untuk menjadi tuan rumah Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9, merupakan satu temasya yang besar bagi negara. Namun begitu, bagi memastikan bandaraya Kuala Lumpur yang akan menjadi tumpuan dunia, satu operasi bersepadu telah diadakan bagi menyelamatkan gelandangan yang berada di bandaraya ini.

Hasil bancian yang dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan, mendapati seramai 1,482 orang warganegara dan 253 bukan warganegara yang telah menjadi gelandangan di bandaraya Kuala Lumpur. Agensi Antidadah Kebangsaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut serta didalam operasi ini yang meliputi tiga fasa.

Operasi ini bagi memastikan tiada lagi gelandangan yang berkeliaran ketika temasya ini berlangsung. Sepanjang operasi dilakukan, seramai 45 orang telah ditahan kerana disyaki sebagai penagih dadah. Malah, seramai 322 orang telah dihantar untuk mengikuti kem pemantapan jati diri di Kuala Kubu Bharu.



Orang Kena Tahan (OKT) yang didapati positif ujian saringan urin



Pengarah AADK WPKL turut serta ketika operasi dijalankan

Orang Yang Di Syaki (OYDS) sebagai penagih dadah ketika proses pengesanan.

Ujian saringan urin sedang dilakukan



# “KEINDAHAN HIBURAN, MENINGGATKAN TUHAN” DALAM MALAM SIMFONI ISLAM

Bersesuaian dengan kempen Perangi Dadah Habis-habisan iaitu menggerakkan komuniti dalam bersama menangani isu penyalahgunaan dadah, Kelab Rukun Tetangga (KRT) PPR Pantai Ria telah mengusulkan satu program bersama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (AADK WPKLP) iaitu malam simfoni Islam berkonsepkan “Keindahan Hiburan, Mengingatnkan Tuhan”.

Program yang berunsurkan hiburan dan berpaksikan Islam ini telah dipenuhi dengan pengisian seperti persembahan buskers, persembahan solo oleh, bacaan sajak serta qasidah oleh klien AADK WPKLP. Program ini dapat mendekatkan lagi masyarakat dengan klien AADK yang masih didalam proses pemulihan.



Persembahan qasidah yang diketuai oleh Ustaz Omar bersama-sama klien AADK WPKLP



Penduduk yang turut hadir ketika program berlangsung



Persembahan buskers yang dijemput daripada Malaysian Buskers Club (MYBC)



Tetamu VIP iaitu Hj. Mohd Sani yang merupakan Pengerusi KRT PPR Pantai Ria

## BEKERJA SAMBIL BELAJAR BUAT **PUSAT INTEGRASI KLIEN (PIK) MALURI**

Pekerjaan merupakan antara salah satu elemen yang penting buat klien dalam menjalani proses pemulihan. Hasil inisiatif AADK Daerah Cheras untuk bertemu YB Timbalan Menteri Belia & Sukan, syarikat di bawah kelolaan YB Datuk Saravanan yang mengusahakan Pusat Latihan Pertanian Taman Maluri telah bersetuju untuk mengambil enam orang klien daripada PIK Maluri untuk bekerja bersama syarikat beliau.

Penerangan telah diberikan mengenai status klien PIK dan juga kebolehan yang mereka ada. YB Datuk Saravanan juga menyatakan pusat latihan ini lebih tertumpu kepada belia dalam memberikan sedikit ilmu berkenaan pertanian.



Klien PIK sedang membuat batas untuk tanaman sayur



Klien PIK sedang bekerja di kebun bagi penanaman cili



Ketua AADK Daerah Cheras sedang memberikan taklimat mengenai klien PIK Maluri kepada Timbalan Menteri Belia & Sukan



Penerangan diberikan oleh wakil projek tanaman Agro.

# JABATAN PERUMAHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL) BERSAMA DALAM **MENGGERAKKAN COMMUNITY EMPOWERMENT.**

Demi menyahut kempen Perangi Dadah Habis-habisan, Jabatan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan kempen berkenaan masalah sosial di Perumahan Awam (PA) Desa Rejang di bawah program *Community Empowerment*. DBKL telah melekatkan iklan-iklan di semua lif yang berada di PA Desa Rejang. Bersesuaian dengan kawasannya, PA Desa Rejang merupakan salah satu kawasan berisiko tinggi bagi AADK Daerah Sentul.



Kempen gejala sosial yang ditampal di lif PA Desa Rejang

## MAJLIS REUNION – TAUTAN KASIH 2017

---

Majlis Reunion – Tautan Kasih yang diadakan pada 10 Mei 2017 bertempat di perkarangan Dewan Mustika, Klinik Cure&Care 1Malaysia Sungai Besi merupakan satu program bagi meraikan kepulihan bekas-bekas klien Klinik Cure&Care 1Malaysia Sungai Besi (C&C Sungai Besi) atau dahulunya dikenali sebagai PERSADA (Pemulihan Rakan Sekelompok Amalan Daya Juang Abadi) serta mengeratkan semula hubungan di antara kakitangan dan bekas klien. Ia juga menjadi medium Sambutan ke-17 Tahun Pelaksanaan Amalan Therapeutic Community (TC) yang menjadi medium utama proses pemulihan klien semenjak diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1999. Seramai 300 tetamu terdiri daripada bekas klien PERSADA dan C&C Sungai Besi, ahli kumpulan sokong bantu “Kami Wanita Cekal”, pelajar SPADA USIM serta tetamu jemputan yang lain hadir bagi menjayakan program ini.

Program ini merupakan inisiatif Klinik Cure&Care 1Malaysia Sungai Besi bagi menghargai pencapaian pemulihan bekas klien seterusnya mewujudkan ruang perkongsian pengalaman kepulihan bekas klien dan klien in-patient. Di kesempatan pelaksanaan majlis ini, pihak C&C Sungai Besi dengan kerjasama Dr. Farhana Sabri (Universiti Sains Islam Malaysia) telah menghasilkan buku Sinar Kejayaan PERSADA Edisi 2 Self-Help Bibliotherapy: Kejayaan Rawatan dan Pemulihan Terapi Komuniti di PUSPEN Sg. Besi. Buku ini menghimpunkan kisah kejayaan dan pengalaman kepulihan bekas klien yang telah menjalani pemulihan di C&C Sungai Besi. Pra-pelancaran buku ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Dr. Abdul Halim Bin Hussin, Ketua Pengarah AADK. YBhg. Dato’ Ketua Pengarah juga bersama YBhg. Dato’ Izhar bin Abu Talib berbesar hati menyampaikan sijil penyertaan dan galakan kepulihan kepada kesemua bekas klien yang hadir pada majlis ini. Usaha bagi menjejaki bekas klien yang berjaya mengekalkan kepulihan ini bermula dari Disember 2016 dengan menggunakan kaedah sosial media (Facebook, Whatsapp), jejakan waris dan hebahan mulut ke mulut.

Pihak C&C Sungai Besi juga telah mewujudkan satu kumpulan sokong bantu iaitu kumpulan “Kami Wanita Cekal” yang terdiri daripada isteri-isteri bekas klien PERSADA yang berjaya mengekalkan kepulihan sehingga ke hari ini. Inisiatif pewujudan kumpulan ini adalah untuk menyediakan platform perkongsian dan sokong bantu kepada Co-Dependence yang terlibat dalam kepulihan klien. Ini adalah hasil daripada sesi Co-Dependence Retreat yang diadakan pada Disember 2016 di Hulu Langat, Selangor. Sijil Penghargaan turut disampaikan oleh YBhg. Dato’ Dr. Ketua Pengarah dalam mengiktiraf dan menghargai komitmen mereka dalam membantu kepulihan klien semasa majlis ini. Di kesempatan ini juga, dengan kerjasama dari pasukan Dr. Farhana Sabri, menemubual ahli kumpulan ini bagi mengumpulkan kisah pengorbanan dan sokongan mereka untuk dibukukan menjadi kisah aspirasi bagi co-dependence lain di luar sana. Satu pencapaian dapat dilihat dengan mengetengahkan salah seorang ahli kumpulan “Kami Wanita Cekal”, Alin dalam siaran radio Nasional.fm pada 21 November 2017 bertajuk “Cinta...” bagi berkongsi dengan pendengar kisah beliau dalam bersama-sama menyokong kepulihan suami agar terus bebas dari belenggu dadah.

Majlis ini juga telah menjadi tapak pertemuan dan penubuhan Persatuan Alumni PERSADA dan Klinik Cure&Care 1Malaysia Sungai Besi dengan harapan penubuhan persatuan ini dapat membantu menyokong kepulihan bekas klien, memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat berkenaan pemulihan dadah serta mewujudkan imej positif bagi kepulihan bekas klien. Dengan usaha dan sokongan pelbagai pihak, persatuan ini berjaya didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada tarikh 15 November 2017 dengan nama, Persatuan Kebajikan Alumni PERSADA Sg. Besi.

Terdapat lebih dari 10 organisasi, NGO dan orang perseorangan yang memberi sokongan melalui tajaan makanan, sumbangan tenaga dan wang ringgit bagi menjayakan program ini seperti McDonalds, Tesco Store, KK Supermart, Jabi Rice Mill Sdn. Bhd, F&N Beverages, Fazz Kerepek Enterprise, Yayasan SALAM dan ALUMNI PERSADA.

Gerai jualan yang menjual pelbagai makanan, minuman, pakaian dan aksesori telah dibuka sepanjang majlis ini. Pihak Baitulmal juga telah berbesar hati menyediakan trak informasi bagi bekas klien mendapatkan maklumat bantuan yang diperlukan.



Pra Pelancaran Buku "Self-Help Bibliotherapy Keajaiban PERSADA"



Penyerahan Sijil Penghargaan kepada ahli kumpulan sokong bantu "Kami Wanita Cekat"



Gambar kenangan tetamu VIP bersama bekas klien



YBhg. Dato' Dr Ketua Pengarah bersama kakitangan dan klien



YBhg. Dato' Dr Ketua Pengarah beramah mesra bersama kakitangan dan klien



YBhg. Dato' Dr Ketua Pengarah melawat ke gerai jualan

# LAWATAN DELEGASI SINGAPURA KE KLINIK CURE & CARE 1MALAYSIA SUNGAI BESI

Hubungan Kerajaan Singapura dan Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi telah terjalin sekian lama dengan beberapa siri lawatan menteri-menteri kanan Singapura. Terkini, pada 05 Disember 2017, Delegasi Singapura yang diketuai oleh Mrs. Josephine Teo, Singapore Minister In Prime Minister's Office (PMO) And Second Minister For Manpower And Home Affairs dan 10 orang pegawai hadir melihat program pemulihan yang diadakan disini terutamanya kepada klien wanita. Sesi penerangan dan perkongsian pengalaman klien dan bekas klien wanita yang hadir membuka satu pandangan dan lembaran baru dalam program pemulihan dadah.

Selain itu, Senior Minister Of State Republic Of Singapore, Mr. H.E Desmond Lee juga telah mengadakan lawatan kerja pada 05 Oktober 2016 bersama 10 orang pegawai dan pada 03 Disember 2013, Masgos Zulkifli Masagos Mohamed, Menteri Negara Kanan Singapura berserta 10 pegawai.

Hasil hubungan kerjasama yang baik ini, Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi juga menjadi salah satu lokasi julung kali penganjuran JOINT-TRAINING ON ADDICTION PSYCHOLOGY & COUNSELING yang diadakan pada 14 – 17 Ogos 2017. Slot site-visit (sesi perkongsian pengalaman di antara peserta dank lien) dan Majlis Penutup telah diadakan di sini.

Gambar sekitar Joint Training On Addiction Psychology & Counseling





Gambar sekitar Lawatan Menteri Singapura, Mr. Desmond Lee

Gambar sekitar Lawatan Minister In Prime Minister's Office, Mrs. Josephine Teo



# FAMILY ASSOCIATION (FA) DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2017

Pada 14 Julai 2017, Family Association dan Majlis Hari Raya Aidilfitri 2017 telah diadakan di perkarangan Dewan Mustika Klinik C&C Sungai Besi. Dengan kehadiran seramai 270 orang dari kalangan tetamu VIP iaitu Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan, Puan Datu Jabidah Bt Monseri, Pengarah Dasar, Perancangan & Penyelidikan, Pengarah Penguatkuasaan dan Keselamatan, Pengarah-Pengarah Negeri berdekatan seperti Pengarah Selangor, Pengarah Wilayah, NGO-NGO seperti PENGASIH yang dihadiri sendiri oleh Dato' Yunus Pathi, D.I.C, Yayasan Salam, IKHLAS, dan PRSM, tetamu-tetamu komuniti terdiri daripada Lembaga Pelawat, Ketua Balai Polis Salak Selatan, Ketua Balai Bomba Cheras, Ketua Imam masjid AL-Syakirin, CCH, Doktor Pakar PSY dari Hospital Kuala Lumpur dan KPRT terdekat tidak lupa juga keluarga klien dan bekas klien.

Pengarah Klinik Cure & Care Sungai Besi, Puan Haslinda Binti Jamaludin dalam ucapan beliau menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang hadir terutamanya ahli keluarga klien kerana sokongan dari keluarga dan komuniti amat penting dalam kepulihan klien dan seterusnya mengubah perspektif masyarakat terhadap bekas penagih ke arah yang positif bagi memberi keyakinan kepada mereka untuk kekal pulih untuk selamanya. Majlis ditamatkan dengan pengumuman Gerai Tercantik pada majlis tersebut yang dimenangi oleh Gerai Pembimbing Rakan Sebaya (PRS).



# PERSEMBAHAN PENTOMEN SEMPERNA **HARI TERBUKA KEMENTERIAN DALAM NEGERI 2017**

Pada 25 Mac 2017, YAB Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan sambutan Hari Terbuka Kementerian Dalam Negeri 2017 yang diadakan di perkarangan Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) Ayer Keroh Melaka. Bersempena dengan majlis ini, pihak Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi, Kuala Lumpur telah diberi kesempatan mempersembahkan pentomen mengisahkan pancaroba dan cabaran seorang penagih dadah dalam mendapatkan pemulihan bagi membebaskan dirinya dan keluarga dari belunggu dadah. Kisah ini digarap sepenuhnya oleh Pembimbing Rakan Sebaya dan klien hasil perbincangan bersama. Seramai 14 orang klien dan 8 orang kakitangan yang terlibat dalam persembahan pentomen tersebut sempena Hari Terbuka kementerian Dalam Negeri 2017. Persembahan yang diadakan ini berjaya meninggalkan kesan kepada pengunjung yang hadir menyaksikan pentomen ini.



## PROGRAM PERMUKIMAN YAB MENTERI BESAR PERAK DI DAERAH-DAERAH NEGERI PERAK

Program Permukiman YAB Menteri Besar Perak merupakan program anjuran Kerajaan Negeri Perak yang berlangsung selama lima hari bermula pada hari Selasa hingga Sabtu dan melibatkan kerjasama YB EXCO-EXCO Kerajaan Negeri dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan di negeri Perak merangkumi program-program yang dijalankan bersama rakyat dengan meneruskan pendekatan 3P (Padang – Perasaan – Penyelesaian). Bermula tahun 2016 hingga 2017 sebanyak tiga belas (13) program permukiman telah diadakan yang melibatkan hampir semua daerah di negeri Perak termasuk dua (2) daerah baharu di Perak iaitu Muallim dan Bagan Datuk.

Program Permukiman YAB Menteri Besar berkonsepkan program-program bersifat people's centric & NBOS, program bersepadu politik dan kerajaan, penawaran penyelesaian kepada permasalahan atau isu yang dihadapi oleh rakyat dan program secara bersepadu semua portfolio EXCO dan pentadbiran kerajaan negeri termasuk jabatan serta agensi berkaitan. Kumpulan Sasar program permukiman ini termasuklah rakyat (masyarakat awam) setempat, pemimpin tempatan, pentadbiran kerajaan, Jabatan / Agensi dan NGO.

Program Permukiman YAB Menteri Besar Perak ini dijalankan berdasarkan kepada Tujuh (7) Teras Permukiman. Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Perak tidak terkecuali terlibat secara langsung di dalam program permukiman ini di bawah Teras Keselamatan di bawah EXCO Dato' Hj. Samsudin Bin Abu Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna, Sumber Manusia dan Masyarakat Sivil. Program permukiman ini juga sepenuhnya menggunakan peruntukan dari Kerajaan Negeri Perak yang disalurkan melalui YB EXCO Dato' Hj. Samsudin Bin Abu Hassan. Program permukiman juga merupakan KPI yang diluar perancangan AADK Negeri Perak sendiri dan merupakan program tambahan dan kerjasama antara AADK dan kerajaan Negeri Perak.

Sepanjang program permukiman ini AADK berkesempatan menjalankan program bersama OKP dan keluarga disetiap daerah dengan disantuni sendiri oleh YAB Menteri Besar Perak dan YB Dato' EXCO sendiri yang turut sama hadir dalam sub program anjuran AADK termasuk hadir ke rumah-rumah OKP dan keluarga mereka. Program permukiman ini juga turut mendapat kerjasama jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan lain dalam membantu AADK menjalankan sub program seperti pembersihan kawasan penagihan dan lain-lain. Antara impak program ini ialah masalah kumpulan sasar AADK dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan pegawai dan kakitangan AADK sendiri turut merasai dan memahami permasalahan kumpulan sasar secara lebih dekat. Impak lain termasuklah kumpulan sasar yang dapat bertemu secara langsung dengan pegawai dan kakitangan AADK yang menawarkan penyelesaian kepada permasalahan mereka. Akhir sekali AADK Negeri Perak berasa sangat berbangga kerana turut sama terlibat secara langsung dalam Program Permukiman YAB Menteri Besar Perak dalam usaha kerajaan negeri membasmi dadah dan merupakan langkah proaktif dalam membantu kumpulan sasar dalam penyelesaian permasalahan dadah.



# MAJLIS MENANDATANGANI NOTA PERSEFAHAMAN (NOU) DI ANTARA CURE & CARE REHABILITATION CENTRE (CCRC) PERLOP & AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA, **(APBM) BATU GAJAH, PERAK**

Pada 12 Oktober 2017 telah berlangsung Program Jom Niaga dengan pengisian 2 slot ceramah bersama Tn Ahmad Yusuf b Che Rus. (Mantan Pengarah APBM) bagi sesi pagi. Manakala pada sesi petang pula telah berlangsung NOU antara pihak APBM Batu Gajah dan CCRC Sungai Siput (U) Perak.

Majlis Menandatangani Nota Persefahaman (NOU) Di Antara Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) Perlop & Akademi Pembangunan Belia Malaysia, Batu Gajah, Perak telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia, Pn Puziah bt Mahiddin Pengarah, Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM), Batu Gajah, Perak.

Menyedari kepentingan dan faedah serta kebaikan daripada usahasama ini, Akademi Pembangunan Belia Malaysia Batu Gajah, Perak dan CCRC Sungai Siput (U) Perak bersetuju menjalinkan kolaboratif seperti berikut :

- Melaksanakan program jaringan perniagaan dan pembangunan usahawan.
- Berkongsi kepakaran perunding dan latihan dalam bidang keusahawanan.
- Mempromosi bidang keusahawanan kepada pelatih khususnya golongan belia.
- Membantu dari aspek mengupayakan peluang-peluang keusahawanan apabila telah pulih secara sepenuhnya.

Hasil daripada usahasama bersama APBM ini, klien dapat memperolehi ilmu hasil daripada kursus dan latihan yang diberi. Manakala pihak APBM pula memperolehi peserta untuk kursus yang ditawarkan dengan menyediakan latihan yang sesuai.

Kursus yang diperolehi daripada APBM tersebut membolehkan klien tersebut berdikari dan memulakan kehidupan baru yang lebih dekat dengan masyarakat.

'NOU' yang dilakukan membolehkan berlakunya perpindahan kepakaran dengan ramai dan baik dan semestinya pihak CCRC memerlukan klien yang berkemahiran agar klien tersebut dapat menggunakan kemahiran dan kepandaian tersebut untuk dirinya dan masyarakat ke arah kebaikan.



# PROGRAM ASSOCIATION

Program Association (keluarga) yang dilaksanakan di setiap CCRC sekurang-kurangnya setahun sekali dilaksanakan pada 29 september 2017. Program ini, merupakan satu program yang melibatkan semua keluarga klien yang dijemput untuk bersama-sama dengan ahli keluarga mereka yang berada di CCRC sedang menjalani rawatan dan pemulihan. Dengan kehadiran keluarga klien, diharap dapat membantu dari segi kepulihan klien disamping memberi sokongan moral agar mereka terus kekal pulih.

## **Program Keluarga (FA) ini, adalah untuk;**

Memberi maklumat yang tepat mengenai penagihan, kepulihan dan rawatan ke atas masalah penagihan di kalangan ahli keluarga. Disini keluarga tersebut boleh mendapatkan maklumat sebenar berhubung rawatan dan pemulihan yang dijalankan di CCRC daripada pegawai dengan tepat.

Program ini juga dapat membantu keluarga mempelajari kemahiran intervensi dalam ibu-bapa dan keluarga. Keluarga akan diajar dan diterangkan oleh penceramah jemputan dalam membantu dan mengawal klien agar tidak terjebak kembali dalam kancah penagihan apabila telah dikeluarkan dari Pusat Rawatan & Pemulihan ini.

Program ini, mengharap dapat memperkasakan peranan setiap ahli keluarga untuk bersama-sama menangani masalah penagihan dadah ini dalam kalangan anggota keluarga dan masyarakat.

Program keluarga ini melibatkan keluarga klien yang hadir seramai 35 buah keluarga dan kehadiran semua ahli keluarga adalah lebih kurang 180 orang ahli keluarga yang hadir dan melibatkan 35 orang klien.

Kebanyakan keluarga yang hadir adalah sekitar Negeri Kedah termasuk Langkawi, Pulau Pinang dan juga Negeri Perak.

## **Pengisian Program**

Program telah dilaksanakan dalam masa setengah hari. Program di isi dengan sesi “Siapa Cepat Dia Dapat” dimana dalam sesi ini ahli keluarga yang datang awal akan diberikan saguhati, namun akan diajukan terlebih dahulu soalan berbentuk kuiz bagi menceriaikan suasana.

Sesi perkongsian pengalaman, seorang bekas penagih yang telah berjaya dijemput untuk mengisi sesi LDK. Beliau telah berjaya menarik perhatian ahli keluarga serta klien sepanjang sesi tersebut berlangsung. Beliau telah berkongsi pahit manis di dalam mempertahankan kepulihan diri selama 25 tahun. Beliau sebelum ini merupakan seorang yang aktif dalam Persatuan PENGASIH Negeri Perak.

Kemuncak program adalah sesi makan tengah hari keluarga bersama ahli keluarga masing-masing di khemah yang disediakan. Makanan tersebut dibawa sendiri oleh keluarga klien dan ianya amat meriah seperti sambutan Hari Raya Aidilfitri.

## **IMPAK**

Program ini telah meninggalkan kesan mendalam di hati peserta yang terdiri daripada keluarga dan juga klien sendiri, dimana mereka mengharapkan supaya klien yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat ini mendapat kesedaran dan pengajaran daripada perkongsian pengalaman bersama dengan bekas penagih dadah yang telah berjaya yang dijemput khas untuk mengisi slot sepanjang program ini.



# KEDAH

## KEM SHIELDS PERDANA **PERINGKAT KEBANGSAAN 2017**

Menteri Pendidikan, YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid telah merasmikan Kem Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) Perdana Peringkat Kebangsaan 2017 pada 13 Mei 2017 jam 11.00 pagi bertempat di Dewan Badlishah, Kolej MARA, Kuala Nerang, Kedah.

Kem yang telah berlangsung selama 4 hari 3 malam pada 11-14 Mei 2017 di Kolej MARA Kuala Nerang ini melibatkan seramai 408 peserta dari seluruh semenanjung Malaysia. Objektif kem ini antaranya adalah meningkatkan kesedaran serta pengetahuan mengenai bahaya dadah dan kesannya memupuk sikap dan amalan yang baik serta mengamalkan gaya hidup sihat dan memperkasakan keupayaan dan komitmen sekolah dan keluarga dalam membimbing pelajar mereka mengatasi masalah berkaitan dadah.

Kem anjuran Agensi Antidadah Kebangsaan ini mendapat kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, PDRM, Lembaga Kaunselor Negeri Kedah, Jabatan Penerangan Negeri Kedah, Jabatan Penyiaran Negeri Kedah, Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah, Jabatan Pertahanan Awam Negeri Kedah, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dan pengamal media massa dan media cetak.



## PROGRAM **CERIA INTERGRASI 2017**

Pada 22.11.2017 telah diadakan Program Ceria Intergrasi 2017 yang telah dianjurkan oleh Unit Sosial CCRC Serdang bertempat di Lata Tebing Tinggi Selama, Kedah. Program tersebut diadakan sebagai alternatif dan ganjaran kepada penghuni yang berada dalam fasa terakhir kepulihan mereka di institusi. Program ini juga dijalankan bagi memberi peluang kepada penghuni untuk melalui pemulihan dengan kaedah dan suasana riadah yang santai tanpa tekanan dalam lingkungan luar institusi. Ahli Lembaga Pelawat CCRC Serdang juga turut turun padang untuk menjayakan program tersebut dan bersama-sama memberikan sokongan kepada penghuni.



## PROGRAM **INTERGRASI UKHWAH ASYURA 2017**

Pada 05.10.2017 telah diadakan Program Intergrasi Ukhwah Asyura 2017 yang telah dianjurkan oleh Unit Sosial CCRC Serdang bertempat di Dataran Pentadbiran CCRC Serdang, Kedah. Program tersebut diadakan sebagai alternatif untuk meningkatkan kepulihan dan melatih penghuni untuk menjalani kehidupan harian yang lebih bermakna dan ceria. Program ini juga dijalankan bagi membantu penghuni menikmati kehidupan yang lebih baik dan sempurna sebagaimana yang dilalui oleh masyarakat bebas dadah dalam komuniti. Ahli Lembaga Pelawat CCRC Serdang juga turut turun padang untuk menjayakan program tersebut dan bersama-sama memberikan sokongan kepada penghuni.



## PROGRAM **“SEGUNUNG IMPIAN SEJUTA HARAPAN”**

Pada 02.07.2017 telah diadakan Program Segunung Impian Sejuta Harapan (Family Association) yang telah dianjurkan oleh Unit Rawatan dan Pemulihan CCRC Serdang bertempat di Dataran Pentadbiran CCRC Serdang, Kedah. Program tersebut diadakan untuk mengeratkan lagi silaturahim serta mewujudkan hubungan yang baik antara pihak pengurusan CCRC Serdang dengan ahli keluarga penghuni disamping memberikan maklumat bagaimana peranan keluarga untuk membantu penghuni dalam menghadapi cabaran dan mengekalkan kepulihan diri setelah dibebaskan kelak. Program ini juga dijalankan sebagai salah satu usaha ke arah pembinaan hubungan kekeluargaan yang secara tidak langsung dapat memotivasikan dan meningkatkan semangat penghuni untuk mencapai kepulihan.



# MAJLIS PELANCARAN PROGRAM **KERJASAMA LATIHAN KEMAHIRAN VOKASIONAL KEMENTERIAN BELIA & SUKAN (KBS) DAN AADK**

Program ini telah diadakan pada 15.11.2017 bertempat di Dataran Keinsafan C&C Karangan dengan melibatkan penyertaan seramai 109 orang klien CCRC dan C&C yang telah tamat mengikuti tiga (30 siri Kursus Kimpalan, Penyelenggaraan Penghawa Dingin Kereta, Penyelenggaraan Penghawa Dingin (Split) yang dianjurkan oleh Intitut Kemahiran Belia Tinggi Negara (IKTBN) Bukit Mertajam dan dua (2) siri Kursus Teknologi Baik Motosikal bersama Giatmara. Pelbagai pengisian telah diadakan sepanjang program ini khususnya penyampaian sijil tamat kursus kepada klien-klien serta kakitangan KBS dan C&C Karangan yang terlibat secara langsung sebagai tenaga pengajar. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Puan Haslina Binti Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha KBS (Strategik). Turut hadir adalah Ketua Pengarah AADK, Pegawai-pegawai Kanan KBS, Pegawai-pegawai Kanan AADK Ibu Pejabat dan juga Giatmara. Para waris juga turut dijemput bagi meraikan kejayaan klien-klien (anak-anak) yang berjaya menamatkan kursus anjuran IKTBN tersebut.



## LAWATAN YB EXCO KERAJAAN NEGERI KEDAH DAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI **PERINGKAT KLINIK C&C 1MALAYSIA KARANGAN**

Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat C&C Karangan telah diadakan pada 13.7.2017 di mana semua pegawai dan kakitangan telah terlibat secara langsung sepanjang majlis berlangsung. Selain tersedia juadah-juadah istimewa, majlis ini diserikan juga dengan lawatan daripada YB Dato' Dr Leong Yong Kong, Exco Kerajaan Negeri Kedah (Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Hal Ehwal Masyarakat Cina, India dan Siam, Kesihatan dan Perpaduan), Pengerusi Lembaga Pelawat serta lain-lain jemputan. Lawatan YB Dato' Dr Leong Yong Kong adalah atas usahasama pihak Lembaga Pelawat CCRC Karangan. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi gambaran sebenar kepada YB Exco tentang program-program serta aktiviti Rawatan dan Pemulihan yang dilaksana serta perlu diikuti oleh semua klien sepanjang menjalani proses kepulihan di sini. Selain itu, melalui sesi lawatan ini juga YB Exco secara kasar dapat meninjau persekitaran institusi pemulihan ini serta prasarana yang tersedia.

Di samping menjamu selera, para tetamu diserikan juga dengan persembahan nyanyian lagu-lagu raya oleh pegawai dan kakitangan serta turut diadakan ialah pertandingan Gerai Tercantik. Tujuan program diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di samping mensyukuri nikmat Allah.



# LAWATAN ROMBONGAN **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)**

Program ini telah berlangsung pada 8.5.2017 yang bertujuan untuk menjalinkan kerjasama antara Kementerian Belia Dan Sukan dengan AADK khususnya C&C Karangan berhubung bidang-bidang kemahiran yang bersesuaian yang boleh dilaksanakan kepada klien-klien remaja oleh institusi-institusi kemahiran di bawah KBS seperti Kursus Kimpalan, Kursus Penyelenggaraan Penghawa Dingin Kereta dan Kursus Penyelenggaraan Penghawa Dingin (Split). Mesyuarat ini telah disertai oleh beberapa pegawai atasan KBS iaitu di antaranya ialah YBhg. Puan Haslina Binti Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), pegawai-pegawai kanan Ibu Pejabat AADK, pegawai dari Institut Kemahiran Tinggi Belia Tinggi Negara (IKTBN) Bukit Mertajam dan juga pegawai-pegawai C&C 1Malaysia Karangan. Selain mesyuarat, para peserta juga dibawa melawat ke lokasi-lokasi berkaitan bagi mendapat maklumat yang lebih jelas tentang pelaksanaan program R&P yang dilaksanakan kepada klien-klien CCRC dan C&C Karangan.



# PULAU PINANG

## PROGRAM **ANTIDRUGS COMMUNITY FUN RUN** **SEMPENA SAMBUTAN HARI ANTI DADAH** **KEBANGSAAN PERINGKAT ZON UTARA 2017**

Pada 25 Mac 2017, YB Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican, Timbalan Menteri Luar Negeri merangkap Ahli Parlimen Kepala Batas telah merasmikan Program Antidrugs Community Fun Run Sempena Hari Anti Dadah Kebangsaan Peringkat Zon Utara 2017 yang diadakan di Vision Park Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang. Hampir 4000 orang pengunjung hadir bagi memeriahkan program tersebut. Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kepala Batas turut menyumbang t-shirt sebanyak 3000 helai kepada peserta larian disamping tajaan dari pelbagai syarikat korporat bagi hadiah cabutan bertuah. Pelbagai aktiviti yang diadakan antaranya senamrobik, larian, cabutan bertuah, pameran dari pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta serta pelbagai gerai jualan turut diadakan. Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan kali ini bertemakan "Pencegahan Dadah Bermula Dari Rumah".



# ISLAMIC **COMMUNITY PROGRAM APPROACH (ICA)**

Aspek spiritual merupakan elemen penting yang perlu diterapkan dalam kerangka rawatan dan pemulihan dadah kerana kebanyakan masalah yang dihadapi oleh klien berpunca daripada spiritual (hati). Oleh itu aspek spiritual tidak boleh diabaikan semasa membantu klien mengatasi masalah dalam kehidupan mereka. Menyedari kepentingan ini, AADK Pulau Pinang telah mendepani cabaran tersebut dengan menggalakkan kesatupaduan daripada seluruh komuniti bagi membantu usaha melaksanakan kepulihan klien melalui pendekatan Islamic Community Approach (ICA).

Melalui pendekatan ini, aspek mujahadatul al-nafs (berjihad melawan hawa nafsu), riyadatul al-nafs (latihan jiwa) dan tazkiyatul al-nafs (penyucian jiwa) adalah menjadi keutamaan matlamat kepulihan klien dapat dicapai. Pendekatan ini telah dilaksanakan sebanyak lima (5) siri yang melibatkan AADK Daerah Seberang Perai Selatan, AADK Daerah Seberang Perai Utara, dan AADK Daerah Barat Daya Pulau Pinang. Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Pulau Pinang, JKPD, SKUAD AADK, AJK CCH dan Pejabat Timbalan Menteri Kesihatan adalah antara rakan strategik dan pintar yang sama-sama terlibat serta telah mendapat peruntukan daripada pejabat Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.

Seberang program diadakan di Madrasah-Madrasah dan Pondok-Pondok pengajian Islam serta di rumah-rumah OKP. Pengisian program seperti bacaan yasin, tahlil dan doa selamat serta zikir munajat, tazkirah ringkas, solat taubat adalah santapan utama kepada OKP. Program yang dijalankan di rumah OKP adalah dalam kumpulan yang kecil iaitu antara 10 hingga 15 orang OKP. Daripada testimoni yang dibuat, kebanyakan OKP dan keluarga amat menghargai dan bersyukur menggunakan pendekatan ini, terutamanya pelaksanaan program dijalankan di rumah-rumah OKP dan perlu diperluaskan di seluruh Pulau Pinang serta dapat dilaksanakan dengan lebih berkala.



Program ICA Di Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, Sg. Bakap



Program ICA Bersama Keluarga Okp Di Balik Pulau Dan Teluk Bahang



Program ICA Bersama Keluarga Okp Di Sg. Ara, Bayan Lepas

Program ICA Madrasah Adda'wah Al-Islamiyyah, Tasek Gelugor

# TMDN SERTAI **OPS BERSEPADU ( OPS GONCANG 2 )** **AADK PULAU PINANG**

Ops Bersepadu (Goncang 2) dijalankan untuk membasmi aktiviti penagihan dadah dengan melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan dan mensasarkan kawasan tumpuan pusat hiburan di Pulau Pinang.

Operasi dijalankan pada 08 April 2017 di sebuah pusat hiburan di Georgetown, Pulau Pinang telah menahan seramai 262 pengunjung untuk diperiksa dan lebih dari separuh adalah remaja bawah umur.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed turut serta hadir dalam operasi tersebut yang bermula jam 10.30 malam di sebuah pusat hiburan yang menjadi tumpuan para remaja bawah umur. Dalam premis tersebut, beliau tidak menolak kemungkinan ada pihak yang mengasaskan pengunjung remaja di bawah umur sebagai pengguna barang salah (dadah jenis Eramin-5). Dalam pada itu juga, beliau menegaskan bahawa lesen yang diberikan kepada premis tersebut adalah dengan bersyarat. "Lesen yang diberikan kepada pemilik kelab malam pada malam ini adalah dengan bersyarat, bermakna mereka tidak boleh melepaskan orang yang bawah umur untuk masuk ke dalam premis ini, tapi malam ini saya sendiri melihat daripada 262 orang yang telah ditahan pada malam ini lebih dari separuh adalah merupakan mereka yang dibawah umur," katanya. Oleh itu, beliau menggesa pihak berkuasa tempatan untuk mengkaji semula lesen yang telah diberikan dan mengambil tindakan selanjutnya.

Selain dari itu, pihak berkuasa juga akan meneliti tentang kemasukan barang-barang terlarang ke premis pusat hiburan untuk membasmi aktiviti penyalahgunaan dadah merbahaya dikalangan pengunjung pusat hiburan.

Operasi berakhir jam 07.00 pagi dan seramai 42 individu didapati positif saringan ujian dadah dalam air kencing dan 5 individu adalah dibawah umur 21 tahun.



## CCRC **KAMPUNG SELAMAT TASEK GELUGOR** **SEBERANG PERAI UTARA**

16 November 2017, suatu lawatan kerja telah diadakan oleh YBhg. Dato' Dr. Abd. Halim bin Mohd Hussin, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan ke Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) Kampung Selamat. Dalam lawatan kerja ini YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah telah membuat tinjauan khususnya pelaksanaan projek cendawan tiram kelabu. Projek ini merupakan suatu projek di bawah inisiatif National Blue Ocean Strategy (NBOS) yang telah memperuntukkan sebanyak RM49,876.00 bagi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan serta perolehan bahan mentah untuk menghasilkan 20,000 bongkah cendawan. Sesungguhnya projek ini akan memberi latihan kemahiran vokasional kepada klien sebagai asas persediaan untuk bekerja setelah menamatkan program pemulihan di institusi ini.



# PERLIS

## SEMINAR HINDARI DADAH DAN KESEDARAN HIV/AIDS/STD TAHUN 2017

Seminar Hindari Dadah dan Kesedaran HIV/AIDS/STD yang dirasmikan oleh Dr. Farehah binti Othman, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Bahagian Pergigian) telah diadakan pada 17 Ogos 2017 bertempat di Auditorium Syed Mahmood, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis. Program yang dianjurkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Perlis ini dihadiri oleh ahli JKPD Daerah Utara dan Daerah Selatan, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), Klien Pusat Integrasi Klien (PIK), JKKK di kawasan Perangi Dadah Habis-habisan (PDH), Ahli Rumah Lambaian Kasih serta kakitangan AADK Negeri Perlis.

Seminar Hindari Dadah Dan Kesedaran HIV / AIDS / STD tahun 2017 ini adalah merupakan program AADK Perlis dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Perlis. Ia adalah antara aktiviti Pelan Tindakan Agensi Kerajaan Dalam Pelan Strategik Kebangsaan HIV / AIDS 2016-2030. Kerjasama antara AADK dan Jabatan Kesihatan ini adalah sebahagian dari National Blue Ocean Strategy (NBOS) yang memberi faedah dan manfaat kepada kedua-dua jabatan.

Strategi utama untuk membendung gejala ini ialah dengan mencegah penularan HIV/AIDS terutamanya dikalangan remaja dan juga masyarakat memandangkan penyumbang peratusan HIV/AIDS adalah dikalangan OKP sendiri. Maklumat dan ilmu pencegahan awal yang disampaikan melalui program yang dilaksanakan dapat menjadi rangkaian penghubung diantara pesakit dengan Kementerian Kesihatan dalam menyalurkan maklumat berkaitan. Ahli masyarakat juga perlu mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai penyakit tersebut dan juga cara-cara penjagaannya.



# PROGRAM WAYANG PACAK SEMPERNA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KE-74 DYMM TUANKU RAJA PERLIS 2017

Program Wayang Pacak begitu sinonim dengan masyarakat di Negeri Perlis. Sehubungan itu, bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan ke-74 DYMM Tuanku Raja Perlis, program ini dijadikan aktiviti utama dalam jadual bersempena dengan sambutan tersebut. DYMM Tuanku Raja Muda Perlis telah berkenan menitahkan AADK Negeri Perlis melaksanakan program sambutan di peringkat negeri pada setiap tahun. Oleh yang demikian, AADK mengambil peluang untuk melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah melalui medium ini. Selain dari tayangan filem, ceramah dan kuiz antidadah juga diselitkan untuk aktiviti bersama orang awam. Pada tahun ini, program ini diadakan apada 17 Mei 2017 (Rabu) di Tapak Pasar Sehari, Kurung Tengar, Kuala Perlis. Seramai lebih kurang 700 orang menyertai program tersebut yang rata-ratanya ialah penduduk disekitar kawasan Kuala Perlis.

Program ini turut mendapat kerjasama secara NBOS daripada pihak FAMA, RELA, APM, PDRM, SWCorp dan Pusat Khidmat DUN Kuala Perlis.



## PROGRAM **WAYANG KULIT SEMPENA KEPUTERAAN KE-74 DULI YANG MAHA MULIA TUANKU RAJA PERLIS.**

Tayangan Wayang Kulit Sri Asun sangat popular bagi masyarakat di negeri- negeri sebelah utara semenanjung tanah air terutama Kedah dan Perlis. Oleh itu AADK Negeri Perlis telah menjemput Wayang Kulit Sri Asun sebagai ikon untuk menyampaikan mesej antidadah bagi masyarakat setempat bertemakan Pencegahan Dadah Bermula Dari Rumah.

Pada tahun ini, program tersebut diadakan di Tapak Pasar Sehari Bukit Keteri, Chuping, Perlis pada 20 Mei 2017 (Sabtu) jam 9.00 malam. Sambutan daripada orang awam amat mengalakkan dengan kehadiran seramai 1,500 orang. Program ini juga mendapat kerjasama daripada pemimpin masyarakat dengan kehadiran YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Ahli Parlimen Arau merangkap Menteri Di Jabatan Perdana Menteri), YB Puan Asmaiza binti Ahmad (Ahli Dewan Undangan Negeri Chuping merangkap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis ) dan YBrs. Tuan Mohd Khalid bin Ahmad (Setiausaha Politik YAB Menteri Besar Perlis).

Kerjasama melalui NBOS juga telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama yang telah diberikan daripada pihak PKENPs, JPS, RELA, APM, FAMA dan SWCorp.



# FORUM PENCEGAHAN DADAH 'CINTA DADAH, BINASA KELUARGA'

Keluarga merupakan entiti yang paling asas dalam membentuk sahsiah diri anak – anak. Keluarga yang bahagia tanpa dadah akan dapat melahirkan individu yang sihat dan ceria. Oleh yang demikian satu seminar keluarga berbentuk forum telah diadakan kepada keluarga berisiko di Negeri Perlis. Ini adalah salah satu pendekatan berkesan yang dapat memberi pengetahuan dan kefahaman kepada keluarga supaya sentiasa ambil kisah terhadap perkembangan anak – anak dan persekitaran yang boleh menghancurkan masa hadapan anak – anak mereka.

Forum Pencegahan Dadah yang bertajuk: Cinta Dadah, Binasa Keluarga itu telah diadakan di Pusat Koreksional Perlis dengan ahli – ahli panel terdiri daripada YBhg. Prof. Madya Dr. Hj. Huzili bin Hussin (UNIMAP), YB Datuk Haji Khairy bin Hassan (PEMADAM), En. Adinariana a/l Subramaniam (PENJARA) dan dikendalikan oleh Moderator AADK Negeri Perlis En. Rozi bin Hashim.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Tn. Ahmad Zambri bin Khairuddin dalam ucapan perasmian majlis penutup forum tersebut berkata, bagi menangani permasalahan dadah ini seharusnya bermula dari rumah. Setiap orang perlu sentiasa mengambil peduli tentang setiap seorang ahli keluarga masing-masing. Ini bagi memastikan keluarga kita bebas dari ancaman dadah yang semakin hari semakin membimbangkan.



## PROGRAM PERANGI DADAH HABIS-HABISAN KLIEN PIK KANGAR BERSAMA PELAJAR SEKOLAH

Program Perangi Dadah Habis-Habisan Klien PIK Kangar bersama pelajar sekolah diadakan sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2017 bertujuan untuk mendidik dan menyemai sikap membenci dan menjauhi diri dari dadah di kalangan pelajar bermula dari alam sekolah rendah. Ini kerana sikap kanak-kanak yang gemar mencuba dan meniru tanpa mengetahui kesan buruk atau bahaya sesuatu perkara tersebut.

Penerapan nilai-nilai negatif mengenai bahaya dadah perlu dilakukan secara berterusan kerana pelajar generasi sekarang lebih mudah terdedah dengan dadah melalui media sosial dan pergaulan bebas. Jika tiada kawalan, para pelajar akan terus hanyut di dalam dunia penagihan dadah.



## OPS NBOS AADK NEGERI PERLIS BERSAMA AKSEM NEGERI PERLIS

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu (NBOS) AADK-AKSEM bersama agensi lain telah diadakan sebanyak 21 kali sepanjang tempoh 2017. Operasi ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kawasan – kawasan yang terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah, membendung jenayah rentas sempadan dan mengawal keselamatan sempadan negara. Pelaksanaan serbuan dan ujian saringan melibatkan ujian saringan awal air kencing terhadap orang awam di sekitar lokasi yang disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Penahanan suspek yang didapati positif ujian air kencing diserahkan untuk tindakan AADK dan rampasan ketum diserahkan kepada AKSEM.



# PROGRAM KONVOI BERMOTORSIKAL “TIME TO CHANGE”

Program Konvoi Bermotosikal “*Time To Change*” dirasmikan oleh YB Puan Asmaiza binti Ahmad, ADUN Chuping Merangkap Exco Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Perlis ADUN Chuping pada 2 November 2017 bertempat di Rimba Rekreasi Bukit Jernih, Perlis. Program yang dianjurkan oleh AADK Perlis bersama JKPD, ADUN Chuping, CCH Taman Mas dan Jawatankuasa Masjid Mahmudiah, Bukit Keteri ini mendapat sokongan sepenuhnya dengan kehadiran OKP dari kedua-dua daerah di Negeri Perlis dan juga Pembimbing Rakan Sebaya (PRS).

Cetusan idea dari Jawatankuasa Pemulihan Dadah Dalam Komuniti (JKPD) AADK Perlis dalam usaha memberi kekuatan kepada Orang Kena Pengawasan (OKP) ke arah menghadapi masalah penagihan, memberi peluang kepada OKP melalui pengalaman baru serta mencari cara berkesan untuk mengekalkan kepulihan (Abstinen) serta meningkatkan rasa tanggungjawab dan komitmen OKP untuk mengikuti program pemulihan dengan bersungguh-sungguh bersama AADK.

Antara pengisian yang diadakan adalah bermula dari AADK Daerah Perlis Utara ke CCH Taman Emas, Beseri bagi sesi perkongsian bersama ahli JKPD dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Solat Sunat Dhuha dan Tazkirah Agama di Masjid Bukit Keteri seterusnya meneruskan konvoi bermotosikal dan tamat di Taman Rekreasi Bukit Jernih. Turut hadir ke program adalah Puan Naseem Asllah binti Abu Kassim, Penolong Pengarah Bahagian Rawatan Pemulihan dan Perubatan AADK Negeri Perlis, Ketua Pegawai AADK Daerah Perlis Utara dan AADK Daerah Perlis Selatan.



# BENGKEL COMMUNITY EMPOWERMENT PEMIMPIN MASYARAKAT PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2017

Bengkel Community Empowerment Pemimpin Masyarakat Peringkat Negeri Perlis Tahun 2017 bertarih 11 dan 12 November 2017 (Sabtu dan Ahad) di Pusat Tranformasi Bandar (UTC) Perlis dengan penglibatan Pemimpin Masyarakat dan JKKK Kawasan Kangar, Arau dan Kuala Perlis. Ia bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong dalam menangani masalah dadah. Antara pengisian program ialah :

- Masalah Penagihan Dadah dan Kesihatan Mental oleh Dr. Muhammad Zul Azri bin Mohammad Yusoff (Psikiatri Hospital Kangar Perlis).
- Perbincangan Dalam Kumpulan Kempen PDH 2.0 Negeri Perlis.
- Pembentangan Perbincangan Dalam Kumpulan Kempen PDH 2.0 Negeri Perlis.
- Ceramah Komuniti Perkasa Rakyat Sejahtera oleh Prof Madya Dr. Hj Huzili bin Husin.
- Pembentangan Resolusi Oleh Wakil Peserta.

Majlis Perasmian Penutup disempurnakan oleh YB Ir. Shahrudin bin Ismail (Ahli Parlimen Kangar).



# KELANTAN

## SOKONGAN KELUARGA MEKAR DI KLINIK C&C 1MALAYSIA KOTA BHARU: **“TAK LAPUK DEK HUJAN, TAK LEKANG DEK PANAS”**

Memandangkan keluarga merupakan individu paling signifikan dengan keperluan klien, maka wujud keperluan untuk membina jalinan kerjasama berterusan dengan kumpulan ini. Ia selaras dengan kefungsi keluarga dalam menyokong usaha pemulihan klien terutama selepas mereka kembali ke pangkuan keluarga kelak. Untuk tujuan tersebut, keluarga perlu diberi kemahiran dan pengetahuan berkaitan isu dan cabaran pemulihan. Ini bagi memudahkan mereka menyokong dan membantu usaha mengekalkan pemulihan klien.

Program keluarga yang dianjurkan 3 bulan sekali mendapat sambutan yang baik dari kalangan keluarga. Komitmen tinggi di kalangan keluarga dapat dibuktikan melalui komitmen mereka setiap kali program keluarga dilaksanakan. Selain itu, ia juga dapat dilihat melalui kerjasama keluarga dalam menyediakan barangan keperluan sepanjang ahli keluarga mereka menjalani pemulihan di sini. Antara barang yang dibekalkan adalah seperti pakaian, keperluan alat mandi, alat penjagaan diri termasuk selipar, kasut, selimut, tuala dan sebagainya. Kesannya, perbelanjaan kerajaan untuk tujuan ini dapat dijimatkan dan keluarga memahami tugas dan peranan mereka dalam usaha pemulihan ahli keluarga mereka di sini. Selain itu, perbelanjaan dan keperluan klien yang terlibat dengan program persekolahan juga ditanggung sepenuhnya oleh keluarga. Impaknya, klien dapat melihat sendiri pengorbanan dan komitmen keluarga mereka, dalam menyokong usaha pemulihan mereka di Klinik C&C 1Malaysia Kota Bharu, Kelantan.



Komitmen Keluarga Dalam Menyokong usaha Kepulihan Klien



Sumbangan Makanan Sebagai Menifestasi Sokongan Keluarga



Keluarga Sebagai Tunjang Sokongan Kepulihan Klien

# NBOS PROGRAM **LATIHAN KEMAHIRAN BERSAMA GIATMARA**

Selaras dengan dasar kerajaan yang menggalakkan pelaksanaan program menggunakan Strategi Lautan Biru (NBOS), maka satu usahasama bersama Giatmara Pasir Mas, Kelantan telah dibuat. Ia sebagai serampang dua mata di mana klien yang sedang menjalani pemulihan turut dilatih dalam bidang kemahiran vokasional. Ini sebagai salah satu usaha bagi memperengkapkan klien dengan kemahiran kerja sebelum mereka kembali ke dalam komuniti. Selain itu, ia juga sejajar dengan matlamat pemulihan dadah untuk mengembalikan kehidupan klien sebagai individu normal, produktif dan boleh berfungsi semula di dalam masyarakat.

Usahasama bersama GIATMARA, telah bermula sejak awal tahun 2016 lagi. Ketika itu, 2 orang klien Klinik C&C telah terpilih menyertai program ini. Program ini masih berterusan sehingga kini dan bidang kemahiran yang ditawarkan masih sama iaitu membaiki motorsikal. Pemulihan kursus ini adalah sesuai dengan minat dan selepas mengambil kira faktor keupayaan kumpulan sasaran. Buat masa ini seramai 8 orang klien telah berjaya mengikuti kursus ini. Terkini, 2 orang klien telah ditawarkan mengikuti kursus ini di peringkat lanjutan.



Klien yang mengikuti Kursus Membaiki Motorsikal

Membina Kemahiran Sebagai Persediaan Ke Alam Pekerjaan



## PROGRAM “JOM KEMBALI BERSEKOLAH”

Menyedari wujud keperluan pendidikan dan persekolahan dalam kehidupan seorang remaja, maka pihak Klinik C&C 1Malaysia Kota Bharu telah mengambil inisiatif ke arah membantu proses persekolahan semula klien- klien yang tercicir dalam arus pendidikan. Ia selaras dengan apa yang termaktub dalam Perancangan Strategik AADK bagi tahun 2017, di mana keperluan untuk membantu klien usia persekolahan mengikuti sesi pembelajaran semula. Kerjasama yang baik dari Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah membuka ruang kepada masa depan klien remaja. Sesi persekolahan 2017 menyaksikan seramai 17 orang klien remaja dari Klinik C&C 1Malaysia Kota Bharu kembali ke alam persekolahan. Mereka bersekolah di beberapa buah sekolah berhampiran dan pihak sekolah sangat prihatin dalam membantu dalam pemantauan disiplin mereka di sekolah.

Ibu Bapa memberikan respon yang positif dan rata- rata gembira dengan pelaksanaan program ini. Program ‘Jom Kembali Bersekolah’ telah membuktikan remaja tercicir dan pernah terlibat dengan permasalahan dadah juga mampu memikul amanah sebagai seorang pelajar yang baik. Kesannya, klien berpeluang menduduki peperiksaan PT3 dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Selain itu, klien dapat meneruskan sesi persekolahan tanpa meninggalkan program pemulihannya. Komitmen baik dari pihak guru dan sekolah membolehkan klien bersekolah tanpa menghadapi masalah diskriminasi.



Perbincangan dan mengadakan perjumpaan bersama pelajar di sekolah



Antara Pelajar yang menyertai program Jom Kembali Bersekolah

Perbincangan bersama Iubapa

Klien aktif menyertai program ko kurikulum di sekolah



# TERENGGANU

## KEMPEN PERANGI DADAH HABIS HABISAN NEGERI TERENGGANU 2017

Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan di negeri Terengganu 2017 telah diperhebat dan dilaksanakan secara konsisten dan berpusat dengan penekanan kepada empat kawasan di Daerah yang dikenalpasti sebagai kawasan berisiko tinggi iaitu di Gong Badak (Kuala Terengganu), Kampung Raja (Besut), Chukai (Kemaman) dan Kuala Dungun (Dungun). Gerak gempur perangi dadah habis-habisan ini telah memberi kesan ketara kepada penurunan statistik penagih dadah dan kemusnahan port-port penagihan di kawasan yang disasarkan. Kempen ini akan diperluaskan lagi ke seluruh pelusuk daerah di negeri Terengganu secara berperingkat menjelang tahun 2018 bagi memastikan usaha memerangi dadah secara total ini mencapai matlamat dan memberi impak kesejahteraan yang besar kepada masyarakat.

KAWASAN	ANGGARAN PENAGIH JANUARI 2017	ANGGARAN PENAGIH NOVEMBER 2017	JUMLAH PORT JANUARI 2017	JUMLAH PORT NOVEMBER 2017
KUALA TERENGGANU (Gong badak)	515	412	10	6
BESUT (Kg Raja)	200	120	8	2
KEMAMAN (Chukai)	1000	505	6	1
DUNGUN (Kuala Dungun)	365	230	5	3



## OPS PERDANA 1/2017

Pada 23 Oktober hingga 25 Oktober 2017 AADK Hulu Terengganu telah menjalankan OPS Perdana Bilangan 1/2017 dengan penglibatan Narkotik IPD Kuala Berang, RELA dan 3 AADK Daerah iaitu Marang, Kuala Terengganu dan Dungun. Sasaran kawasan operasi adalah di sekitar Daerah Hulu Terengganu.

Jumlah tangkapan seksyen 3(1) APD 1983 adalah seramai 51 orang dan jumlah positif air kencing adalah seramai 41 orang iaitu methamphetamine seramai 33 orang dan 8 orang opiat. Jumlah positif keseluruhan adalah seramai 41 orang.

Seramai 2 orang kes telah diserahkan kepada pihak polis kerana kesalahan memiliki dadah dibawah Seksyen 12(2) ADB 1952 – 1 orang dan Sekyen 39(b) – 1 orang. Operasi tamat jam 8.00 pagi 25 Oktober 2017.



## PERLAWANAN SEPAK TAKRAW **RAPATKAN HUBUNGAN KLIEN CCSC DAERAH HULU TERENGGANU DAN MASYARAKAT SETEMPAT**

Pada 12 Januari 2017 , klien CCSC Daerah Hulu Terengganu telah menyertai pertandingan Sepak Takraw bersama dengan belia Kampung Sungai Binjai Ajil, Hulu Terengganu.

Acara pada hari tersebut di mulai dengan ucapan oleh wakil Kampung Sungai Binjai dan taklimat ringkas mengenai perlawanan. Tujuan program diadakan adalah untuk merapatkan hubungan silaturahim antara klien dan belia Kampung Sungai Binjai. Disamping itu juga, program ini adalah membantu klien untuk menanamkan semangat setia kawan dan kerja berpasukan. Program sebegini dapat memberikan kecergasan fizikal dan kecerdasan minda klien.



## PROGRAM **JKPD - BUBUR CINA RAMADHAN**

Pada 19 Jun 2017, Gejala penyalahgunaan dadah yang melanda masyarakat dewasa ini kian serius dan memerlukan kerjasama semua pihak. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD) bersama kakitangan dan beberapa Orang Kena Pengawasan (OKP) Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Hulu Terengganu telah mengadakan program mengagihkan bubur cina ramadhan kepada orang awam di Tol Ajil pada pukul 5.00 petang. Turut sama dalam membantu bekerjasama melancarkan proses pengagihan adalah pihak pengurusan Tol Ajil. Program ini diadakan adalah untuk memperkukuhkan hubungan sedi ada klien OKP, JKPD dan komuniti.



## INTEGRASI MASYARAKAT BERSAMA **JAWATANKUASA CCH, KG. KEPAH**

Pada 19 Jun 2017, Gejala penyalahgunaan dadah yang melanda masyarakat dewasa ini kian serius dan memerlukan kerjasama semua pihak. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD) bersama kakitangan dan beberapa Orang Kena Pengawasan (OKP) Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Hulu Terengganu telah mengadakan Program mengagihkan bubur cina ramadhan kepada orang awam di Tol Ajil pada pukul 5.00 petang. Turut sama dalam membantu bekerjasama melancarkan proses pengagihan adalah pihak pengurusan Tol Ajil. Program ini diadakan adalah untuk memperkukuhkan hubungan sedi ada klien OKP, JKPD dan komuniti.



# PROGRAM INSTITUSI PENDIDIKAN BEBAS DADAH KEM SHIELDS (SAYANGI HIDUP ELAK DERITA SELAMANYA) : KEM I-SUKSES SIRI 2/2017

Demi mendukung objektif Program Institusi Pendidikan Bebas Dadah iaitu untuk memastikan pelajar yang berisiko khususnya diberi bimbingan dan didikan yang sewajarnya supaya dapat mengamalkan dan mengekalkan cara hidup yang positif serta bebas daripada dadah. Selain itu, demi melahirkan pelajar yang berkemahiran, berwawasan dan bermotivasi untuk menjadi pelajar cemerlang adalah salah satu tanggungjawab Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Oleh itu, pendekatan Kem SHIELDS / Kem i-SUKSES Siri 2/2017 telah diambil inisiatif oleh AADK Daerah Kemaman dengan kerjasama pelbagai pihak iaitu Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kemaman, Kemaman Bitumen Company (KBC) Sdn. Bhd., Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Yayasan Islam Terengganu (YIT) Daerah Kemaman dan Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan telah menjalankan kem berkonsepkan 'Aku Yang Baru' yang telah diadakan pada 11 hingga 13 Oktober 2017 bertempat di Rumah Rehat Pasir Raja, Dungun, Terengganu.

Impak yang sangat besar dan positif telah ditunjukkan oleh peserta kem mendapat perhatian pihak pengurusan sekolah untuk meneruskan lagi program seperti ini demi menjulang visi Sekolah Bebas Dadah 2020.



Sesi pendaftaran dan ujian saringan air kencing dijalankan secara mengejut bagi mengesan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah.



Slot 'Siapa Diriku' yang dikendalikan oleh Sarjan Mohd Raduan bin Yusuf dari PDRM yang memerlukan peserta membuat keputusan dalam pemilihan rakan.



Aktiviti luar iaitu 'Explorace' dijalankan di sekitar kawasan kem bagi memudahkan pergerakan peserta untuk menyelesaikan tugas yang diamanahkan.



Slot yang memenuhi hari kedua ialah 'Open Mic Session' yang membincangkan tajuk Pewaris Negara yang disampaikan oleh PDRM, YITDK dan kaunselor.



Slot kerohanian juga diterapkan ke dalam diri setiap peserta dengan melakukan teori dan amali mandi wajib, solat dan berwudhu' dengan betul.



Penglibatan dan komitmen yang sangat baik dari para peserta ditunjukkan dalam setiap hasil kerja yang dibentangkan.

# KARNIVAL RAKYAT DAN SYURA PERDANA

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Setiu dengan kerjasama Pejabat Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Langkap dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK) Negeri Terengganu telah mengadakan satu program Karnival Rakyat dan Syura Perdana bertempat di Agropolitan Panchur Bederu pada 06 dan 07 Oktober 2017.

Karnival yang berlangsung selama 2 hari itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari penduduk setempat. Program dimulakan dengan ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz Hamzah dari Yayasan Islam Terengganu pada sebelah malam hari Jumaat. Seterusnya, pada keesokan harinya pula, program dimulakan dengan senamrobik yang diketuai oleh En. Zainurin daripada Pejabat Kesihatan Daerah Setiu. Serentak dengan itu, program kacau bubur asyura juga dimulakan.

Disamping itu, pelbagai aktiviti telah dijayakan. Antara aktiviti tersebut ialah pertandingan mewarna kanak-kanak dibawah umur 12 tahun. Seterusnya acara sukaneka juga turut diadakan seperti sepak bola, jaringan bola, isi air dalam botol dan tiup belon sampai pecah. Hal ini telah menarik minat penduduk setempat untuk menyertai acara-acara yang dipertandingkan. Pameran dan demonstrasi kebakaran oleh pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia Daerah Setiu turut diadakan. Selain itu, pemeriksaan kesihatan percuma juga disediakan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Setiu kepada komuniti. Tidak ketinggalan, pihak AADK Daerah Setiu juga turut mengadakan pameran antidadah.

Seterusnya, nombor cabutan bertuah turut disediakan kepada orang ramai yang hadir. Pihak penganjur telah menyediakan 60 hadiah cabutan bertuah berupa hamper dan juga barangan keperluan dapur. Program ini telah dihadiri oleh 500 orang pengunjung dan dirasmikan oleh Dato' Haji Mohd Sabri bin Haji Mohd Noor selaku ADUN Langkap.



## MYBEAUTIFUL MALAYSIA **DI KAMPUNG SUNGAI BUAYA**

Program MyBeautiful Malaysia merupakan salah satu usaha AADK dalam memperkasakan gelombang kesukarelaan sukarelawan antidadah dikalangan masyarakat. Program ini diadakan pada 7 April 2017 di Kampung Sungai Buaya di mana kampung ini merupakan kawasan berisiko tinggi di dalam kawasan PDH 2.0. Program ini melibatkan AADK Daerah Dungun bersama anggota JSJN IPD Dungun, RELA Dungun, J3K Sungai Buaya dan Ahli Skwad AADK daripada pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Program ini telah diketuai oleh Ketua Pegawai AADK Dungun, Puan Roslina Awang dan dibantu oleh Puan Faridah Mamat selaku Pengerusi J3K Kg. Sungai Buaya. Peserta yang terlibat telah memberi sokongan yang penuh terhadap program yang dijalankan ini. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memastikan kawasan berisiko ini bersih dan sekaligus dapat menghapuskan port-port penagih tersebut.



## PROGRAM INTEGRASI MASYARAKAT

Unit Rawatan Dan Pemulihan AADK Dungun telah mengadakan Program Integrasi Masyarakat pada 15 Mac 2017 yang lalu di CCH Tanjung Pagar Dungun. Program ini adalah kerjasama AADK Dungun bersama PEMADAM Dungun. Antara pengisian program adalah sembang santai bersama Sub Inspektor, Ismail Bin Omar dari JSJN IPD Dungun dan gotong-royong membersihkan tanah perkuburan bersama penduduk kampung. Selain itu juga, turut diselitkan program kemahiran menunggang kuda yang telah diajar oleh OKP sendiri sekadar perkongsian ilmu bersama rakan-rakan. Program ini telah dihadiri seramai 68 orang OKP dan tamat pada jam 12.00 tengah hari.



Bengkel Keupayaan Komuniti telah diadakan sebanyak 2 siri yang melibatkan Pengerusi JKKK, Imam dan Bilal, Pengerusi KRT, Ketua Belia dan Cawangan, Ketua Pemuda, Wanita dan Puteri, Guru dan PEMADAM. Siri 1 telah diadakan pada 29 Oktober 2017 dan Siri 2 diadakan pada 14 November 2017 di Dewan Syarahan, Pejabat Daerah Dungun. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kesedaran komuniti mengenai masalah dadah dalam komuniti serta mendapat ilmu-ilmu yang membolehkan komuniti menggerakkan sendiri program pencegahan dadah di kawasan PDH.



# SEMINAR MEMPERKASAKAN PERANAN JKPD DALAM KONTEKS PEMULIHAN KLIEN

Bagi menambahkan ilmu pengetahuan kepada Ahli Jawatankuasa Rawatan Dan Pemulihan Dadah Peringkat Daerah (JKPD), Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Besut telah mengadakan Seminar Memperkasakan Peranan JKPD Dalam Konteks Pemulihan Klien. Seminar yang berlangsung selama satu hari di Demong Beach Resort, Besut, Terengganu telah dirasmikan oleh YB Dato' Muhammad Pehimi bin Yusof, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Asas Tani, Perusahaan, Perladangan dan Komoditi Negeri Terengganu merangkap Pengerusi JKPD Daerah Besut.

Seminar yang dihadiri 25 orang ahli jawatankuasa JKPD berobjektifkan meningkatkan keupayaan berfikir peserta dalam merancang pelbagai aktiviti kepada klien selain bersikap lebih proaktif membantu klien mendapatkan peluang latihan dan pekerjaan. Antara isu yang diketengahkan semasa seminar memberikan kesedaran kepada komuniti untuk bersama membantu mengekalkan kepulihan klien.

Seminar ini juga menampilkan Mantan Pengarah Rawatan, Perubatan dan Pemulihan AADK Malaysia, Tuan Wan Addenan bin Wan Mohd Noor yang telah berkongsi ilmu dan pengalaman di dalam bidang rawatan dan pemulihan dadah manakala Tuan Muhamad bin C'Ismael, Pegawai Kanan Penguatkuasaan AADK Terengganu menerangkan perkara yang berkaitan Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 kepada peserta seminar.

YB Dato' Pengerusi JKPD didalam ucapannya mengharapkan semua ahli JKPD memainkan peranan lebih aktif membantu klien menjalani kehidupan yang sihat dan tidak kembali menagih semula. Beliau menyifatkan penagih dadah umpama pesakit kronik dimana ianya tidak boleh disembuhkan tetapi mampu dirawat dan diubati agar tidak terus merebak dan menjadi barah di dalam diri. YB Dato' Pengerusi juga menegaskan JKPD sebuah pertubuhan sukarela dan tidak mempunyai satu peruntukkan yang khusus. Justeru itu tidak ramai yang ingin menyertai pertubuhan ini kerana ianya tidak mendatangkan apa-apa manafaat dan keuntungan. Beliau mengucapkan terima kasih kepada peserta yang hadir diatas komitmen yang telah diberikan selama ini.

Ketua Pegawai AADK Besut, Puan Normayati Bt Mat Nawi menyifatkan kejayaan menganjurkan seminar JKPD untuk julung kalinya adalah disebabkan permintaan dan kehendak daripada YB Dato' Pengerusi JKPD itu sendiri. Beliau berharap peserta akan mendapat input yang berguna dan selepas ini mampu merancang sesuatu bagi melengkapkan usaha membantu AADK dalam mengawasi, menyelia dan memberi bimbingan kepada penagih atau bekas penagih yang sedang menjalani Perintah Pengawasan dalam komuniti.



# KEM SUCIKAN HATI

Pelbagai pendekatan pemulihan telah digunakan untuk menyelesaikan masalah penagihan dadah dan salah satu pendekatan yang digunakan adalah melalui pendekatan kesihatan dan kecergasan fizikal.

Berobjektifkan penerapan nilai jati diri yang padu bagi mengekalkan tahap kepulihan klien, satu kem telah diadakan pada 13-14 Ogos 2017 bertempat di Kem 18 RAMD Seberang Takir.

Kem ini melibatkan 15 orang klien-klien AADK yang didapati urin positif tidak melebihi 2 kali sepanjang tempoh pengawasan. Kem ini mendapat kerjasama yang padu daripada pihak 18 Batalion Rejimen Askar Melayu diRaja, Seberang Takir. Pihak Jawatankuasa Pemulihan Dadah Kuala Terengganu juga memberi sumbangan tenaga dan kewangan dalam memastikan kem ini mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Tidak ketinggalan pihak PEMADAM Daerah Kuala Nerus juga memberi sokongan dan dorongan dalam memastikan kelancaran kem ini.

Justeru, program seumpama ini merupakan platform terbaik kepada mereka untuk kembali dalam masyarakat serta suntikan unsur jati diri ini diharapkan mampu menjadi benteng sahsiah daripada relapse.



## PROGRAM **KEROHANIAN**

Bagi program kerohanian KPI yang ditetapkan adalah sebanyak 6 kali sebulan bersamaan dengan 18 kali program dalam masa 3 bulan residen menjalani rawatan dan pemulihan di CCSC. Antara program kerohanian yang kami jalankan adalah seperti Program Bersama Imam, Kelas Fardhu Ain, Kelas Al Quran, Tadabur Al Quran dan ceramah-ceramah agama. Pihak kami juga menerima ramai sukarelawan yang mengajar secara percuma di CCSC. Pihak CCSC juga mendapat kerjasama daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dari segi peruntukan program keagamaan. Jadual di bawah menunjukkan KPI program yang ditetapkan dan jumlah program yang kami jalankan sepanjang tahun 2017.

BIL	BULAN	KPI PROGRAM	BILANGAN PROGRAM (KEY IN MYAADK)
1	JANUARI	6	17
2	FEBRUARI	6	17
3	MAC	6	16
4	APRIL	6	18
5	MEI	6	18
6	JUN	6	6
7	JULAI	6	14
8	OGOS	6	17
9	SEPTEMBER	6	10
10	OKTOBER	6	11
11	NOVEMBER	6	15
<b>JUMLAH</b>		<b>66</b>	<b>159</b>



# ENGAGEMENT AADK - MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)

Pihak CCSC telah menyediakan kertas cadangan program kerohanian kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) bagi mendapatkan peruntukan kewangan sebanyak RM 4200 bagi program keagamaan yang akan dijalankan di CCSC Kuala Terengganu bagi tahun 2018. Pihak kami telah mendapat kelulusan daripada pihak MAIDAM mengikut peruntukan yang dipohon. Pada tahun 2015 pihak CCSC juga telah membuat permohonan yang sama dan mendapat peruntukan sebanyak RM 4425.00. Peruntukan yang diterima dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh residen untuk program keagamaan. Program yang dijalankan termasuklah Program Bersama Imam, Program Mengaji dan Program Ceramah Agama.

## PERUNTUKAN YANG DITERIMA

BIL	Tahun	Jumlah (RM)
1	2015	4425.00
2	2017	4200.00

## PROGRAM YANG DIJALANKAN

Bil	Program Kerohanian 2017	Kekerapan Program
1	Program Mengaji Al-Quran	48
2	Program Bersama Imam	15



# ENGAGEMENT AADK - **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**

Bagi projek 1 Produk 1 CCSC, CCSC Kuala Terengganu telah menjalankan Projek Cendol Pulut Tapai. Projek ini dijalankan pada setiap hari dari pukul 11.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Jalan Pusara. Pada setiap hari khamis jualan cendol pulut tapai akan dijalankan di Pasar Tani Hiliran dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Pihak kami mendapat kerjasama daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan memberi pengecualian bayaran sewaan tapak manakala perniaga lain dikenakan sewaan tapak sebanyak RM25.00 sehari. Bayaran RM 15.00 tetap dikenakan oleh Jawatankuasa Pasar Tani Hiliran bagi kos memasang dan memungkah khemah. Penjimatan kos sebanyak RM 480.00 setahun.

## KOS SEWAAN TAPAK DAN PEMASANGAN KHEMAH YANG SEPATUTNYA DIKENAKAN :

KOS	SEBULAN	SETAHUN
RM 25.00	RM25.00 X SEHARI X 4 MINGGU	RM 100.00 X 12 BULAN
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 100.00</b>	<b>RM 1200.00</b>

## KOS SEWAAN TAPAK DAN PEMASANGAN KHEMAH YANG DIKENAKAN :

KOS	SEBULAN	SETAHUN
RM 15.00	RM15.00 X SEHARI X 4 MINGGU	RM 60.00 X 12 BULAN
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 60.00</b>	<b>RM 720.00</b>

## KOS PENJIMATAN SETAHUN YANG BOLEH DIPEROLEHI :

SEBULAN	SETAHUN
RM 100.00 – RM 60.00	RM 1200.00 – RM 720.00
<b>RM 40.00</b>	<b>RM 480.00</b>



## RUJUKAN/REFERENCES OLEH JABATAN KERAJAAN DAN SWASTA

CCSC Kuala Terengganu juga sering menerima rujukan daripada jabatan kerajaan dan syarikat swasta samada secara inpatient atau outpatient. Antara agensi yang pernah merujuk pekerja mereka ialah Pejabat Pos Malaysia, Jabatan Perhilitan Negeri Terengganu, Jabatan Pendaftaran Negara, Mahkamah Negeri Terengganu dan sekolah-sekolah sekitar Kuala Terengganu. Semua klien yang menerima rawatan dan pemulihan di CCSC kembali berkhidmat dan mendapat respon yang positif daripada majikan masing-masing. Dengan wujudkan hubungan kerjasama antara jabatan ini memudahkan lagi urusan antara jabatan masing-masing.



## LAWATAN HOMEVISIT RUMAH OKP

Homevisit merupakan satu perkhidmatan berbentuk lawatan ke rumah klien yang bertujuan untuk memberi maklumat, bimbingan, mendapat maklumbalas, intervensi dan pemantauan serta sebagai satu medium sokongan kepada klien. Program ini bertujuan agar klien dapat mengekalkan kepulihannya dengan penglibatan dan sokongan keluarga dan klien sentiasa mempunyai engagement dengan perkhidmatan AADK bagi pengekalan kepulihannya.

Program ini bersempena Program Cakna Komuniti UniSZA @ Seberang Takir yang dilaksanakan pada 10 November 2017. Program ini melibatkan pelajar UniSZA dan juga petugas Pejabat Dun Seberang Takir. Kos hadiah juga ditanggung oleh pihak UniSZA dan juga Pejabat Dun Seberang Takir.

Sebanyak 5 buah rumah sekitar Dun Seberang Takir telah dilawati bersama 20 pelajar dan juga 10 orang petugas dari Agensi Transformasi Rakyat Terengganu (ATRA) dan juga 5 orang staff AADK.

Diharap dengan adanya kerjasama yang padu dan kecaknaan yang tinggi dari ahli akademik dan juga pemimpin setempat dapat menjamin kefungsi sosial klien-klien AADK ini.



# PAHANG

## EMPOWERMENT BAGI PEMIMPIN MASYARAKAT PERINGKAT **NEGERI PAHANG** SEMPENA **KEMPEN PERANGI DADAH HABIS-HABISAN (PDH) 2017**

Bengkel Community Empowerment (CE) bagi Pemimpin Masyarakat Peringkat Negeri Pahang Sempena Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) 2.0 telah diadakan pada 7 November 2017 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Indera Mahkota Kuantan. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan serta meningkatkan pengetahuan pemimpin masyarakat di dalam Negeri Pahang khususnya di kawasan PDH 2.0 tentang peranan pemimpin dalam menggerakkan program-program PDH 2.0 di kawasan masing-masing.

Bengkel CE PDH 2.0 Peringkat Negeri Pahang ini telah dihadiri seramai 81 orang peserta yang merupakan pemimpin komuniti 5 kawasan PDH 2.0 Negeri Pahang yang terdiri daripada Pengurus dan kakitangan FELDA Wilayah Kuantan dan Wilayah Jengka, Penghulu, Pengerusi JKKK, EXCO Majlis Belia FELDA, PEMADAM dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Bengkel CE ini dilihat dapat menjadi satu medium bagi menggerakkan pemimpin-pemimpin masyarakat dan ahli komuniti untuk menjalankan program pencegahan dadah di kawasan masing-masing. Melalui bengkel ini, maklumat-maklumat terkini berkaitan penyalahgunaan dadah di dalam komuniti masing-masing dapat disampaikan terus kepada pemimpin komuniti tersebut sekaligus mencetuskan idea kepada mereka untuk membentuk pelan tindakan mencegah dan menghapuskan masalah penyalahgunaan dadah di kawasan masing-masing.

Kerjasama dari peserta yang diberikan sepanjang bengkel berlangsung menunjukkan komitmen pemimpin komuniti dalam memerangi penyalahgunaan dadah di kawasan masing-masing. Diharapkan usaha ini dapat menangani masalah penyalahgunaan dadah secara tuntas.



Peserta Bengkel CE PDH 2.0 Negeri Pahang



Sesi Perbincangan di dalam kumpulan



Sesi pembentangan pelan tindakan PDH 2.0 oleh pemimpin komuniti



Penyerahan Kit PDH Negeri Pahang kepada wakil pemimpin komuniti

## OKP **DALAM BIDANG PEKERJAAN**

Klien merupakan pemegang Diploma Mekanikal dari IKTBN Sepang dan Sijil MLVK (Advance). Berpandukan kepada kemahiran yang dipelajarinya dalam bidang “ Maintenance Mechanic Mechanical “ dan “ Petro Chemical “ serta pengalaman yang diperolehinya ketika berkerja dengan sebuah syarikat berkaitan pengurusan system perpaipan dan penapisan air, Klien membuka syarikat sendiri berkaitan pengurusan sistem perpaipan dan penapisan air terawat.

Klien mula menjalani Program Rawatan dan Pemulihan dalam komuniti di AADK Daerah Temerloh pada 28.01.2016, merupakan seorang yang aktif mengikuti program program Rawatan & Pemulihan yang dijalankan oleh pihak AADK Temerloh terutamanya program pembangunan kerjaya yang dijalankan bersama Kolej Komuniti Temerloh untuk meningkatkan dan memajukan lagi perniagaannya.

Sehingga kini klien telah memiliki 3 buah syarikat berkaitan kontraktor paip dan penapisan air terawat ( M & E ), Syarikat pembekalan air mineral dan madu ( trading ) serta syarikat pengurusan dan perundingan majlis perkahwinan.



Kad Tanda Nama Syarikat-Syarikat Perniagaan milik klien



Kerja-Kerja Lapangan yang dijalankan oleh Klien

# RONDAAN 'STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN' (NBOS) DI DAERAH TEMERLOH

Penglibatan daripada pelbagai Jabatan, Agensi dan NGO dalam pelaksanaan rondaan ini yang terdiri daripada Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan RELA, POLIS, JKKK, KRT dan Unit SRS Taman Perumahan.

Rondaan bertujuan mengurangkan kadar jenayah yang berlaku disekitar daerah Temerloh dan sekaligus meningkatkan tahap keselamatan orang awam daripada kejadian-kejadian jenayah yang mungkin berlaku. Penyampaian mesej antidadah juga mudah disampaikan.

Hasil kerjasama dan kolaborasi antara pelbagai jabatan mampu menyelesaikan banyak permasalahan jenayah khususnya dikalangan belia yang merupakan tonggak masa depan negara.



Antara Jabatan yang terlibat dalam Rondaan NBOS ialah AADK, RELA, ATM, Unit SRS dan JKKK



Bersama UNIT SRS di Pos Pemeriksaan SRS Taman Chengal



Pasukan Rondaan NBOS menyampaikan Poster Kempen PDH kepada belia yang ditemui



Pasukan Rondaan NBOS berada di Taman Bunga Raya bersama Unit SRS Taman Bunga Raya.



Pasukan Rondaan NBOS berada di Taman Sri Kemuning Indah untuk bertanyakan permasalahan jenayah yang berlaku dan pemeriksaan buku aktiviti Unit SRS Taman Sri Kemuning Indah.



Pasukan Rondaan NBOS berada di Taman Chengal bersama Unit SRS Taman Chengal.

# OPS CEGAH PERDANA **AADK DAERAH ROMPIN**

Ops Cegah Perdana AADK Daerah Rompin yang diketuai oleh Pengarah AADK Negeri Pahang telah dilaksanakan dengan jayanya dengan melibatkan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Kuantan, Rancangan TV3 (999), NTV7 dan 50 orang Anggota AADK Negeri Pahang pada 3 hingga 4 Mei 2017. Seramai 60 orang telah diperiksa melibatkan kawasan Bandar Tun Razak dan Perairan Tanjung Gemok. 52 orang daripadanya positif pelbagai jenis dadah. Kesemua suspek di bawa ke Pejabat AADK Daerah Rompin untuk tindakan selanjutnya. Kerjasama secara NBOS seperti ini akan diteruskan lagi dari masa ke semasa.



Gambar kenangan anggota Ops Cegah bersama Mantan Pengarah AADK Negeri Pahang sebelum memulakan tugas



Mantan Pengarah AADK Negeri Pahang menunjukkan isyarat 'terbaik' kepada jurufoto sebelum berlepas ke lokasi Operasi.



Pemeriksaan dokumen sedang dijalankan oleh pihak Anggota APMM



Pegawai AADK menunjukkan bilik salah seorang penagih dadah kepada wartawan 999



Sebahagian tangkapan yang telah dibuat dalam kawasan Bandar Tun Razak



Sidang Media Ops Cegah Perdana yang telah disampaikan oleh Mantan Pengarah AADK Pahang.

## “ JOM BANTU RAKYAT ” **MENUMPASKAN 56 ORANG PENAGIH DALAM DAERAH RAUB**

Gejala penyalahgunaan dadah di kawasan FELDA kini kian meruncing. Hal ini telah terbukti apabila seramai 56 orang penagih dadah telah berjaya ditahan di dalam OPS Perdana Bil 2/2017 AADK Negeri Pahang Zon Pahang Barat yang telah dijalankan pada 24/09/2017 hingga 26/09/2017 di FELDA Tersang, Raub Pahang.

OPS Perdana ini melibatkan 60 orang anggota penguatkuasa AADK Negeri Pahang dengan kerjasama Jabatan Ikatan Relawan Malaysia (RELA) dan beberapa NGO lain. Istimewanya operasi ini apabila Pegawai Daerah Raub iaitu YH Dato' Haji Hamdan Bin Husin sendiri “turun padang” bagi membantu kelancaran operasi ini. Operasi ini merupakan rentetan daripada Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Daerah Raub apabila beliau sendiri bimbang dengan trend penagihan di kawasan FELDA terutama di FELDA Tersang yang merupakan “kawasan hitam” di Daerah Raub. Semasa mesyuarat tersebut, beliau telah melancarkan satu Program “Jom Bantu Rakyat” bagi menyahut semua pihak dalam membanteras najis dadah terutamanya dalam Daerah Raub. Ops Perdana ini merupakan salah satu agenda “Jom Bantu Rakyat” tersebut. Diharapkan pada masa akan datang program seperti ini akan dapat berterusan dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat.



Dato' DO sedang beramah mesra dengan anggota penguatkuasaan AADK Negeri Pahang

Sesi taklimat Operasi oleh Penolong Pengarah Penguatkuasaan Dan Keselamatan AADK Negeri Pahang Tn Rizal Bin Sea'at

Antara hasil tangkapan Ops Perdana Bil 2/2017

## PEMUDA BERANI **PEMANGKIN NEGARA BANGSA**

Gempur dan roboh, itulah tindakan drastik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Pekan dalam usaha merobohkan 'port' penagih yang pernah diserbu sebelum ini untuk mengelak penagih kembali bersarang di tempat berkenaan yang telah diadakan pada 15 Mei 2017. Tindakan merobohkan sarang penagih ini dilakukan dengan kerjasama pihak AADK Daerah Pekan dan Wakil Ketua Penduduk Kg Sri Makmur secara bergotong-royong.

Ketua Pegawai AADK Daerah Pekan, Muhammad Amri bin Ali Amran berkata, program yang dikenali sebagai 'My Beautiful Malaysia' dilaksanakan untuk melahirkan semangat kesukarelawan dalam masyarakat untuk membasmi permasalahan dadah di kawasan komuniti. Menurutnya, usaha ini perlu dilakukan kerana ia bukan sahaja dapat mengurangkan masalah sosial dalam kalangan anak-anak muda di kawasan mereka tetapi sekaligus membantu mencegah kegiatan jenayah lain.

Sementara itu, Pengerusi JKKK Kg Sri Makmur Abu Bakar bin Abdul Kadir berkata, pihaknya sentiasa menyokong tindakan memerangi penagihan dadah dan jenayah lain serta sudah mengenalpasti lokasi untuk program hijau. Katanya, setiap kawasan yang dirobuhkan itu akan diubah menjadi 'Kawasan Hijau' yang akan diusahakan oleh penduduk sendiri untuk mengelakkan penagihan berlaku di kawasan berkenaan. Ketua Pegawai AADK Daerah Pekan, Muhammad Amri bin Ali Amran berkata, pihak AADK sentiasa terbuka untuk menerima maklumat daripada penduduk berhubung sarang penagihan di kawasan mereka untuk tindakan segera seperti yang digariskan dalam Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang dilancarkan sebelum ini.



Melupus dan membakar barang di 'port'



Kerja pembersihan sedang dilakukan oleh anggota



Barangan yang ditemui



Sesi bergambar setelah selesai program

## PROGRAM SHIELDS **DISAMBUT BAIK PENGURUSAN MASJID**

Bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan murid sekolah, kerajaan melalui AADK telah mengatur pelbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategik AADK 2017. Salah satu program yang telah dilaksanakan adalah program SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya).

Program Kem Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya 'SHIELDS' merupakan program berbentuk kem motivasi, ceramah, latihan dalam kumpulan dan pelbagai aktiviti bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan murid sekolah menengah yang berumur antara 13 hingga 18 tahun supaya terhindar dari penyalahgunaan dadah. Tujuan utama program 'SHIELDS' dilaksanakan adalah untuk membendung murid sekolah menengah yang berisiko terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan yang mempunyai masalah dadah supaya tidak terus terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Pekan dengan kerjasama Masjid Sultan Ahmad Shah Al-Haj Pekan serta Pejabat Agama Islam Daerah Pekan telah mengadakan Program Kem Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya 'SHIELDS' pada 28 hingga 30 Mac bertempat di Masjid Sultan Ahmad Shah Al-Haj Pekan. Menurut imam masjid Ustaz Lutfi Syahwan bin Mohd Basir program ini juga dilihat mampu memupuk sikap dan amalan yang baik serta mengamalkan gaya hidup sihat selain program seumpama ini diharap dapat merapatkan lagi hubungan baik antara Pihak Pengurusan Masjid, AADK Daerah, Pejabat Agama Islam Daerah dan juga semua pihak sekolah yang terlibat.



Taklimat program disampaikan kepada para peserta



Peserta menyanyikan lagu tema program



Sesi bergambar bersama peserta yang terlibat



Aktiviti dalam kumpulan

## BELIA HARAPAN **BANGSA**

Buat julung kalinya, seramai lebih kurang 80 orang pelajar Kolej Komuniti Pekan, Pahang menyertai program khas AADK Daerah iaitu 'Tomorrow's Leader' di sekitar kampus kolej tersebut pada 24 Mei 2017. Menurut Pengetua Kolej Komuniti Pekan, program tersebut dianjurkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Pekan dengan kerjasama Unit Pembangunan Pelajar dan Kerjaya.

Program itu kata beliau, merupakan inisiatif bersama pihak pengurusan kolej dengan AADK dalam menyalurkan maklumat berkaitan dadah supaya masalah penyalahgunaan bahan tersebut tidak merebak dalam kalangan para penuntut. Selain itu juga program ini juga bertujuan melahirkan pemimpin masa depan yang memahami kesan buruk penyalahgunaan dadah terhadap individu yang terlibat dengan kegiatan itu. Program yang berlangsung sehari suntuk itu dikendalikan oleh beberapa pegawai AADK yang diketuai oleh Ketua Pegawai AADK Daerah Pekan, Muhammad Amri bin Ali Amran.

Antara aktiviti pengisian sepanjang program tersebut adalah ceramah bertajuk 'Remaja dan Bahaya Dadah', taklimat, perkongsian pengalaman, latihan dalam kumpulan, demonstrasi ujian saringan air kencing dan pameran. Salah seorang peserta, Mohd Halim bin Harun berkata, program yang disertai bersama beberapa rakannya amat berguna untuk dijadikan panduan supaya mereka tidak terjebak dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.



Saringan ujian air kencing



Ceramah sedang disampaikan oleh pegawai AADK



Tayangan video bahaya dadah



Perkongsian cerita bersama pelajar

# TAKLIMAT DAN PENERANGAN BERKAITAN KEMPEN PERANGI DADAH HABIS-HABISAN DISAMPAIKAN OLEH YG BERBAHAGIA KETUA PENGARAH AADK MALAYSIA (COMMUNITY EMPOWERMENT)

Taklimat dan penerangan berkaitan kempen Perangi Dadah Habis-Habisan serta bicara banteras dadah disampaikan oleh Yg Berbahagia Ketua Pengarah AADK Malaysia, Dato' Dr. Abd Halim bin Mohd Hussin kepada agensi kerajaan, swasta, NGO dan penduduk bagi menjalinkan hubungan kerjasama sedia ada serta menggerakkan penglibatan mereka dalam menangani permasalahan penagihan dadah di Daerah Pekan pada 22 Mac 2017.

Hasil daripada program ini YB Setiausaha UMNO Bahagian Pekan, Datuk Azmey bin Abu Talib memohon semua yang hadir bersama-sama dalam usaha menangani masalah dadah dan meminta mereka mengadakan program pencegahan dadah di tempat masing-masing tanpa mengharapkan daripada agensi-agensi pelaksana seperti PDRM dan AADK sahaja dalam usaha membanteras dadah. Beliau juga menyokong penuh hasrat AADK dalam usaha membanteras dadah di Daerah Pekan dan berharap jumlah penagih dapat dikurangkan.



Taklimat kempen PDH diberikan oleh Ketua Pengarah AADK Malaysia



Sesi soal jawab



Sidang media bersama Ketua Pengarah AADK

## PENGERUSI JKPD DAERAH PEKAN **TURUN PADANG**

En. Rahimusaimi Bin Md Yunan selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Pemulihan Dadah Daerah Pekan telah turun padang bagi menyertai Program Temu Seru untuk menyampaikan sumbangan kepada Orang Kena Pengawasan (OKP) bertempat di FELDA Gugusan Chini pada 26 November 2017. Seramai 10 orang OKP telah terpilih untuk menerima sumbangan ini.

Pengerusi JKPD iaitu En. Rahimusaimi Bin Md Yunan ketika ditemui berkata program ini diadakan kerana masyarakat perlu bekerjasama dalam membantu proses kepulihan OKP terbabit disamping mereka (OKP) tidak terasa diri mereka terasing daripada masyarakat sekitar. Beliau juga berkata tugas membantu OKP melalui proses kepulihan ini tidak terletak dibahu pihak AADK semata-mata tetapi perlu dipikul oleh semua pihak termasuk masyarakat setempat. Turut hadir pada program berkenaan adalah ahli-ahli JKPD yang lain.

Pihak AADK Daerah Pekan telah diwakili oleh Ketua Pegawai iaitu En. Muhammad Amri Bin Ali Amran bersama dengan pegawai-pegawai AADK Daerah Pekan. En. Muhammad Amri Bin Ali Amran berkata, program ini adalah bagi menyampaikan sumbangan dan bertanya khabar kepada OKP tersebut. En. Muhammad Amri juga menambah beliau mengalu-alukan program seperti ini diadakan dan berharap program ini akan dapat dilaksanakan pada masa akan datang.



Taklimat program sedang diberikan oleh ketua AADK Daerah Pekan



OKP menerima sumbangan sempena program temu seru



Pengerusi JKPD menyampaikan sumbangan kepada OKP yang terpilih



Ramah mesra pengerusi JKPD bersama keluarga OKP

# PROGRAM REMAJA DAN BELIA “LARIAN BELIAKU SIHAT”

Pagar Sasak, Kuala Lipis 7 Disember 2017 (Khamis)- Seramai 57 orang peserta terlibat dalam Program “Larian Beliaku Sihat” yang dianjurkan oleh AADK Lipis dengan kerjasama KOSPEN Pagar Sasak dan dilaksanakan di Tapak Pekan Sehari Pagar Sasak, Kuala Lipis.

Program ini mendapat sambutan luar biasa daripada peserta-peserta remaja dan belia sekitar taman-taman di bandar Kuala Lipis dan mendapat kerjasama daripada JKKK Sg Kerpan, Majlis Daerah Lipis serta Jabatan Penerangan Kuala Lipis.

Pengisian program pada hari tersebut ialah Ceramah dan Pameran Antidadah, senamrobik serta Larian Beliaku Sihat.

Objektif utama program ini adalah meningkatkan kesedaran kepada masyarakat terutamanya remaja dan belia tentang gejala dadah sebagai musuh No 1 negara serta menyampaikan maklumat dan perkembangan terkini mengenai masalah dadah dalam Daerah Lipis.

Pelepasan Larian Beliaku Sihat telah dilepaskan oleh Pengerusi JKKK Pagar Sasak, Encik Osman Razali. Terima kasih diucapkan di atas kerjasama yang diberikan oleh KOSPEN Pagar Sasak, Pejabat Kesihatan Daerah Lipis dan berharap agar ia dapat berterusan untuk memastikan masyarakat terutamanya remaja bergandingan bahu dengan pihak AADK dalam membasmi masalah dadah di kawasan persekitaran.



PAMERAN ANTIDADAH



CERAMAH ANTIDADAH



PELEPASAN LARIAN BELIAKU SIHAT



SENAMROBIK

# PROGRAM **REMAJA DAN BELIA “PERTANDINGAN SEPAK TAKRAW” AADK LIPIS**

Seramai 8 buah pasukan berentap dalam pertandingan sepak takraw tertutup anjuran AADK Lipis yang dilaksanakan pada 10 Disember 2017 di Gelanggang Arena Camelia, Kuala Lipis.

Program ini mendapat sambutan luar biasa daripada peserta-peserta remaja dan belia sekitar taman-taman di bandar Kuala Lipis dan mendapat kerjasama daripada JKKK Sg Kerpan, Majlis Daerah Lipis serta Jabatan Penerangan Kuala Lipis.

Pengisian program pada hari tersebut ialah Pameran Antidadah, penyerahan pamplet kepada wakil belia serta Pertandingan Sepak Takraw peringkat kumpulan, separuh akhir dan akhir.

Objektif utama program ini adalah meningkatkan kesedaran kepada remaja dan belia tentang gejala dadah sebagai musuh No 1 negara serta menyampaikan maklumat dan perkembangan terkini mengenai masalah dadah dalam negara.

Penyampaian hadiah pertandingan telah disempurnakan oleh Pengerusi JKKK Sg Kerpan, Encik Mazlan Taib dan pertandingan tamat pada pukul 4 petang. Terima kasih diucapkan diatas kerjasama yang diberikan dan berharap agar ia dapat berterusan untuk memastikan remaja dan belia Daerah Lipis bebas daripada masalah dadah.



PENYERAHAN PAMPLET



PERTANDINGAN SEPAKTAKRAW



PASUKAN SEPARUH AKHIR



JUARA PERTANDINGAN SEPAK TAKRAW

## PENCARIAN **ALAM FLORA DAN FAUNA**

Kuala Lipis, 8 November 2017, pihak Jawatankuasa Pemulihan Dadah peringkat Daerah Lipis telah menganjurkan satu program berbentuk sukan dan riadah yang bertemakan Pencarian Alam Flora Dan Fauna pada 8 november 2017 yang diketuai pengerusi JKPD peringkat Daerah Lipis iaitu En Seong Siew Poh. Program tersebut telah dilaksanakan di kawasan riadah Bukit Bius yang melibatkan kawasan Muzium Warisan Sejarah Kuala Lipis dan Mini Zoo Kuala Lipis @ Taman Haiwan Lipis. Program ini telah disertai seramai 42 orang yang terdiri daripada Ahli – ahli JKPD, Orang Kena Pengawasan Daerah Lipis, rakan – rakan strategik dan kakitangan AADK Daerah Lipis.



Sesi taklimat perjalanan program dan sesi memanaskan badan oleh peserta



Sesi pencarian jawapan kuiz di Muzium Warisan Sejarah Kuala Lipis



Sesi Latihan dalam Kumpulan oleh peserta di Mini Zoo Kuala Lipis @ Taman Haiwan Lipis



Sesi penyampaian hadiah pertandingan kepada para peserta program

# PROGRAM RIADAH JKPD BERSAMA KLIEN AADK KUANTAN **KERJASAMA PEJABAT BELIA DAN SUKAN**

Bertempat di Pejabat Belia dan Sukan, UTC Pahang telah berlangsung satu program riadah yang melibatkan kira-kira 40 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD), Kakitangan AADK dan Klien AADK Kuantan.

Program yang bermula jam 9.00 pagi dan berakhir jam 12.00 tengahari itu melibatkan aktiviti zumba, pertandingan memanah, dart dan juga permainan pool. Program ini bertujuan memupuk peserta mengamalkan gaya hidup sihat untuk membantu proses kepulihan disamping merapatkan hubungan silaturahim diantara JKPD dan klien AADK.

Program telah diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah bagi pertandingan memanah. Pihak AADK juga telah memberi sumbangan bunting dan flyers kepada pihak pejabat belia & sukan bagi tujuan kesedaran awam.



Taklimat diberikan oleh kakitangan belia dan sukan kepada peserta.



JKPD bersama OKP didalam setiap kumpulan.



Kakitangan bersama klien wanita bergambar selepas aktiviti zumba.



Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang.

# BICARA BANTERAS DADAH HABIS-HABISAN **PERINGKAT DAERAH JERANTUT OLEH KETUA PENGARAH AADK MALAYSIA**

Program Bicara Banteras Dadah Habis-Habisan Peringkat Daerah Jerantut telah dilaksanakan pada 25 Mac 2017 di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Jerantut merupakan satu program anjuran bersama Pejabat Penerangan Daerah Jerantut. Objektif pelaksanaan program adalah untuk memberi pengetahuan tentang isu dadah semasa kepada ketua komuniti, organisasi kerajaan serta masyarakat setempat bagi mempertingkatkan komitmen orang ramai supaya bersatu dalam memerangi dan membanteras gejala penyalahgunaan dadah.

Hadir sama, Pengarah AADK Pahang, YBhg. Haji Abdul Ghani Bin Abdul Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD) Jerantut, YBhg. Norhelan Binti Mahamud, Pengerusi Rumah Komuniti Prihatin Jerantut, Abdullah Bin Berahim, pegawai dan kakitangan AADK Negeri Pahang.

Selain program bicara itu, majlis yang dihadiri kira-kira 1,257 pengunjung itu turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Ketua Pengarah AADK Malaysia YBhg. Dr. Abdul Halim Bin Mohd Hussin dan Penasihat Kelab Permotoran Jerantut, YBhg. Basri Bin Omar.

Ketua Pengarah AADK, YBhg. Dr. Abdul Halim Bin Mohd Hussin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Parlimen Jerantut, YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Haji Idris kerana tidak jemu-jemu membantu AADK selain berjanji bahawa AADK akan sentiasa berusaha membanteras masalah dadah di daerah ini secara komited. Program diakhiri dengan membebaskan merpati putih sebagai simbolik kebebasan dari najis dadah.



Ketua Pengarah AADK Malaysia YBhg. Dr. Abdul Halim Bin Mohd Hussin sedang menyampaikan ucapan dan taklimat Banteras Dadah Habis-Habisan



Gimik Pelancaran program dengan melepaskan burung merpati daripada sangkar oleh Ahli Parlimen Jerantut, YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Haji Idris



Perjanjian menandatangani memorandum persefahaman antara Ketua Pengarah AADK Malaysia YBhg. Dr. Abdul Halim Bin Mohd Hussin dan Penasihat Kelab Permotoran Jerantut, YBhg. Basri Bin Omar.



Ahli Parlimen Jerantut, YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Haji Idris merasmikan program dengan memalu gong

# FUTSAL AMAL WANITA **DAERAH BERA**

Berlangsung pada 9 April 2017 di Dewan Futsal, Padang Luas Bera yang melibatkan penglibatan langsung daripada Parlimen Daerah Bera, Najib Razak Club (NRC), Generasi Muda Prihatin Daerah Bera, Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah Bera serta AADK Daerah Bera. Program dirasmikan oleh Ahli Parlimen Bera merangkap Menteri di Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Penglibatan peserta daripada belia daerah bera serta Orang Kena Pengawasan Daerah Bera. Sumbangan keperluan dapur seperti barang makanan diwajibkan bagi setiap penyertaan dan sumbangan ini seterusnya disalurkan kepada golongan yang memerlukan serta OKP sendiri melalui program outreach yang dilaksanakan kemudian hari.



UCAPAN PERASMIAN OLEH YB DATO' ISMAIL SABRI BIN YAAKOB



UCAPAN PERASMIAN OLEH YB DATO' ISMAIL SABRI BIN YAAKOB



PESERTA FUTSAL AMAL BERA & PENERUSI OLEH PEGAWAI AADK DAERAH BERA



PESERTA DARI SKUAD AADK DAERAH BERA DAN OKP DAERAH BERA

## MY BEAUTIFUL **MALAYSIA**

Berlangsung pada 14 Mac 2017 di Kawasan Ladang FELDA Purun. Program ini adalah anjuran AADK Daerah Bera dengan kerjasama Pejabat FELDA Purun, Belia Felda Purun, Pejabat Kesihatan Daerah Bera dan Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri Guai. Program ini dilaksanakan di kawasan yang mempunyai kadar kes penagihan yang ramai dalam kawasan Daerah Bera. Program ini dirasmikan oleh YB Dato' Norol Azali Bin Sulaiman, Exco Kesihatan dan Tugas-Tugas Khas merangkap ADUN Kawasan Guai.

Dalam program MBM pada kali ini juga, YB Dato' Norol Azali Bin Sulaiman menyentuh berkenaan remaja yang terlibat dengan penagihan dadah perlu diberi perhatian lebih daripada komuniti setempat kerana setiap penagih adalah pesakit yang harus dirawat.



UCAPAN ALUAN DAN PERASMIAN OLEH YB DATO' NOROL AZALI PROGRAM MY BEAUTIFUL MALAYSIA DAERAH BERA



UCAPAN ALUAN DAN PERASMIAN PROGRAM MY BEAUTIFUL MALAYSIA DAERAH BERA



YB NOROL AZALI BERSAMA KOMUNITI FELDA PURUN

## BUILD LIFE TOGETHER **CAMP**

Berlangsung pada 22 – 24 Ogos 2017 di Lata Lembik Recreation Park Raub Pahang. Peruntukan bagi program ini diterima daripada pihak Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD) Daerah Bera. Penglibatan peserta adalah terdiri daripada Orang Kena Pengawasan (OKP) Daerah Bera iaitu seramai 33 orang. Pelbagai aktiviti menarik disediakan sepanjang program dilaksanakan. Program ini berjaya memberikan persepsi positif serta berjaya menarik minat OKP untuk terus komited dan konsisten mengikuti program pemulihan yang disediakan.



**PESERTA PROGRAM MY BUILD LIFE CAMP  
TOGETHER CAMP DARI OKP DAERAH BERA**



**AKTIVITI OUTDOOR "TUBING"**



**AKTIVITI OUTDOOR**



**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP OLEH  
PENOLONG PENGARAH CCRC RAUB**

# PROGRAM **OUTING & EXCURSION (KHIDMAT MASYARAKAT): SEDETIK BERSAMA SELAMANYA TERASA**

Program berlangsung pada 30 November 2017 di Rumah Anak-Anak Yatim Permata Camar Kuantan Pahang yang melibatkan penglibatan daripada Orang Kena Pengawasan Daerah Bera. Seramai 30 orang anak-anak yatim berumur dari 8 hingga 16 tahun terlibat dalam program ini. Aktiviti menarik seperti sukaria dan Open Mic (perkongsian antara OKP dan anak-anak yatim) telah berjaya dilaksanakan. Matlamat program ini adalah untuk memberikan tauladan secara langsung kepada anak-anak yatim berkenaan tentang bahaya serta kesan penyalahgunaan dadah. Di akhir program ini, sumbangan kepada anak-anak yatim disampaikan oleh pihak AADK Daerah Bera kepada pihak pengurusan rumah anak-anak yatim.



**PESERTA BERSAMA ANAK ANAK YATIM  
PERMATA CAMAR, KUANTAN PAHANG**



**ICE BREAKING PESERTA BERSAMA ANAK  
ANAK YATIM**



**AKTIVITI BERSAMA ANAK ANAK YATIM  
(SESI SHARING)**



**AKTIVITI BERSAMA ANAK ANAK YATIM  
(SESI PUZZLE)**



**AKTIVITI BERSAMA ANAK ANAK YATIM  
(MENARA STRAW)**



**AKTIVITI BERSAMA ANAK ANAK YATIM  
(RUMUSAN SESI LDK)**

# PROGRAM SEMARAKKAN BULAN KEMERDEKAAN 2017

Pada 19hb Ogos 2017 bertempat di Rumah Komuniti (CCH) Daerah Bentong, Bentong, Pahang, AADK Daerah Bentong telah berjaya mengadakan Program Semarakkan Bulan Kemerdekaan 2017. Program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa dari penduduk setempat dan ahli SKUAD AADK Daerah Bentong. Pengisian program ialah taklimat dan penerangan mengenai penyalahgunaan dadah yang disampaikan oleh Pegawai AADK Daerah Bentong, ceramah kesihatan, pemeriksaan kesihatan, deklamasi sajak patriotik oleh OKP dan dirasmikan oleh YB Senator Hoh Khai Mun. Program ini juga mendapat kerjasama yang baik dari rakan strategik iaitu Pejabat Parlimen Bentong, PEMADAM Daerah Bentong, JKPP kampung-kampung berhampiran dan JPPP taman-taman yang berhampiran.



**BARISAN PESERTA BERSEDIA  
MENGIBARKAN BENDERA MALAYSIA**



**YB SENATOR HOH KHAI MUN BERGAMBAR  
BERSAMA AHLI JKPD**



**BARISAN JEMPUTAN VIP SEDANG  
MENDENGAR UCAPAN ALUAN KETUA  
PEGAWAI**



**KIBARAN BENDERA BERSAMA PENERUSI  
SKUAD AADK DAERAH BENTONG**

# SABAH

## SAMBUTAN HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2017 PERINGKAT NEGERI SABAH

Pada 15 Mac 2017, YB Datuk Hajah Jainab DSP Haji Ahmad Ayid, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah telah merasmikan Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan 2017 Peringkat Negeri Sabah yang diadakan di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan bahawa program ini merupakan salah satu usaha murni kerajaan bagi menggerakkan masyarakat supaya bersama-sama membantu kerajaan bagi menangani masalah dadah yang kian membimbangkan dan meruncing di negara kita. Perangi dadah tidak boleh bersifat ad hoc dan perlu fokus kepada kumpulan sasaran yang hendak dituju. Atas dasar itu, keupayaan komuniti cukup kritikal dalam menentukan kejayaan usaha kita. Usaha tersebut pula harus bermula dari strategi pencegahan. Mengangkat tema Hari Antidadah Kebangsaan 2017 (HADK 2017) "Pencegahan Dadah Bermula Dari Rumah", penekanan terhadap peranan ibubapa, keluarga dan komuniti perlu diperkasa dan diperkukuhkan.



Pendaftaran peserta Program HADAK 2017



Sesi soal jawab bersama panel-panel program bual bicara



Bersama YB Datuk Hajah Jainab DSP Hj Ahmad Ayid sebagai perasmis program HADAK 2017



Antara peserta-peserta program yang hadir

# MAJLIS MALAM APRESIASI **AGENSI ANTIDADAH** **KEBANGSAAN NEGERI SABAH 2017**

Pada 12 Disember 2017, YB Datuk Hajah Jainab DSP Haji Ahmad Ayid, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah telah merasmikan Majlis Malam Apresiasi Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sabah 2017 yang diadakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sabah di Ming Garden Hotel Kota Kinabalu. Majlis ini adalah malam yang istimewa menunjukkan kerjasama antara warga kerja AADK bersama rakan pintar dan rakan strategik yang selama ini telah menunjukkan komitmen yang berterusan dalam memberi khidmat kepada kumpulan sasar tanpa mengenal erti penat dan lelah. Malam ini membuktikan warga kerja AADK juga komited untuk merealisasikan tema malam apresiasi ini iaitu glamorous. Masing-masing cuba tampil bergaya menepati tema pada malam ini. Elemen ini juga akan terzahir apabila kerjasama antara warga kerja AADK bersama rakan pintar dan rakan strategik diadun dalam pendekatan NBOS yang seterusnya dicanang secara berhemah di media-media baru dan konvensional. Majlis malam ini juga diserikan dengan penyampaian sijil pelantikan Focal Person dan Ikon Antidadah bagi Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) yang didatangkan khas dari Pejabat YAB Timbalan Perdana Malaysia, turut diadakan penyampaian 6 Anugerah kecemerlangan kepada kakitangan AADK Negeri Sabah dan sijil penghargaan media seluruh Negeri Sabah.



## PROGRAM BERSAMA YB DATUK SERI PANGLIMA HJ ABDUL RAHIM ISMAIL PADA 25.01.2017.

Pertandingan futsal (23-24.01.2017) dan majlis penutupan dan penyampaian hadiah sempena program sukan sebagai terapi #badansihathidupceria anjuran (KP) SPADA UMS bersama CCRC Papar, dirasmikan oleh YB Datuk Seri Panglima Hj. Abdul Rahim Ismail..



## PROGRAM BERSAMA PENCETUS UMMAH PADA 10.02.2017

Program bersama PU Azihal Bangsawan sempena kembara dakwah Papar & Bongawan di Masjid Al-falah CCRC Dan Klinik C&C 1Malaysia Papar, beliau merupakan salah satu peserta rancangan realiti TV Pencetus Ummah. Semoga ikon seperti ini dapat memberi inspirasi kepada klien dalam usaha mereka untuk berubah ke arah kehidupan yang berpegang teguh kepada ajaran agama.



**09 FEB 2017 (KHAMIS)**  
Maghrib : Surau SMK Benoni, Papar

**10 FEB 2017 (JUMAAT)**  
Subuh : Masjid Azizurrahman, Kg Baru Kimanis  
Khutbah : Masjid Azizurrahman, Kg Baru Kimanis  
Ceramah : Klinik Cure and Care (CnC) Kimanis, Papar  
Maghrib : Masjid Azizurrahman, Kg Baru Kimanis

**11 FEB 2017 (SABTU)**  
Subuh : Masjid Jamek as-Salam Kg Benoni, Papar  
Maghrib : Masjid Nurul Hidayah Pekan Bongawan

**12 FEB 2017 (AHAD)**  
Subuh : Masjid Takis, Papar

Sebarang Sumber-sumber / Makluf

**BANK ISLAM**  
PUSAT PENGHAJIAN DARUL HASANAH  
BANK ISLAM: 12300010001568

## PROGRAM & AKTIVITI **KLIEN CCRC PAPAR** **PADA 14-15.02.2017.**

Program kesedaran kesihatan seumpama ini dibuat di dewan Serbaguna CCRC Papar dan melibatkan semua kakitangan dan klien. Selain taklimat berkaitan penyakit tibi dan HIV, program ini juga memupuk kesedaran pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat dan menjauhi gejala penyalahgunaan dadah.



## PROGRAM & AKTIVITI **(OUTING) KLIEN CCRC PAPAR** **PADA 02.03.2017.**

Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Ke 35 PEMADAM Sabah dan jasmu dikenang oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Hj. Aman, Ketua Menteri Sabah dan merangkap Penaung PEMADAM Negeri Sabah.

\*Seramai 9 orang klien (team d'tanakwagu buskers CCRC Papar) yang telah terlibat dengan program ini



## PROGRAM **SEMPENA BULAN RAMADHAN PADA 20.06.2017.**

Sempena bulan Ramadhan, pihak CCRC Papar mengundang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Manis, Datuk Seri Panglima Haji Abdul Rahim Ismail yang juga selaku pengerusi Ahli Lembaga Pelawat CCRC Papar untuk menyampaikan watak pembebasan klien. Beliau juga turut bersama bergotong-royong memasak bubur lambuk dan menyampaikan amanat serta mempromosikan CCRC Papar sebagai salah satu tempat pengajian untuk klien dalam usaha memulih dan merawat mereka.



## MAJLIS MAKAN MALAM AHLI LEMBAGA PELAWAT SEMPENA **PERSARAAN PILIHAN PENGARAH PADA 25.11.2017 DAN MALAM PENGHARGAAN SEMPENA PERSARAAN PILIHAN PENGARAH PADA 30.11.2017.**

Majlis ini bagi mengenang dan menghargai Tuan Tugiman Bin Kayun iaitu pengarah CCRC dan Klinik C&C 1Malaysia Papar diatas jasa dan bakti beliau sempena persaraannya. Majlis Makan Malam turut dihadiri oleh pengerusi ahli lembaga pelawat CCRC Papar Datuk Seri Panglima Haji Abdul Rahim Ismail bersama ahli yang lain. Sumbangan dan bakti Tuan Tugiman bin Kayun selama memimpin CCRC Papar diharap dapat dijadikan panduan warga CCRC Papar khususnya. Jawatan beliau akan berakhir pada 31.12.2017 dan akan diambil alih oleh Tuan Albert Tian bermula pada Januari 2018.



# SARAWAK

## RANCANGAN SINGGAH DOLOK **TV1 RTM**

AADK Negeri Sarawak dengan kerjasama RTM telah menerbitkan satu dokumentari yang memaparkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh AADK termasuk di CCRC. Banyak agensi yang terlibat dalam menjayakan rakaman ini termasuk Focal Person PDH YB Hajah Sharifah Hasidah Bt Syeed Aman Ghazali. Tempat tumpuan utama rakaman adalah di kawasan PDH Semariang, Petra Jaya Kuching selain di Pejabat AADK Negeri Sarawak, CCRC Kuching, AADK & CCSC Kuching. Agensi-agensi lain yang terlibat ialah seperti JPN, Pejabat Daerah Kuching, CCH Samariang, JKKK Samariang, Skuad AADK, JK Masjid dan SMK Bandar Baru Samariang. Tempoh rakaman ialah dari 2 hingga 4 Mei 2017.



KEMASUKAN KE CCSC



PERHIMPUNAN PAGI DI SMK BANDAR BARU SEMARIANG



MYBM



WALKING MESEJ



FOCAL PERSON PDH YB HAJAH SHARIFAH HASIDAH BT SYEED AMAN GHAZALI



OPS BERSEPADU, UNIT PENGUATKUASAAN

# SAMBUTAN **HADAK 2017 PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

Pada 16 Mac 2017, AADK Negeri Sarawak dengan kerjasama GIANT Hypermarket telah mengadakan sambutan Hari Antidadah Kebangsaan (HADAK) 2017 di GIANT Semariang, Petra Jaya Kuching. Pelbagai aktiviti dilaksanakan untuk semua golongan masyarakat yang hadir untuk membeli-belah. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, merangkap Ahli Parlimen P194, Petra Jaya. Skuad AADK yang terdiri daripada pelajar UNITAR hadir untuk membantu menjayakan program.



Pertandingan mewarna kanak-kanak



Persembahan Buskers dari CCRC Kuching



Tetamu Kehormat



Sandwich Girls dari UNITAR

## COMMUNITY EMPOWERMENT – **PENYERAHAN VIDEO KEMPEN #PERANGI DADAH HABIS-HABISAN (PDH)**

Di mana-mana kompleks membeli-belah, sudah semestinya LIGHT-EMITTING DIODE (LED) memainkan peranan penting dalam mempromosi produk atau jualan murah kerana ianya akan menjadi tumpuan awam yang berkunjung. Oleh itu AADK Negeri Sarawak dengan kerjasama Plaza Merdeka Management Sdn. Bhd. Telah melancarkan video kempen antidadah di Kompleks beli-belah Plaza Merdeka Kuching yang terletak amat strategik di tengah-tengah Bandaraya Kuching. YB Puan HjH Sharifah Hasida Bt Syeed Aman Ghazali hadir untuk menyaksikan majlis penyerahan video yang dilaksanakan pada 13 September 2017. AADK Negeri Sarawak diwakili oleh Puan Kartina Bt Ujin manakala pihak Pengurusan Plaza Merdeka diwakili oleh Encik Cheah Kheng Mun, General Manager Plaza Merdeka Kuching.



TETAMU KEHORMAT BERSAMA JEMPUTAN



PENYERAHAN VIDEO OLEH YB SHARIFAH  
KEPADA PLAZA MERDEKA




PELANCARAN TAYANGAN VIDEO DI LED

# PROGRAM **BREAK OFF, METRO CITY MATANG**

Konsep Community Empowerment telah berjaya mengembleng tenaga pelbagai pihak bagi menjayakan pelaksanaan Program Break Off, Metro City Matang. Pelaksanaan program secara NBOS ini telah menghimpunkan lebih kurang 60 agensi kerajaan, swasta, NGOs, PBT, Korporate dan Persatuan-persatuan penduduk. Program besar ini memerlukan AADK hanya mengeluarkan kos yang minimum hasil tajaan bersama Dato Chong Kia Hoi, Pengerusi dan Pengarah Urusan, CKH Realty Group telah rela hati memberi penggunaan tapak program secara percuma kepada AADK. YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, merangkap Ahli Parlimen P194, Petra Jaya hadir untuk merasmikan program.

## CORAT-CORET PROGRAM BREAK OFF, METRO CITY MATANG, KUCHING



# PENDIDIKAN DAN PENCEGAHAN DADAH **AKAR UMBI**

Menyokong pelaksanaan NBOS, Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Sibujaya, Sarawak telah melaksanakan Sesi Dialog Program 'Social Engagements Community Service' (Outreach Programme), 'Antidrugs Explore Race' sempena Pesta Sibujaya 2017 dan Program Kesedaran Jenayah, pada bulan April, Oktober dan November yang lalu bertempat di kawasan berisiko tinggi iaitu Sibujaya. Program pencegahan antidadah yang berfokuskan kepada individu, keluarga dan komuniti di kawasan berisiko tersebut dijayakan dengan kerjasama Majlis Daerah Luar Bandar Sibujaya dan Pejabat Daerah Sibujaya. Objektifnya adalah untuk mencegah komuniti di kawasan tersebut daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah khususnya golongan remaja dan belia yang mudah terpengaruh. Hasil daripada program yang dianjurkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Sibujaya bersama-sama agensi kerajaan lain dan pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat seperti PEMADAM Daerah Sibujaya, remaja dan belia di kawasan ini mendapat input dan pengetahuan semasa akibat penyalahgunaan dadah yang boleh menghancurkan masa depan individu, masyarakat, agama dan negara. Melalui pelaksanaan program ini sedikit sebanyak dapat memberi kesedaran dan membuka mata banyak pihak memandangkan pengambilan dadah boleh mengancam kestabilan sosioekonomi negara. Pelaksanaan program antidadah secara NBOS ini dilihat lebih berjaya dengan kepelbagaian pendekatan serta lebih holistik. Pendekatan dan penyampaian maklumat dengan cara berbeza juga dapat dilaksanakan dengan lebih baik. AADK Daerah Sibujaya juga mendapat kepercayaan pihak Majlis Daerah Luar Bandar Sibujaya serta NGO di kawasan setempat bagi melaksanakan program kesedaran antidadah dengan menjemput AADK ke setiap lokasi program anjuran mereka. Bagi meneruskan kerancakkan kerjasama dan hubungan erat ini juga, satu Nota Perjanjian Persefahaman (NOU) akan dilaksanakan antara AADK dan Majlis Daerah Luar Bandar Sibujaya pada tahun hadapan. Usaha ini adalah selaras dengan Dasar Dadah Negara dan bagi memastikan komuniti di kawasan tersebut bebas dadah, melahirkan masyarakat yang sihat dan mampan dalam membentuk aset yang bernilai untuk negara.



Penyampaian Penghargaan oleh Pengerusi MDLBS, Cr. Sempurai ak. Petrus Ngelai kepada Ketua Daerah AADK Daerah Sibujaya, En. Mohd. Fazil bin Johari sempena 'Antidrugs Explorace Race'.



Permainan Musang Berjanggut sempena 'Antidrugs Explore Race'.



Mencari Duit Syiling dalam Tepung sempena 'Antidrugs Explore Race'.

# MAJLIS TINDAKAN MEMBANTERAS DADAH (MTMD) **BAHAGIAN SIBU ANJUR SIMPOSIUM PENDAYAUPAYAAN KOMUNITI**

Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Bil. 1/2017 yang diadakan pada 10 Mac 2017 dipengerusikan oleh Encik Hii Chang Kee, Residen Bahagian Sibul telah memersetujui pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik MTMD Bahagian Sibul 2017/2018. Tempoh dua tahun bagi pelaksanaan empat (4) Pelan Tindakan Strategik yang telah dipersetujui tersebut adalah julung kalinya diadakan oleh MTMD bagi menyampaikan maklumat tentang penyalahgunaan dadah kepada masyarakat serta memperkasakan peranan MTMD iaitu:

- Menyebarluaskan Maklumat Mengenai Perkembangan Dadah Semasa Kepada Masyarakat Umum.
- Pendekatan Baharu dan Segar Bersama Masyarakat.
- Memperkasakan Peranan Rakan Strategik, Rakan Pintar dan NGOs.
- Pelaksanaan Kampung dan Taman Angkat MTMD.

Bagi mencapai hasrat tersebut, pelaksanaan program secara NBOS iaitu Simposium Pendayaupayaan Komuniti telah dirancang dan dilaksanakan oleh MTMD Bahagian Sibul dengan kerjasama Majlis Pembangunan Sosial Sarawak, Pejabat Residen Bahagian Sibul, Pejabat Daerah Sibul, PEMADAM Daerah Sibul, PEMADAM Daerah Kanowit dan PEMADAM Daerah Selangau pada 15 Julai 2017 yang lalu dan berjaya menghimpunkan 350 orang peserta terdiri daripada ketua jabatan, pemimpin masyarakat, Ketua Masyarakat, Ketua Kaum, Ahli Majlis, NGO dan pemimpin persatuan. Ini adalah usaha MTMD bagi memperkasakan dan memperkayakan maklumat tentang penyalahgunaan dadah kepada golongan sasaran. Simposium ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Tiong Thai King, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Dudong merangkap Pengerusi Majlis Perbandaran Sibul.



## PROGRAM **TOT SKUAD AADK DEMAK LAUT**

Program dijalankan selama 2 hari iaitu 30 September hingga 1 Oktober 2017. Berlangsung di Dewan Masyarakat Kampung Bako Lot, Kuching. Populasi penduduk adalah sederhana dan kebanyakan penduduk adalah nelayan. Kampung Bako juga merupakan kawasan tumpuan pelancong.

Peserta didedahkan dengan cabaran menangani dadah di peringkat komuniti. Antaranya cara membuat aduan, saluran untuk mendapat rawatan dan pemulihan dan pencegahan di dalam komuniti. Mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat kerana sebahagian besar peserta agak bimbang tentang masalah dadah di kampung mereka.

ADUN kawasan Demak Laut, YB Dr Haji Hazland bin Abg Hipni turut menyokong program ini dengan membiayai sepenuhnya perbelanjaan sepanjang dua hari program.



## PROGRAM **JOM NGERAYO DI GITA**

Program ini dijalankan pada 4 Mac 2017 sempena Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan 2.0 di kawasan Gita. Salah satu cabang dalam PDH ialah Community Empowerment. Masyarakat sendiri menggerakkan komuniti setempat untuk memerangi dadah. Langkah ini penting untuk komuniti memainkan peranan dalam kempen ini.

Antara program yang dijalankan ialah Perarakan Antidadah di sepanjang jalan utama Kampung Gita. Antara pengisian program tersebut adalah pertandingan sepanduk Antidadah, pameran antidadah, taklimat antidadah, program kesihatan, penyampaian sumbangan kepada warga emas dan pertandingan mewarna kanak-kanak. ADUN kawasan turut menyumbang wang tunai sebanyak RM 1,500.00 untuk hadiah pertandingan dan membiayai kos makan dan minum sepanjang program.

Hadir pada majlis tersebut ialah ADUN kawasan N6 Tupong YB En Fazzrudin bin Abd Rahman yang juga merupakan Ikon Antidadah PDH kawasan Gita. Turut serta ketua-ketua jabatan seperti PDRM, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kesihatan, JPNIN, pihak berkuasa tempatan dan ahli JKPD Daerah Kuching.



# PROGRAM BERGULAI SEJALAI PERANGI DADAH

Aktiviti yang dijalankan bermula jam 7.00 pagi pada 22 April 2017 di Sri Aman, salah satu kawasan PDH 2017. Di antara pengisian program adalah pertandingan Sepanduk Antidadah dan sebanyak 17 kumpulan yang menyertai pertandingan. Para peserta membawa pelbagai bentuk sepanduk yang bertemakan antidadah mengikut kreativiti masing-masing.

Kumpulan sepanduk berkumpul di Mini Stadium sambil menanti kehadiran YB Francis Harden Hollis, ahli DUN N27 untuk majlis perasmian Penutupan Program Begulai Sejalai Perangi Dadah Sri Aman. Aktiviti seperti mewarna oleh kanak-kanak, demonstrasi masakan dan pameran turut diadakan sepanjang program berlangsung. Program ini adalah bagi memaklumkan kepada orang awam tujuan kedatangan pihak Agensi bersama di kawasan tersebut adalah sempena program #PDH 2.0” yang dilaksanakan di kawasan berisiko. Pihak AADK membuat edaran flyers dan menyampaikan maklumat mengenai bahaya dadah kepada semua peringkat lapisan komuniti. Program sebegini memerlukan sokongan semua lapisan komuniti agar dapat sama-sama membendung permasalahan penagihan dadah di kawasan mereka dari masa ke semasa. YB Francis Harden Hollis telah memberi sumbangan untuk menjayakan program tersebut.



# MY FAMILY IS **AWESOME**

Psiko Pendidikan Kesedaran Dadah Dalam Keluarga adalah sebagai satu elemen penting dalam Rawatan dan Pemulihan Dadah khususnya kepada Orang Bawah Pengawasan (OKP) yang di bawah selia oleh AADK.

Program “My Family Is Owersome” yang dianjurkan oleh AADK Daerah Kuching bersama Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah (JKPD) Daerah Kuching dan CCSC Kuching pada 28hb Okt 2017 di Homestay Haji Lokman, Jalan Santubong, Kuching, telah menerapkan penyaluran maklumat melalui kepelbagaian aktiviti. Dengan kepakaran yang dimiliki oleh ahli - ahli JKPD, program ini telah memberikan manfaat dan impak yang sangat positif di kalangan OKP serta keluarga yang hadir. Jalinan kekeluargaan antara OKP dan keluarga menjadi lebih mesra dan awesome.



LDK “Membangunkan Percaya Diri”



Motivasi Diri



Riang Ria ‘Family Ohsem’

## LATIHAN ASAS PEKERJA DIGITAL EREZEKI

Program Kursus Latihan Asas Pekerja Digital eRezeki adalah salah satu pengisian dalam elemen rawatan dan pemulihan khusus kepada OKP-OKP lelaki dan wanita. Di bawah kempen ekonomi digital MDEC, dua program teras iaitu program 'eRezeki' dan 'eUsahawan' dan juga dikenali sebagai #youcanduit diperkenalkan untuk membuka laluan dan melatih isi rumah berpendapatan rendah agar dapat meraih peluang pendapatan melalui alam digital. Program eRezeki melibatkan kumpulan sasar yang amat penting iaitu golongan "B40" atau isi rumah yang berpendapatan rendah. Program eRezeki ini menyediakan platform bagi kumpulan ini menjana pendapatan tambahan. Ini boleh dilakukan melalui aktiviti atau tugas mudah yang bersesuaian dengan kemahiran isi rumah mengikut keselesaan dan meluangkan sedikit masa (fleksibel). AADK Daerah Kuching dengan kerjasama Kolej Komuniti Mas Gading dan Kolej Komuniti Kuching telah menganjurkan 2 siri Kursus Latihan Asas Pekerja Digital eRezeki pada 19 Ogos 2017 dan 30 September yang lepas. Seramai 15 kes pengawasan AADK Daerah Kuching telah menghadiri kursus tersebut. Dengan adanya program seumpama ini dapat memberi peluang dan manfaat kepada OKP untuk menjana pendapatan tambahan secara digital.



## “LAN BERAMBEH SUNGKEI” BERSAMA JKPD

Bersempena dengan Sambutan Nuzul Al-Quran 2017/1438H, AADK Daerah Kuching bersama Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah (JKPD) Daerah Kuching telah menganjurkan program “Lan Berambéh Sungkei” pada 14 Jun 2017 yang lepas khususnya kepada Orang Bawah Pengawasan (OKP) yang di bawah selia oleh AADK Daerah Kuching. Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk mengeratkan ukhwah dan silaturrahim antara ahli-ahli JKPD, kakitangan AADK, OKP-OKP dan komuniti setempat. Selain itu juga program ini mengajak OKP-OKP untuk memanfaatkan bulan Ramadhan dengan aktiviti-aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan seterusnya beramah mesra antara satu sama lain dalam persekitaran yang selesa dan tidak tergugat. Matlamat akhir Ramadhan ialah bagi melahirkan insan yang bersih dari rohani dan jasmani melalui ibadah puasa dan amalan sunat yang lain.



## KURSUS eUSAHAWAN DESA BERSAMA MDEC

Pada 11 November 2017 yang lepas, AADK Daerah Kuching dengan kerjasama MDEC telah menganjurkan Kursus eUsahawan Desa bertempat di Kolej Komuniti Kuching. Seramai 10 orang kes pengawasan AADK Daerah Kuching telah menghadiri kursus tersebut. Program ini memberi peluang kepada OKP-OKP untuk menjana pendapatan tambahan secara digital melalui perniagaan secara online. Teknologi digital telah mengubah cara kita bekerja dan menjalani kehidupan seharian. Dengan adanya program seumpama ini dapat memberi manfaat kepada OKP yang belum mendapat pekerjaan atau OKP yang telah bekerja tetapi isi rumah berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan tambahan. Program kerjasama bersama rakan strategik seumpama ini sebagai bukti kesungguhan dan usaha AADK Daerah Kuching untuk membantu kebolehpasaran Orang Kena Pengawasan (OKP) menjadi sebahagian daripada tenaga kerja digital yang positif, berdaya saing, sentiasa bersemangat untuk mencuba dan sanggup mengambil risiko agar mereka mampu berdikari seterusnya mampu mengekalkan kepulihan mereka.



## “KEPERIHATINAN YANG **MENGINSAFKAN**”

Sebagai klien CCSC, minda mereka haruslah sentiasa dipupuk dengan pemikiran yang mempunyai perspektif yang luas. Aktiviti – aktiviti yang bercorak integrasi perlu sentiasa diwujudkan. Melalui cara ini, peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang bercorak kemasyarakatan memupuk keperihatinan serta nilai tanggungjawab dalam hidup bermasyarakat.

Pada 29 Nov 2017, CCSC Miri bersama penduduk Kampung Dagang, Bekenu Miri telah mendapat sumbangan dari YB Datu Haji Ahmad Lai Bin Bujang, Ahli Parlimen P218 Sibuti untuk membantu membaik pulih sebuah rumah seorang ibu tunggal yang kurang bernasib baik.

Gotong royong bersama penduduk setempat ini telah membuka minda klien serta masyarakat bahawa sikap kerjasama dan tanggungjawab dalam mengatasi apa jua musibah adalah amat penting dalam hidup bermasyarakat di samping mengubah persepsi masyarakat terhadap bekas penagih dadah. Dengan cara ini, klien dapat menanam sikap sayangkan diri dan negara serta meningkatkan tahap keyakinan dalam berhadapan dengan masyarakat khususnya dan dunia luar amnya.



**GOTONG ROYONG MEMBAIK PULIH RUMAH  
PENDUDUK KAMPUNG**



**MEMBINA SEMANGAT BERGOTONG-ROYONG**



**KEPERCAYAAN DAN SOKONGAN MASYARAKAT PEMBERI SEMANGAT**

# PENGUATKUASAAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI DARAT DAN AIR

AADK Daerah SibU telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan keselamatan secara NBOS bersama beberapa agensi dan Jabatan Kerajaan dalam tahun 2017. Operasi bersepadu ini dijalankan untuk membanteras gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat.

Pada 15 Ogos 2017 Operasi bersepadu bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah dijalankan di sepanjang Perairan Tanjung Manis dengan menggunakan sebuah aset APMM. Dalam operasi tersebut pihak AADK telah menahan dua (2) awak-awak kerana didapati positif dadah. Melalui kejayaan kolaborasi ini AADK Daerah SibU dan APMM Pangkalan Tanjung Manis telah merancang untuk melaksanakan operasi berskala besar pada tahun 2018.

Operasi bersepadu bersama Polis Marin (PDRM) dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) telah dijalankan di sepanjang Perairan Pantai Belawai. Operasi dijalankan pada 8 November 2017 telah memeriksa tujuh buah kapal dan bot nelayan serta menahan dua orang kelasi kapal warga asing yang disyaki penagih dadah kerana positif saringan awal dan kes tersebut dirujuk kepada pihak JSJN untuk tindakan selanjutnya.

AADK Daerah SibU juga telah menyertai operasi bersepadu bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pelbagai jabatan kerajaan lain pada 21 Ogos 2017 untuk menyelamat gelandangan di sekitar Bandar SibU. Operasi turut disertai oleh Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Sri Hajah Fatimah Binti Abdullah.

Pada 29 dan 30 November 2017 AADK Daerah SibU telah menjalankan operasi bersepadu bersama Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT). Operasi yang dijalankan selama dua hari tersebut memfokuskan kepada pengguna jalan raya dan pemandu bas khususnya. Operasi bersepadu seperti ini akan terus dijalankan pada masa akan datang bagi membendung masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan pemandu bas sekaligus dapat memaksimumkan keselamatan penumpang.

Pada tahun 2018 AADK Daerah SibU telah membuat satu pelan strategik untuk memantapkan lagi aktiviti penguatkuasaan secara NBOS. Operasi bersepadu ini akan melibatkan pelbagai agensi dan jabatan termasuklah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS) dan Lembaga Pelabuhan Rajang (LPR).



Operasi bersepadu bersama APMM di Perairan Tanjung Manis, Sarawak



Pemeriksaan terhadap nelayan yang disyaki penagih dadah.



Ujian saringan air kencing terhadap nelayan



Operasi Bersepadu Bersama Polis Marin Di Perairan Pantai Belawai, Sarawak



Bergambar kenangan bersama Ketua Bahagian Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik SibU



Pemeriksaan terhadap salah seorang pemandu bas.

# SENARAI JAWATANKUASA BUKU SUCCESS STORY AADK 2017

---

## **PENASIHAT:**

---

**Dato' Dr. Abd. Halim Bin Mohd Hussin**  
Ketua Pengarah

---

## **PENGERUSI**

---

**Dato' Hj. Izhar bin Abu Talib**  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

**En. Che Kodir bin Baharum**  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

---

## **SIDANG EDITOR**

---

En. Muhammad Faliq bin Mustafa Kamal  
En. Khairul Hisham bin Mohamed Yusof  
Pn. Siti Salisa binti Musa  
Cik Nurul Aqilaah binti Azuddin  
Pn. Nurahmadiana binti Mohd Taib  
En. Alfauzi bin Alim  
Pn. Norazimah binti Kamaruddin  
En. Kamarul Akmar bin Mukhtar  
En. Mohd Azlan bin Ahmad  
Pn. Nor'ashikin binti Abdul Rahman  
En. Jonathan Lim Jiun Yenn  
Pn. Mazlina binti Kassim  
Pn. Azizah binti Hamzah  
Pn. Rohazita binti Ramza  
En Razak bin Aris  
En. Hairul Azhar bin Mohamed